

**KESAN TEKNOLOGI MODEN TERHADAP
PERUBAHAN HUKUM : ANALISIS TERHADAP
PENGUNAAN SHORT MESSAGE SERVICE
(SMS)**

MUHAMMAD FAKHRUDDIN BIN ISHAK

**JABATAN FIQH DAN USUL
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR
2010**

**KESAN TEKNOLOGI MODEN TERHADAP
PERUBAHAN HUKUM : ANALISIS TERHADAP
PENGUNAAN SHORT MESSAGE SERVICE
(SMS)**

MUHAMMAD FAKHRUDDIN BIN ISHAK

**DISERTASI INI DIKEMUKAKAN UNTUK
MEMENUHI KEPERLUAN BAGI
IJAZAH SARJANA SYARIAH
(SECARA BERKURSUS DAN DISERTASI)**

**JABATAN FIQH DAN USUL
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR
2010**

UNIVERSITI MALAYA

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Nama : **MUHAMMAD FAKHRUDDIN BIN ISHAK** (No. K.P/Pasport: **750817-06-5419**)

No. Pendaftaran/Matrik : **IGA 030009**

Nama Ijazah : **SARJANA SYARIAH**

Tajuk Kertas Projek/Laporan Penyelidikan/Disertasi/Tesis (“Hasil Kerja Ini”) :

KESAN TEKNOLOGI MODEN TERHADAP PERUBAHAN HUKUM : ANALISIS TERHADAP PENGGUNAAN SHORT MESSAGE SERVICE (SMS)

Bidang Penyelidikan : **HUKUM ISLAM DAN MASYARAKAT**

Saya dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa :

- (1) Saya adalah satu-satunya pengarang/penulis Hasil Kerja ini;
- (2) Hasil Kerja ini adalah asli;
- (3) Apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya dan satu pengiktirafan tajuk hasil kerja tersebut dan pengarang/penulisnya telah dilakukan dalam Hasil Kerja ini;
- (4) Saya tidak mempunyai apa-apa pengetahuan sebenar atau patut semunasabahnya tahu bahawa penghasilan Hasil Kerja ini melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain;
- (5) Saya dengan ini menyerahkan kesemua dan tiap-tiap hak yang terkandung di dalam hakcipta Hasil Kerja ini kepada Universiti Malaya (“UM”) yang seterusnya mula dari sekarang adalah tuan punya kepada hakcipta di dalam Hasil Kerja ini dan apa-apa pengeluaran semula atau penggunaan dalam apa jua bentuk atau dengan apa jua cara sekalipun adalah dilarang tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis dari UM;
- (6) Saya sedar sepenuhnya sekiranya dalam masa penghasilan Hasil Kerja ini saya telah melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain sama ada dengan niat atau sebaliknya, saya boleh dikenakan tindakan undang-undang atau apa-apa tindakan lain sebagaimana yang diputuskan oleh UM.

Tandatangan Calon

Tarikh : 22 April 2010

Diperbuat dan sesungguhnya diakui di hadapan,

Tandatangan Saksi

Tarikh : 22 April 2010

Nama : Prof. Madya Dr. Rahimin Affandi bin Abd Rahim

Jawatan : Pensyarah

ABSTRAK

Disertasi ini mengkaji kesan teknologi moden terhadap perubahan hukum. Lebih khusus lagi dalam bidang telekomunikasi iaitu penggunaan Short Message Service (SMS). Isu yang dikaji ialah sejauhmana pembinaan hukum dapat dilakukan dengan mengambil kira faktor teknologi yang membentuk satu budaya dalam kehidupan masyarakat. Objektifnya ialah untuk menonjolkan pengaruh teknologi dalam perubahan hukum fiqh. Selain itu, ianya bertujuan menjelaskan teori-teori syarak yang berkaitan dengan perubahan hukum fiqh semasa dan juga menjelaskan hukum berkaitan penggunaan SMS berasaskan teori-teori terbabit. Kajian ini telah menggunakan metode kajian perpustakaan. Bagi mengukuhkan lagi data yang diperolehi, metode temubual juga turut diadakan. Datanya diterangkan dalam lima bab untuk menjelaskan kerangka teori dan latar belakang bagi menjawab keperluan permasalahan kajian. Bab satu menerangkan tentang pendahuluan dengan mengemukakan pernyataan masalah kajian, objektif, skop kajian, metodologi penyelidikan, definisi tajuk dan kajian lepas. Bab dua membincangkan mengenai metodologi pembinaan hukum syarak serta perubahannya melalui kaedah *Uṣūl al-Fiqh*, *Maqāṣid al-Syarī'ah* dan *Qawā'id al-Fiqhiyyah*. Bab tiga pula menerangkan mengenai teknologi moden, teknologi SMS, sejarahnya, konsepnya dan aplikasi penggunaannya. Bab empat mengkaji tentang masalah penggunaan SMS dalam isu-isu terpilih berkaitan ibadat, munakahat dan muamalat. Justeru itu pada bab akhir pengkaji mengemukakan beberapa saranan dan cadangan bagi menjelaskan lagi proses pembinaan hukum yang berkaitan dengan penggunaan SMS. Dapatan dan hasil kajian menunjukkan bahawa penggunaan SMS sememangnya memberi impak yang besar dalam kehidupan masyarakat dan sekalipun bukan sebagai faktor pengubah hukum yang utama, namun penggunaannya diambilkira dalam membina hukum fiqh. Hal ini dapat dilihat hal ibadat (derma dan zakat), munakahat (nikah dan cerai) dan muamalat (undian rancangan realiti hiburan dan perbankan SMS). Maka kefahaman mengenai hukumnya amatlah diperlukan sebagai panduan kepada umat dalam berinteraksi dengan perkembangan teknologi moden.

ABSTRACT

This dissertation is a study on the impact of modern technologies on hukm. It is looking particularly at the impact of telecommunications industries by using the Short Message Service (SMS). The focus of the study will try to discern whether the Islamic law can be adapted to the changing situation including the modern technologies that has been influenced the Muslim societies. Therefore, it main objectives to expose the impact of the modern technologies in the transformation of Islamic hukm. Besides, it also describes the certain fiqh's legal theories pertaining to the contemporary Islamic law and its impact upon the use of SMS. In order to achieve such objectives, the study will utilize both the library and study case method. Some interviews were also conducted to further strengthen the information theoretical frame and provide the background of the problems. Chapter one explains the objectives of the research by explaining the definition, scope of research and the methods obtained. The study was constructed into five chapters to describe the used for this thesis as well as the literature review. The second chapter discusses the methods of hukm through the *Uṣūl al-Fiqh*, the objectives of *Syarī'ah (Maqāsid al-Syarī'ah)* and *Syarī'ah Maxim (Qawā'id al-Fiqhiyyah)*. The third chapter discusses the modern technologies, its history, the concept matter and its applications used by the people. The fourth chapter describes the uses of SMS in three major field of Islamic law: ibadat, munakahat and muamalat. Finally, it were followed with the final chapter, which included by some suggestions of the studies. The study finds that although the use of SMS was not become the major alteration factor in Islamic law, such SMS technologies indeed has a major impact on values and the related hukm. This can be found in the field of ibadat (donation and zakat), munakahat (marriage and divorce) and muamalat (voting for the reality TV and SMS's banking). Therefore, a proper fiqh's understanding is needed as a guideline for the ummah in their daily interaction when using modern technologies.

PENGHARGAAN



Dengan Nama Allah Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang.

Segala puji bagi Allah *'Azza wa Jalla* Tuhan semesta alam, selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W., keluarga baginda serta para sahabatnya r.a. Kesyukuran yang tidak terhingga dirafakkan kepada Allah S.W.T. kerana dengan taufik dan hidayahNya, penulis berjaya menyempurnakan disertasi ini dengan sempurna.

Di kesempatan ini, setinggi-tinggi penghargaan dikalungkan kepada Yang Berbahagia Prof. Madya Dr. Rahimin Affandi b. Abd Rahim di atas kesudian menyelia disertasi ini. Tunjuk ajar, pandangan, teguran dan bimbingannya yang berterusan sangat berharga kepada penulis sehingga disertasi ini berjaya disempurnakan. Semoga jasa baik dan 'sentuhan istimewa' beliau mendapat ganjaran di sisi Allah S.W.T. dan akan dikenang hingga akhir hayat.

Dipanjatkan doa kepada ayahanda tercinta, Hj. Ishak bin Mohamed *rahimahullāh*, yang telah melaksanakan tanggungjawab sepenuhnya dalam mendidik penulis dan adik beradik ke arah mengenali Allah S.W.T. dan menyemai 'rasa beragama' dalam kehidupan. Semoga baktimu, Allah ganjari dengan rahmatNya yang berpanjangan. Tidak lupa juga teristimewa buat bonda tersayang, Hjh. Maimunah bt Arsad yang tidak jemu-jemu memberikan semangat dan mendokong perjalanan ilmu penulis. Inilah hadiah buat kalian berdua wahai ayahanda dan bonda. Buat Kak Long

sekeluarga, Ngeh sekeluarga, De sekeluarga dan adik Faisal, terima kasih atas sokongan dan kasih sayang sekeluarga.

Jutaan terima kasih juga ditujukan kepada Prof. Dato' Dr. Mahmood Zuhdi b. Abd Majid, Prof. Dato' Salleh bin Hj Ahmad, Dato' Haji Hashim bin Abdul Wahab, Ustaz Mohd. Zawavi bin Zainal Abidin, Ustaz Muhamad Nizam bin Jamaludin, semua rakan pensyarah dan staf KIPSAS, sahabat istimewa Husni, Along Roesfan, Hilmi (Mamat Cabaran), serta semua individu yang telah memberi kerjasama dalam kajian ini. Sesungguhnya sumbangan mereka tidak dapat penulis membalasnya dan hanya Allah S.W.T. jua yang menganugerahi ganjarannya. Selain itu ucapan yang sama ditujukan kepada pihak Perpustakaan Utama Universiti Malaya, Perpustakaan Akademi Pengajian Islam, Perpustakaan Tun Seri Lanang, Perpustakaan Pusat Islam dan Perpustakaan Kolej Islam Pahang Sultan Ahmad Shah atas kerjasama yang diberikan.

Akhirnya, penulis memohon jutaan kemaafan di atas kesilapan dan ketidaksempurnaan yang terdapat di dalam disertasi ini. Semoga penulisan ini dapat memberikan maklumat yang bermanfaat kepada masyarakat Islam khususnya di bumi bertuah Malaysia.

al-Faqīr ilā Maghfirati Rabbih

Muhammad Fakhruddin bin Ishak
Kolej Islam Pahang Sultan Ahmad Shah

JADUAL TRANSLITERASI HURUF ARAB

Transliterasi huruf Rumi ini berpandukan kepada Buku Panduan Penulisan Tesis/Disertasi Ijazah Tinggi, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, h. 29-32.

a. Konsonan

Konsonan			
Huruf Arab	Nama dan Transkripsi	Huruf Arab	Nama dan Transkripsi
ء, ا	a, ‘ (Hamzah)	ط	ṭ
ب	b	ظ	ẓ
ت	t	ع	‘
ث	th	غ	gh
ج	j	ف	f
ح	h	ق	q
خ	kh	ك	k
د	d	ل	l
ذ	dh	م	m
ر	r	ن	n
ز	z	ه	h
س	s	و	w
ش	sh	ي	y
ص	ṣ	ة	h
ض	ḍ		

b. Vokal

Vokal pendek	Transliterasi	Contoh	Transliterasi
َ (Fathah)	a	قَاتَا	qanata
ِ (Kasrah)	i	سَلِمَ	salima
ُ (Dammah)	u	جُعِلَ	ju'ila

Vokal panjang	Transliterasi	Contoh	Transliterasi
آ / اِي	ā	كُبْرَى / بَابٌ	bāb / kubrā
ي	ī	وَكَئِلٌ	wakīl
و	ū	سُورَةٌ	sūrah

c. Diftong

Vokal pendek	Transliterasi	Contoh	Transliterasi
أَ وَ	aw	قَوْلٌ	qawl
أَيَّ	ay	خَيْرٌ	khayr
أُ وَ	uww	قُوَّةٌ	quwwah
أَيَّ	iy/ī	عَرَبِيٌّ	'Arabiy/ī

SENARAI SINGKATAN

@	<i>At sign</i>
1G, 2G, 3G & 4G	<i>First, Second, Third and Fourth Generation</i>
a.s	'Alayh al-Salam
b.	Bin
bil.	Bilangan
cet.	Cetakan
DBP	Dewan Bahasa dan Pustaka
Dis	Disember
Dr.	Doktor
ed.	Editor
EMS	<i>Enhanced Messaging Service</i>
et al.	Dan lain-lain
GPRS	<i>General Packet Radio Service</i>
GPS	<i>Global Positioning System</i>
GSM	<i>Global System for Mobile Communication</i>
H	Hijrah
h.	Halaman
Hj.	Haji
Hjh.	Hajah
<i>Ibid.</i>	<i>Ibiden</i> (Rujukan pada tempat yang sama)
ICT	<i>Information and Communication Technology</i>
IPT	<i>Internet Protocol Technology</i>
j.	Jilid / Juzuk
LZS	Lembaga Zakat Selangor
M	Masihi
MAIDAM	Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu
MMS	<i>Multimedia Messaging Service</i>
no.	Nombor
Nov	November
Okt	Oktober
<i>op.cit.</i>	<i>Opere citato</i> (Rujukan yang sama seperti sebelumnya)
r.a.	<i>Radiya Allah 'Anh</i>
S.A.W.	<i>Salla Allah wa sallam</i>
S.W.T.	<i>Subhanahu Wata'ala</i>
Sdn. Bhd.	Sendirian Berhad
Sept	September
SKMM	Suruhanjaya Komunikasi & Multimedia Malaysia
SMS	<i>Short Message Service</i>

t.p.	Tanpa penerbit
t.t	Tanpa tarikh
T.T.P	Tanpa Tempat Penerbit
terj.	Terjemahan
tv	Televisyen
UKM	Universiti Kebangsaan Malaysia
UMTS	<i>Universal Mobile Telecommunications System</i>
WAP	<i>Wireless Application Protocol</i>
WiFi	<i>Wireless Fidelity</i>

SENARAI JADUAL

No. Jadual	Tajuk	Halaman
1	Kadar Penembusan Telefon Selular Per 100 Penduduk Mengikut Negeri	74
2	Jumlah Penghantaran Perkhidmatan Pesanan Pendek (SMS)	75
3	Jadual Kes Penceraian di Malaysia	77
4	Gambarajah bentuk pembayaran zakat secara klasik	80
5	Gambarajah bentuk pembayaran zakat secara moden menggunakan SMS	81
6	Jumlah SMS rancangan Akademi Fantasia mengikut musim	99

SENARAI LAMPIRAN

No. Lampiran	Tajuk Lampiran
Lampiran (A)	Senarai temu bual

ISI KANDUNGAN**MUKA SURAT**

ABSTRAK	i
ABSTRACT	ii
PENGHARGAAN	iii
JADUAL TRANSLITERASI ARAB	v
SENARAI SINGKATAN	vii
SENARAI JADUAL	ix
SENARAI LAMPIRAN	x
ISI KANDUNGAN	xi
BAB 1: PENDAHULUAN.	1
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latarbelakang Masalah Kajian	4
1.3 Objektif Kajian	7
1.4 Kerangka Teori	8
1.5 Hipotesis	12
1.6 Kepentingan Kajian	12
1.7 Skop Kajian	13
1.8 Definsi Istilah	14
1.9 Kajian Lepas	17
1.10 Metodologi Kajian	21
1.10.1 Metode Pengumpulan Data	22
1.10.2 Metode Analisis Data	23
BAB 2: TEORI-TEORI SYARAK YANG BERKAITAN DENGAN PERMASALAHAN SEMASA.	25
2.1 Teori Nusus Syarak	25
2.1.1 Nusus Syarak Dan Hubungannya Dengan Masalah Semasa	27
2.2 Teori <i>Maqāṣid Al-Syarī'ah</i>	30
2.2.1 Kehujahan <i>Maqāṣid Al-Syarī'ah</i> Dalam Fiqh Islami	31
2.2.2 Hubungan <i>Maqāṣid Al-Syarī'ah</i> Dalam Mendepani Permasalahan Semasa	34
2.3 Teori <i>Qawā'id Al-Fiqhiyyah</i>	36
2.3.1 Kedudukan <i>Qawā'id Al-Fiqhiyyah</i> Dalam Capaian Hukum	37
2.3.2 Kehujahan <i>Qawā'id Al-Fiqhiyyah</i>	38
2.4 Beberapa <i>Qawā'id Al-Fiqhiyyah</i> Yang Terlibat Dalam Masalah Kajian	41
2.4.1 <i>Al-'Ādah Al-Muḥakkamah</i>	41

2.4.2	<i>La Yunkar Taghayyur Al-Aḥkām Bi Taghayyur Al-Azman</i>	43
2.4.3	<i>Al-Kitāb Ka al-Khiṭāb</i>	44
2.4.4	<i>Al-Wasāil Lahā Ḥukm Al-Ghāyāt</i>	45
BAB 3:	PENGGUNAAN TEKNOLOGI SMS DALAM MASYARAKAT.	47
3.1	Pendahuluan	47
3.2	Definisi, Sejarah dan Konsep Teknologi Komunikasi Moden	48
3.2.1	Definisi Teknologi	48
3.2.2	Sejarah Teknologi	50
3.2.3	Konsep Teknologi Komunikasi Mudah Alih Moden	51
3.3	Definisi SMS, Sejarah dan Penggunaannya	53
2.4	Perkembangan Dan Kesan Teknologi Sms Dalam Masyarakat	55
2.5	Aplikasi Teknologi Sms Dalam Masyarakat	56
2.5.1	Aplikasi Asas Sms	56
2.5.2	Perkhidmatan Sms di Malaysia	57
BAB 4:	PENGGUNAAN TEKNOLOGI SMS DAN IMPLIKASINYA TERHADAP PERUBAHAN HUKUM SEMASA.	59
4.1	Perspektif Islam Terhadap Penggunaan Teknologi Semasa	59
4.2	Kesan Penggunaan Teknologi Komunikasi Menerusi Sms Terhadap Perubahan Hukum Semasa	61
4.2.1	Adat Manusia Dan Kepenggunaan Sms	63
4.2.2	Kecenderungan Penggunaan Sms Dalam Persoalan Hukum	66
4.3	Penggunaan Sms Dalam Masalah Ibadat	68
4.3.1	Hukum Zakat Menerusi Sms	69
4.3.1.1	Transaksi Bayaran Zakat Dalam Amalan Setempat	70
4.3.1.2	Analisis Perubahan Hukum Zakat Menerusi Sms	72
4.3.2	Hukum Derma Melalui Sms	75
4.4	Penggunaan Sms Dalam Masalah Munakahat	78
4.4.1	Hukum Persetujuan Wali Terhadap Akad Nikah Melalui Sms	79
4.4.2	Hukum Cerai / Talak Melalui Sms	81
4.5	Penggunaan Sms Dalam Masalah Muamalat	84
4.5.1	Hukum Akad Jual Beli Melalui Sms	85
4.5.2	Hukum Jual Beli Melalui Sms	87
4.5.3	Hukum Undian Rancangan Realiti Tv Menerusi Sms	90
4.5.4	Hukum Transaksi Perbankan Menerusi Sms	94
4.6	Kesimpulan	95

BAB 5: PENUTUP.	96
5.1 Penutup	96
5.2 Rumusan Hasil Kajian	96
5.2.1 Kefahaman Terhadap Teknologi Moden dan Kaitannya dalam Pembinaan Hukum	96
5.2.2 Penggunaan SMS dan Masalah Hukum	97
5.3 Saranan dan Cadangan	99
5.3.1 Saranan kepada Pengkaji Akan Datang	99
5.3.2 Saranan kepada Masyarakat	100
5.3.3 Saranan kepada Pembekal Perkhidmatan	101
5.3.4 Saranan kepada Pihak Berkuasa Agama	102
5.4 Kesimpulan	103
BIBLIOGRAFI	104
LAMPIRAN	
Senarai temu bual	

BAB 1 :

PENDAHULUAN

1.1 PENDAHULUAN

Kehidupan manusia serta segala pemahaman mengenainya telah mengalami perubahan dan perkembangan yang pesat. Ianya sesuai dengan kemajuan ilmu yang di terjemahkan dalam bentuk teknologi serta ketamadunan manusia yang hidup secara global.¹ Kesemua bentuk perubahan ini adalah sejajar dengan ketentuan Allah atau sunnatullah sebagaimana yang dikehendakiNya. Manusia tidak dapat tidak, akan tetap mengalami proses perubahan ini seiring dengan perkembangan yang telah dicapai.

Keperluan manusia dalam konteks perkembangan dan kemajuan adalah tidak terbatas. Dengan peredaran masa, banyak perkara baru yang timbul dan tidak pernah diketahui sebelumnya.² Kemajuan pesat dalam bidang sains dan teknologi misalnya, menyaksikan perubahan cara hidup kepada yang lebih moden dan sofistikated. Impak daripada perubahan kemodenan ini menyebabkan berlakunya hal-hal yang amat rumit dan sukar untuk dihuraikan.³

¹ Ini sebagaimana yang pernah dinukilkan oleh Imam Ibn Khaldūn r.h. dalam *Muqaddimah*nya bahawa manusia dalam kehidupannya adalah bertamadun dalam erti kata maju dan moden. Lihat ‘Abd Raḥmān ibn Khaldūn (2002), *Muqaddimah Ibn Khaldūn*. c.2, Beirut: Dār al-Arqam., h. 43.

² Lihat perbincangan lanjut dalam Hairudin Harun (2004) *Retorik Sains dan Teknologi di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka., h. 37-52.

³ Yūsuf, al-Qaraḍāwi (2002), *Ijtihad dalam Syariat Islam*. (terj.), Kuala Lumpur: Crescent News Sdn. Bhd., h. 61-63.

Sehubungan dengan itu, sudah pasti satu jawapan hukum daripada agama amatlah dinantikan oleh umat Islam sebagai panduan bagi mereka demi meneruskan kehidupan di muka bumi ini.¹

Allah S.W.T. yang menciptakan dan menjadikan manusia sebagai pentadbir atau khalifah di muka bumi ini telah meletakkan satu garis panduan bagi hambaNya untuk menjalani kehidupan di dunia ini. Oleh yang demikian, kitab diturunkan dan rasul diutuskan demi memandu manusia ke jalan yang lurus. Dari sini timbulnya syarak yang bertindak sebagai pengatur tatacara serta undang-undang untuk manusia. Dalam erti kata yang lain, Allah S.W.T. telah menjadikan Islam sebagai syariat terakhir untuk manusia menerusi hukum-hukumnya yang bersesuaian bagi setiap masa dan tempat.²

Rasulullah S.A.W. telah menunaikan tanggungjawab baginda dalam menyampaikan syariat ini. Begitu juga para sahabat r.a. selepas kewafatan baginda telah meneruskan usaha menerangkan hukum hakam ini berdasarkan kitab Allah dan sunnah rasulNya sebagaimana yang telah mereka fahami.³ Dalam menangani persoalan-persoalan baru, metodologi mereka ialah merujuk cabang masalah dengan perkara pokok yang telah sedia mereka maklumi. Seterusnya menggabungjalinkan *al-ashbāh* dengan *al-naẓāir* melalui kefahaman yang mendalam dan istinbat yang terperinci. Usaha ini berterusan ke era para imam mujtahidin sampailah ke hari ini. Dari sini timbulnya

¹ Realiti menunjukkan bahawa kehidupan masa kini dengan segala permasalahannya sentiasa mengalami perubahan yang dinamik meliputi kepelbagaian masalah dengan pergerakan yang cepat, dari masa ke semasa, sama ada direncanakan atau tidak. Perubahan-perubahan itu sudah tentu mempunyai pengaruh besar mengenai persepsi, perhatian, perilaku masyarakat terhadap tata cara sosial, tidak terkecuali terhadap syariat Islam itu sendiri. Lihat Yūsuf al-Qarāḍāwī (1997) *al-Fatwa bayn al-Inḍibāt wa al-Tasayyub*. Kaherah: Dār al-Fikr., hal. 78-80,86. Bandingkan juga Mahmood Zuhdi Abd Majid (1992) *Sejarah Pembinaan Hukum Islam*. Kuala Lumpur: Jabatan Penerbitan Universiti Malaya., h. 12.

² ‘Umar Sulaimān, al- Ashqar (2003) *Tarīkh al-Fiqh al-Islāmiy*. c. 3. Jordan: Dār al-Nafāis., h. 41.

³ Ibid., h.64

perbahasan mengenai metodologi hukum dalam kalangan ulama *'ilm al-Usūl* dalam konteks penentuan hukum.¹

Teknologi merupakan salah satu daripada elemen perubahan dalam kehidupan manusia. Secara umumnya teknologi adalah alat untuk manusia beradaptasi dengan alam, menjana segala sumber sebagai satu koleksi hubungan antara manusia dengan sarwajagat ke arah pembentukan sesebuah tamadun manusia. Dalam ertikata lain, teknologi mempermudah urusan manusia untuk membangun, mengurus dan mencipta sesuatu benda baru untuk manfaat bersama.² Dalam memahami teknologi sebagai satu bentuk sokongan terhadap peradaban dan ketamadunan, konsep syariah tidak boleh dilupakan sebagai teras kepada kemajuan teknologi.

Maksud daripada takrifan teknologi yang menggandingkan antara teknologi melalui epistemologinya dengan faham agama akan memastikan perkembangan teknologi sepatutnya terkekang dengan perundangan syariah, terlaksana dengan adil mengikut sistem Islam dan dipertanggungjawabkan kepada manusia sebagai pelaksana.³ Syariah yang dimaksudkan ialah satu sistem perundangan dinamik yang mampu menyelesaikan masalah kehidupan manusia yang timbul disebabkan oleh perkembangan teknologi moden.⁴

Kajian ini cuba melihat isu-isu yang berkaitan dengan perkara ini iaitu teknologi moden serta kaitannya dengan perubahan hukum yang berlaku. Secara lebih terperinci lagi, kajian ini cuba melihat apa yang dipersembahkan oleh kemajuan teknologi

¹ al- Ashqar (2003), *op.cit.*, h. 92.

² Konsep ini dapat difahami daripada ajaran al-Quran melalui pengajaran nama-nama kepada Nabi Adam a.s. Lihat al-Quran (2): 31.

³ Wan Ramli Wan Daud, <http://pkukmweb.ukm.my/~drkmy/sejarah/kf3223/tekadab1.ppt> 14 Julai 2008.

⁴ Lihat Tuan Syed Mahussain Syed Ahmad al-Idrus (2003), "*Falsafah Sains dan Teknologi Islam*". dalam Dr.Ramli Awang *et al.* (eds.), *Falsafah Sains dan Teknologi*. Bentong: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd., h. 57.

komunikasi iaitu penggunaan Short Message Service (SMS) secara lebih khusus yang berupaya membentuk satu persekitaran atau budaya yang berkaitan dengan hukum hakam fiqh. Oleh sebab itu, antara perkara yang menjadi tumpuan kajian ini ialah bagaimana interaksi teknologi dan pandangan agama berupaya menterjemahkan hukum hakam yang sesuai melalui metodologi *usūl al-fiqh* menurut pemahaman ulama Islam.

1.2 LATARBELAKANG MASALAH KAJIAN

Dunia menyaksikan perkembangan sains moden yang begitu pesat selepas tercetusnya Revolusi Perindustrian dan Revolusi Perancis yang berlaku di benua Eropah pada akhir abad ke 8 Masehi.¹ Hal ini menjadikan sains dan teknologi menjadi salah satu perkara penting dalam kehidupan manusia. Kedua-duanya saling bergandingan dalam melahirkan ciptaan-ciptaan yang boleh digunakan bagi pembangunan masyarakat. Sebagai contoh, penciptaan kereta dan pembuatannya, kemodenan sistem pengangkutan dan penciptaan komputer. Kesemua ini menjadikan komunikasi dan perhubungan manusia menjadi lebih mudah dan teratur.

Namun, selepas tercetusnya perang dunia pertama, timbul keraguan dan kesangsian terhadap implikasi sains dan teknologi. Jika sebelum ini sains dan teknologi dianggap arkitek kepada kemajuan manusia, kini ianya bertukar kepada faktor yang membawa kepada kemusnahan nyawa dan harta benda. Contohnya, penciptaan bom atom yang kemudiannya diletupkan di Hiroshima dan Nagasaki, Jepun. Dalam erti kata lain, sains dan teknologi di sebalik manfaatnya, juga terkandung kemudaratanya.

¹ Tuan Syed Mahussain Syed Ahmad al-Idrus (2003), *op.cit.*, h. 52.

Malah, dalam sesetengah keadaan, kesan sampingannya adalah amat buruk seperti yang disebutkan.¹ Hal ini sudah tentu menuntut penilaian daripada kacamata syariah dalam menentukan halal dan haramnya sesuatu perkara kesan daripada perkembangan teknologi yang mengubah budaya kehidupan dalam masyarakat manusia.

Secara umumnya, semua pihak percaya bahawa kefahaman terhadap hukum Islam dapat dihuraikan dengan lebih jelas lagi dengan adanya pengetahuan sains dan teknologi. Sesuatu perkara yang dahulunya tidak diketahui akan hakikatnya ternyata dapat dibuktikan kewujudannya dengan bantuan sains dan teknologi moden. Ini terbukti melalui penerimaan Islam terhadap pendekatan sains dan teknologi. Masalah pendebungaan pokok tamar, pernah mendapat komentar daripada Rasulullah S.A.W., akhirnya diakui bahawa teknologi pertanian tersebut mampu menghasilkan produktiviti yang diinginkan.² Hasilnya, kegemilangan tamadun dapat dicapai melalui garapan teknologi yang dipandu oleh syariah dalam lingkungan hukum-hukumnya.

Perubahan zaman bukan sahaja merubah budaya dan tatacara kehidupan masyarakat, bahkan mewujudkan pelbagai perkara baru dalam muamalat seharian kesan ledakan maklumat dan teknologi. Antara natijahnya, teori konvensional dalam urusan perniagaan sebagai contoh, yang sebelum ini digambarkan dalam bentuk pertemuan fizikal, telah dicabar oleh pengiktirafan satu bentuk baru pertemuan yang tidak nyata dan tidak ketara dan bersifat maya. Perhubungan melalui komputer, internet, penggunaan telefon termasuk telefon bimbit, mesin faks, sms, mms dan sebagainya membuktikan hal dan keadaan ini.

¹ Contoh lain mengenai keburukan teknologi ialah dalam bidang perubatan yang melahirkan konsep klon yang antara lainnya menjurus kepada pengklonan manusia. Hal ini menimbulkan konflik hebat kerana ianya boleh merosakkan agama dan kehidupan. Lihat Dr. Danial Zainal Abidin (2005): “*Kecemerlangan Islam Melalui Teknologi*”. Majalah I, bil. 35 / Sept. 2005, h. 36-38.

² Muḥammad ibn Yazīd Abu ‘Abd Allāh al-Quzwīniy, Ibn Mājah (t.t.) *Sunan Ibn Mājah*, “*Kitāb al-Ruhūn*”, no hadith 2470-2471. j.2. Beirūt: Dār al-Fikr, h. 825.

Secara khusus, budaya SMS telah menggantikan bentuk interaksi antara individu dalam sesebuah masyarakat. Dengan kemudahan dan kecanggihan teknologi ini, pelbagai aktiviti dapat dilakukan. Isu-isu yang melibatkan muamalat seperti urusan perbankan, akad yang berlaku dalam perniagaan samada melalui pembelian ataupun penjualan serta pengundian terhadap peserta rancangan realiti tv. Tidak ketinggalan juga isu dalam ibadah seperti persoalan zakat dan konsep menderma di era moden dengan hanya menghantar SMS dan juga isu yang menyentuh munakahat seperti akad perkahwinan dan sebagainya. Kesemuanya ini menuntut jawapan khusus daripada fukaha dalam memberikan jawapan hukum syariah terhadap persoalan yang dinyatakan. Ianya sebagaimana yang di sebut oleh Dr Hasan Turabi ;¹

" ذلك أن قطاعات واسعة من الحياة قد نشأت من جراء التطور المادي، وهي تطرح قضايا جديدة تماماً في طبيعتها، لم يتطرق إليها الفقه التقليدي، لأن علاقات الحياة الاجتماعية وأوضاعها تبدلت تماماً، ولم تعد بعض صور الأحكام التي كانت تمثل الحق في معيار الدين منذ ألف عام تحقق مقتضى الدين اليوم، ولا توافي المقاصد التي يتوخاها، ولأن الإمكانيات قد تبدلت وأسباب الحياة قد تطورت، والنتائج التي تترتب عن إمضاء حكم معين بصورته السالفة قد انقلبت انقلاباً تاماً."

Maksudnya "Demikianlah medan kehidupan yang luas itu terbina berdasarkan kepada perubahan alat kebendaan. Ianya menyajikan pelbagai persoalan baru, yang tidak pernah disentuh oleh fiqh taqlidi, kerana perkaitan kehidupan masyarakat dan persoalannya telah berubah secara keseluruhannya. Beberapa bentuk hukum yang diabsahkan semenjak seribu tahun dahulu pada pertimbangan agama, tidak lagi dikira keabsahannya

¹ Walaupun pandangan ini menjadi satu polemik perdebatan yang cukup hebat dalam kalangan ulama Timur Tengah, namun apa yang cuba dilihat di sini ialah mengenai keperluan kepada satu kaedah dalam memberi jawapan hukum kepada permasalahan yang berpunca daripada perubahan dan perkembangan terutamanya dalam bidang sains dan teknologi. Lihat <http://www.aahlalhddeeth.com/vb/showthread.php?t=7281-384k>, 14 Julai 2008.

pada keperluan agama sekarang. Dan ianya juga tidak memenuhi tuntutan maqasid yang terkandung di dalam hukum-hukum tersebut. Ini adalah disebabkan tahap kemampuan dan norma-norma hidup telah pun berubah dan berkembang pesat. Demikian juga kesimpulan dan hasil yang terjadi daripada penetapan hukum-hukum tersebut juga telah berubah sepenuhnya".

Dengan mengambil kira perubahan yang dicituskan oleh teknologi terutamanya teknologi komunikasi dan hubungkaitnya dengan penggunaan manusia (*af'āl al-mukallaḥīn*) terhadap teknologi ini, maka satu kajian perlu dilakukan bagi menjawab persoalan yang dinyatakan berdasarkan metodologi hukum fiqh yang dibahaskan oleh para ulama sepanjang zaman.

1.3 OBJEKTIF KAJIAN

1. Untuk menonjolkan pengaruh teknologi moden dalam pembentukan hukum fiqh yang bersifat semasa.
2. Untuk menjelaskan teori-teori syarak yang berkaitan dengan perubahan hukum fiqh semasa terutamanya yang berkaitan dengan perkembangan teknologi komunikasi.
3. Menjelaskan hukum berkaitan penggunaan SMS berdasarkan kepada teori-teori syarak.

1.4 KERANGKA TEORI

Dalam memandu disertasi ini, pengkaji mengemukakan beberapa bentuk teori untuk dijadikan sebagai landasan penyelidikan. Teori-teori yang diguna pakai adalah berdasarkan ;

1. Teori Nusus Syarak. Sebagaimana yang dibahasakan dalam kitab-kitab Usul Fiqh, terdapat 2 sumber dalam pembentukan hukum Islam iaitu sumber yang bersifat statik dan tidak berubah iaitu al-Quran dan al-Sunnah, manakala sumber yang kedua pula adalah sumber yang bersifat fleksibel dan berubah bentuknya iaitu sumber yang diperselisihkan aplikasinya sebagai sumber hukum. Hal ini sebagaimana yang pernah disebut oleh Prof. Mahmood Zuhdi ¹ ;

“ Ianya disuatu pihak dilihat sebagai terlalu ketat kerana tidak akan pernah mengalami perubahan prinsip di dalamnya, sedangkan di satu pihak yang lain pula dipandang sebagai cukup fleksibel kerana sentiasa melayani kehendak masa dan keadaan ”

Sumber statik ialah sumber yang tetap dan tidak akan berubah sekalipun persekitaran yang meliputinya telah berubah. Ini kerana nas kebenarannya adalah di luar pengaruh masa dan tempat. Kedua-dua bentuk ini terdapat dalam al-Quran dan al-Sunnah. Ianya terangkum dalam wahyu yang sifatnya muqaddas, mutlaq, dan syumul.

Sumber yang kedua pula sebaliknya, yakni bersifat anjal dan boleh berubah-ubah sesuai dengan perubahan yang berlaku pada persekitaran hukum tersebut. Ini kerana kebanyakan hukum ini dipengaruhi oleh kefahaman yang dibina berlandaskan kepada metodologi tertentu yang dikenali sebagai *Uşūl al-Fiqh*. Perubahan ini bukanlah bererti hukum tersebut dimansuhkan, tetapi ianya berubah disebabkan adanya masalah

¹ Mahmood Zuhdi Abd Majid (1992), *op.cit.*, h. 12.

tertentu. Gabungan kedua-dua sumber hukum Islam ini mampu menjadikan syariah Islam dilaksanakan untuk sepanjang masa pada setiap tempat dan keadaan.

Di antara perbahasan mengenai metodologi *Uṣūl al-Fiqh* ini ialah :

a. Teori *al-Maṣlahah*.

Pada asasnya, konsep *maṣlahah* ini telah diterima oleh seluruh umat Islam. Lebih-lebih lagi dalam kalangan ulama syariah. Hal ini telah diperbahaskan oleh jumhur ulama sepanjang zaman tanpa mengira tempat dan mazhab kecuali mazhab Zahiri yang menolaknya sebagai satu sumber hukum syariah.¹ Antara pendapat ulama dalam hal ini ;

- Syariah datang untuk membawa kebaikan dan menolak keburukan.
- Syariah membawa manfaat dan menolak apa yang tidak bermanfaat.
- Syariah datang untuk membawa kebaikan serta menambahkan kebaikan tersebut dan menolak keburukan serta mengurangkan keburukan tersebut.
- Syariah diletakkan sebagai *maṣlahah* kepada manusia samada cepat ataupun lewat.
- Syariah terbina di atas asas hikmah-hikmah dan kemaslahatan manusia dan ianya adalah adil, memberi rahmat dan membawa kebaikan secara keseluruhannya.
- Di mana sahaja terdapatnya *maṣlahah* maka itulah syariah Allah dan di mana sahaja terdapatnya syariah Allah maka itulah *maṣlahah*.²

Teori mengenai *maṣlahah* ini adalah berkaitan dengan penerimaan kebanyakan ulama terhadap '*al-Maṣlahah al-Mursalah*' sebagai satu bentuk hujah hukum dan salah

¹ Aḥmad Raisūni dan Muḥammad Jamāl Barūt (2002), *al-Ijtihād : al-Naṣ, al-Wāqī, al-Maṣlahah*. Damsyik: Dār al-Fikr, h. 29-30.

² Ini diperkukuhkan lagi dengan pendapat Imam Najm al-Dīn al-Ṭūfīy r.h. yang menyebut bahawa setiap ayat dalam al-Quran mengandungi satu masalah atau lebih. Lihat perbahasan lanjut dalam 'Abd al-Wahhāb Khallāf (1972), *Maṣādir al-Tasyrī al-Islāmiy fima lā Naṣṣa fihi*. c.3. Kuwait: Dār al-Qalam, h.116.

satu sumber *tasyri'*. Ianya seperti yang pernah dikomentarkan oleh Imam al-Qarāfi r.h. bahawa aplikasi teori ini digunapakai dalam hal-hal furuk secara meluas sekalipun ditolak pada peringkat awalnya oleh ulama selain Malikiyyah.¹

b. Teori *al-Istihsān*.

Selain daripada teori *maṣlahah*, teori *al-Istihsān* juga merupakan salah satu bentuk rujukan dan sumber dalam menentukan hukum. Imam Ibn Rusyd r.h. menyebut bahawa *Istihsān* adalah satu bentuk penglihatan (dalam menentukan hukum) kepada *maṣlahah* dan keadilan.² Ini bermakna selain daripada teori *maṣlahah*, para *Uṣūliyyūn* juga mengambil kira perihal *Istihsān* dalam membina hukum fiqh sekaligus menjawab persoalan-persoalan baru yang timbul dalam kerangka pembinaan hukum.

c. Teori *al-Aṣl fi al-Manāfi' al-Idhn wa fi al-Maḍār al-Man'*.

Ianya bermaksud hukum asal bagi sesuatu yang bermanfaat adalah dibenarkan (diizinkan untuk mengambil manfaat tersebut) dan sesuatu yang memudaratkan adalah dilarang. Imam al-Urmuwiyy r.h. telah membahaskan dengan panjang lebar mengenai teori ini yang antara lainnya menyebut bahawa ketentuan hukum yang dibina di atasnya adalah berdasarkan kepada sejauh mana sesuatu perkara itu dapat dibuktikan manfaatnya dan ditolak mudaratnya.³

¹ Lihat Aḥmad ibn Idrīs al-Qarāfi (1994), *al-Dhakhīrah*. j.1, T.T.P.: Dār al-Gharb al-Islāmiyy, h.152.

² Lihat Ibn al-Rusyd (t.t.) *Bidāyah al-Mujtahid wa Nihāyah al-Muqtaṣid*. Damsyik: Dār al-Fikr, j.2, h.154.

³ Lihat Ṣafiyuddīn al-Urmuwiyy (1996), *Nihāyah al Wuṣūl fi Dirāyah al Uṣūl*. Makkah al-Mukarramah: al-Maktabah al-Tijāriyyah, j.8, h.3938-3952

2. Teori *Maqāsid al-Syarī'ah*. Selain daripada teori nusus syarak yang membicarakan perihal ilmu usul fiqh dalam pembinaan hukum hakam, penekanan juga dibuat kepada teori *Maqāsid Syarī'ah*. Apa yang dimaksudkan di sini ialah, dalam menentukan sesuatu hukum syarak, faktor *maqāsid* dan kehendak syarak juga diambil kira. Imam Ahmad r.h. pernah memberikan satu komentar yang cukup baik ketika membahaskan syarat-syarat bagi seorang mufti untuk mengeluarkan hukum yang antaranya disyaratkan bagi seorang mufti itu mengetahui keadaan manusia (*ma'rifatu al-nās*). Untuk mengetahui keadaan manusia itu, sudah tentu dirangkumkan dan disesuaikan dengan kehendak syarak yang menjadi keutamaan dalam pembinaan hukum.¹

3. Teori-teori *al-Qawā'id al-Fiqhiyyah*. Selanjutnya, penulis mengambil pendekatan melihat kepada teori *al-Qawā'id al-Fiqhiyyah* yang dianggap sebagai *maxim* dalam capaian hukum-hukum syarak yang secara langsung memberi jawapan zahir kepada permasalahan yang berkaitan dengan penggunaan SMS khususnya dalam perubahan dan penafsiran hukum semasa. Beberapa kaedah yang boleh dijadikan sandaran adalah ;

- i. *al-'Ādah al-Muḥakkamah*.
- ii. *La Yunkaru Taghayyuru al-Aḥkām bi Taghayyuri al-Azmān*.
- iii. *al-Kitāb ka al- Khiṭāb*.
- iv. *al-Wasāil lahā Ḥukmu al-Ghāyāt*.

¹ Lihat al Syāṭibiy (t.t.), *al-Muwāfaqāt fi Uṣūl al-Syari'ah*. j.4, Kaherah: Muḥammad Ṣubaiḥ, h.114. Lihat juga Sya'bān Muḥammad Ismāil (1998) *al-Ijtihād al-Jamā'i wa Dawru al-Majāmi' al-Fiqhiyyah fi Taṭbīqihī*. Beirūt: Dār al-Basyāir al-Islāmiyyah, h. 40.

1.5 HIPOTESIS

1. Hukum syarak secara keseluruhannya bersifat dinamik. Ianya dapat berubah dari satu hukum ke hukum yang lain sesuai dengan perubahan yang berlaku, termasuklah perubahan yang berdasarkan kepada teknologi moden.
2. Syariah melalui peringkat metodologi yang paling asas telah memperakui kewujudan dan peranan objektif kemaslahatan hasil perkembangan sains dan teknologi yang membentuk satu budaya dalam masyarakat. Perkara inilah yang di nilai dalam pertimbangan syariah ketika memberikan jawapan hukum.
3. Penentuan hukum yang berkaitan dengan teknologi adalah berasaskan kepada nilai yang terdapat di dalam teknologi tersebut. Dalam erti kata yang lain, hukum teknologi adalah berdasarkan matlamat yang hendak dicapai samada baik ataupun buruk.

Hipotesis yang dinyatakan ini adalah perkiraan akademik yang sudah tentu memerlukan kepada pembuktian secara yang lebih jelas dan terperinci. Tesis ini akan menekankan pengkajian mengenai kesahihan perkiraan di atas.

1.6 KEPENTINGAN KAJIAN

Kepentingan dan objektif kajian ini dapat dirumuskan seperti berikut ;

Pengkajian aspek sains dan teknologi dalam kerangka hukum fiqh Islam merupakan satu perkara yang sangat penting. Disebabkan kekeliruan yang timbul dalam kalangan masyarakat berkaitan persoalan hukum penggunaan teknologi dalam

kehidupan, adalah sangat wajar para pengkaji memberikan perhatian mereka dalam bidang ini dengan menganggap bahawa menjadi satu usaha kebiasaan para ilmuan Islam menangani masalah keperluan beragama dalam kalangan masyarakat. Dalam erti kata lain, ianya menjadi tanggungjawab *kifāiy* para fukaha untuk memberikan jawapan hukum dalam hal-hal yang bersifat semasa.¹

Secara umumnya, kajian ini mempunyai kepentingan memastikan aplikasi dan penggunaan teknologi adalah sejajar dengan tuntutan syarak dan selari dengan *al-maqāṣid al-Syar'iyah* yang sebenar. Ketepatan hukum hakam yang dibina dan dibentuk berdasarkan perkembangan teknologi seharusnya mengambil kira faktor yang tersebut.

Secara khususnya, permasalahan yang melibatkan teknologi komunikasi melibatkan penggunaan SMS, benar-benar memerlukan jawapan yang jelas lagi tuntas bagi mengelakkan kekeliruan dan salah faham masyarakat khususnya mengenai stigma yang beredar dalam kehidupan masyarakat mengenai kredibiliti syarak dalam menangani isu-isu semasa. Berasaskan perkara ini, usaha membantu pihak berkuasa agama dengan memberikan input-input sewajarnya amatlah diperlukan sebagai jalan keluar kepada masyarakat sekaligus boleh dimanfaatkan bersama.

1.7 SKOP KAJIAN

Pengkaji membataskan kajian ini kepada beberapa persoalan. Di antara pembatasan tersebut ialah;

¹ Hal ini dikongsi bersama oleh Prof. Dr Wahbah al-Zuḥayliy ketika memberikan komentarnya terhadap usaha ijtihad yang menjadi tanggungjawab ulama syariah untuk menerangkan perkara yang halal dan haram apabila menghadapi perubahan pemodenan hidup. Lihat Wahbah, al-Zuḥayliy (2000), *Tajdīd al-Fiqh al-Islāmiy*. Beirut: Dār al-Fikr al-Mu'āṣir., h. 155.

- a) Menjelaskan dan membuat perbandingan konsep teknologi moden terutamanya teknologi komunikasi berasaskan pengertian dan pandangan pengkaji bidang berkenaan dengan perubahan hukum syarak.
- b) Menghuraikan konsep perubahan hukum syarak berasaskan teori-teori yang dibincangkan dengan penumpuan secara khusus terhadap persoalan penggunaan SMS sahaja.
- c) Memperincikan hukum-hukum yang berkaitan dengan aplikasi SMS dan penggunaannya dalam isu-isu terpilih berkaitan muamalat, munakahat dan ibadat.

1.8 DEFINISI ISTILAH

Pengertian kesan.

Perkataan kesan dapat diertikan sebagai tanda yang ditinggalkan oleh sesuatu. Dalam konteks kajian ini, ianya bermaksud sesuatu, samada kebaikan atau keburukan yang timbul daripada sesuatu kejadian yang merangkumi keadaan, perbuatan, tindakan dan lain-lain. Ianya juga dimaksudkan dengan kesudahan atau hasil serta akibat daripada sesuatu.¹

Pengertian teknologi.

Teknologi dikatakan berasal daripada perkataan Greek ‘tekhne’ yang bererti seni dan hasil kreatif, manakala ‘logia’ pula, bermaksud lapangan pembelajaran. Secara

¹ Noresah (ed) (2007) *Kamus Dewan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, h. 771.

literalnya difahami bahawa teknologi ialah pembelajaran atau sains berasaskan hasil kreativiti.¹ Kamus Dewan memberikan maksud bahawa teknologi ialah aktiviti atau kajian yang menggunakan pengetahuan sains untuk tujuan praktis dalam industri, pertanian, perubatan, perniagaan dan lain-lain.² Dapat disimpulkan di sini, teknologi merupakan aplikasi pengetahuan saintifik ke dalam kegiatan harian yang praktikal dan memberi manfaat kepada manusia sejagat. Malah boleh dikatakan bahawa teknologi berfungsi dan berperanan utama dalam memudahkan kerja yang dilakukan oleh manusia.³

Pengertian moden.

Perkataan moden adalah berkaitan dengan masa kini. Ianya bermaksud sesuatu yang terbaru yang meliputi cara atau kaedah baru yang mutakhir.⁴

Pengertian analisis.

Perkataan analisis (analysis) berasal dari kata perbuatan analisa (analyse) yang bererti satu penyelidikan atau penghuraian sesuatu seperti keadaan, masalah, persoalan dan lain-lain untuk mengetahui pelbagai aspeknya atau ciri-cirinya secara terperinci atau mendalam.⁵ Merujuk kepada Webster's Encyclopedia pula, perkataan analisa membawa maksud meneliti secara kritis bagi menghasilkan satu keputusan penting bagi sesuatu

¹ Art. "Technology" in Encarta Encyclopaedia dari laman [http:// encarta.msn.com](http://encarta.msn.com), 14 Julai 2008.

² Noresah (ed) (2007) *Kamus Dewan*, op.cit., h.1632

³ Schumacher, E. F. (1974), *Small Is Beautiful*. London: Abacus, h. 144.

⁴ Noresah (ed) (2007) *Kamus Dewan*, op.cit., h.1039

⁵ Junior KBSM Dictionary (1991), *A New English-Malay Edition*. M. A. Seaton (ed), Federal Publication Chambers., h. 14. Lihat juga Noresah (ed) (2007) *Kamus Dewan*, op.cit., h. 51.

perkara. Manakala perkataan analisis pula diertikan sebagai satu hasil yang dipersembahkan setelah mengalami proses pengamatan berulang kali.¹

Pengertian Short Message Service (SMS)

Sistem pesanan ringkas ataupun SMS (Short Message Service) adalah satu perkhidmatan yang ditawarkan melalui telefon bimbit untuk mengirim atau menerima pesanan pendek. Pada mulanya SMS dirancang sebagai sebahagian daripada GSM, tetapi pada masa sekarang, perkhidmatan ini ditawarkan oleh jaringan-jaringan mobil lainnya termasuk rangkaian UMTS.

Satu pesanan ringkas *SMS* maksimum terdiri daripada 140 bait. Dengan kata lain, satu pesanan boleh memuatkan 140 aksara 8-bit, 160 aksara 7-bit atau 70 aksara 16-bit untuk bahasa Jepun, China dan Korea yang memakai aksara Kanji. Selain 140 bait ini, ada data-data lain yang termasuk. Ada pula beberapa kaedah untuk mengirim pesanan yang lebih panjang daripada 140 bait, tetapi seorang pengguna harus membayar lebih daripada sekali.

SMS juga mampu untuk mengirim grafik, audio dan video. SMS bentuk ini disebut MMS.

Pesanan-pesanan SMS dikirim dari sebuah telefon bimbit ke pusat pesanan (SMSC). Di sini pesanan disimpan dan cubaan untuk menghantarnya dilakukan untuk beberapa kali. Setelah satu waktu yang telah ditentukan, biasanya 1 hari atau 2 hari,

¹ Webster's Encyclopedia Unabridged Dictionary of The English Language Gramercy Books (1989), New York.

pesanan akan dihapuskan. Seseorang pengguna boleh mendapatkan pengesahan daripada pusat pesanan ini.¹

1.9 KAJIAN LEPAS

Untuk membicarakan tajuk ini, pengkaji telah membuat sorotan literatur disamping membuat perbandingan terhadap penulisan-penulisan terdahulu berhubung kait dengan tajuk yang akan dibincangkan. Didapati bahawa kebanyakan penulisan yang pernah ditulis oleh ulama terdahulu mengenai faktor perubahan hukum dan perkara yang diambilkira dalam membina hukum hanyalah berkisar kepada perubahan yang disebabkan oleh faktor sosial seperti yang pernah disebut secara terperinci oleh ;

- (1) al-Imam Ibn Qayyim al-Jauziyyah dalam kitabnya *I'lām al-Muwaqqi'in* yang secara khusus membincangkan satu tajuk berkenaan perubahan hukum iaitu “*Perubahan Fatwa kerana Perubahan Zaman, Tempat, Keadaan, Adat resam masyarakat dan Niat*”.² Buku ini bolehlah dianggap sebagai buku yang paling luas membahas mengenai pelaksanaan dan implementasi sesuatu perubahan hukum.³
- (2) Seterusnya kitab *al-Ihkām fi Tamyiz al-Fatāwā 'an al-Ahkām* oleh al-Imam Shihāb al-Dīn al-Qarāfi.⁴ Kitab ini juga dianggap sebagai kitab yang cukup baik

¹ Lihat <http://ms.wikipedia.org/wiki/SMS>, 14 Julai 2008.

² Abu 'Abd Allāh Muḥammad bin Abi Bakr Ayyūb al-Zar'iy, Ibn al-Qayyim (1973), *I'lām al-Muwaqqi'in 'an Rabb al-'Ālamīn*, j. 3, Beirut: Dār al-Jīl.

³ Muhammad Firdaus (1999), “Kesan Perubahan Sosial Terhadap Hukum Islam” (Tesis P.hd, Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya), h. 13.

⁴ Aḥmad bin Idrīs, al-Qarāfi (2004) *al-Ihkām fi Tamyiz bayn al-Fatāwā wa al-Ahkām wa Taṣarrufāt al-Qāḍi wa al-Imām*, Kaherah: Maṭba'ah al-Anwār.

dan secara kreatifnya telah menganalisa masalah teori perubahan hukum syarak yang ada hubungkaitnya dalam bidang kehakiman.¹

Selain daripada dua buah kitab yang disebutkan, perbincangan ulama mengenai konsep perubahan hukum juga boleh didapati semenjak zaman al-Imām al-Ghazālī sendiri dalam *al-Mustashfā* nya², al-Imām al-Syāṭibi dalam *al-Muwāfaqāt* nya³, al-Imām ‘Izz bin Abd al-Salām dalam *Qawā’id al-Aḥkām* nya⁴, Jalāl al-Dīn al-Sayūṭi dalam *al-Ashbāh wa al-Nazāir* nya.⁵

Perbincangan mengenai konsep perubahan hukum yang telah disentuh oleh fukaha silam, telah disambung oleh para fukaha kontemporari dengan membuat sedikit pembaharuan serta beberapa penambahan secara yang lebih tersusun. Walau bagaimanapun, masih kurang dalam kalangan fukaha yang cuba mengkolerasikannya dengan bidang teknologi moden secara yang lebih khusus. Apa yang ada hanyalah beberapa penulisan yang boleh dikategorikan kepada beberapa bentuk antaranya⁶ :

- (1) Kajian mengenai kepentingan sarjana Islam mempelajari sains moden bagi menangani masalah hukum amali umat Islam semasa, namun perbincangan yang berlaku tidak begitu mendasar dan hanya berkisar kepada perbincangan umum sahaja seperti yang ditulis oleh Prof. Anuar Zaini iaitu **Kemajuan Sains dan**

¹ Muhammad Firdaus, (1999), *op.cit.*, h. 14.

² Abu Ḥāmid Muḥammad b. Muḥammad, al-Ghazālī (1322H) Muḥammad Sulaimān al-Asyqar (eds.), *al-Mustashfā min ‘Ilm al-Uṣūl*, Beirut: Mu’assasah al-Risālah.

³ Abu Ishāq Ibrāhīm b. Musā al-Gharnāṭi al-Māliki, al-Shāṭibi (2003) *al-Muwāfaqāt fi Uṣūli al-Syarī’ah*, Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.

⁴ ‘Izz b. ‘Abd al-Salām (t.t.) *Qawā’id al-Aḥkām fi Muṣṭalaḥi al-Anām*, Beirut: Dār al-Ma’rifah.

⁵ Jalāl al-Dīn b. ‘Abd Raḥmān, al-Sayūṭi (1990) *al-Ashbāh wa al-Nazāir*, Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.

⁶ Lihat Rahimin Affandi Abd Rahim, (2003), “Sains Dan Teknologi (S&T) Dan Pengajian Syariah Di Malaysia : Analisa Terhadap Pengalaman Apium,” dalam prosiding Seminar Fiqh Semasa, Bangi: UKM.

**Teknologi dan Kesannya Terhadap Perkembangan Hukum Islam Malaysia
Masa Kini.¹**

- (2) Kajian mengenai isu-isu sains gunaan moden yang ada kaitannya dengan keperluan masyarakat menggunakan metodologi ilmu usul al-fiqh seperti **Memahami Kaedah Hukum Islam dalam Pendekatan Perubatan Masa Kini.²**
- (3) Kajian mengenai isu-isu penting sains dan teknologi yang patut diketahui oleh sarjana Islam untuk memantapkan lagi peranan mereka ke arah menyediakan jawapan Islam moden terhadap pemasalahan umat Islam semasa seperti **Permasalahan Intelektual dalam Pembinaan Hukum Islam Semasa di Malaysia.³**
- (4) Kajian mengenai kepentingan diwujudkan pengajian syariah moden yang menggunakan pendekatan semasa dan bercirikan tempatan, dengan mengambil kira isu-isu moden termasuklah isu-isu sains seperti **Penyelidikan Sebagai Asas Kemantapan Pengajian Syariah.⁴**
- (5) Kajian mengenai isu-isu sains perubatan moden yang boleh digunakan sebagai asas dan panduan untuk penetapan hukum terhadap masalah membabitkan soal

¹ Anuar Zaini (2001), "Kemajuan Sains dan Teknologi dan Kesannya Terhadap Perkembangan Hukum Islam Malaysia Masa Kini", dalam Abdul Karim Ali dan Raihanah Azhari (eds.), *Hukum Islam Semasa Bagi Masyarakat Malaysia Yang Membangun.*, Kuala Lumpur: APIUM, h. 131-144.

² Mohd Daud Bakar dan Zainudin Jaffar (1997), "Memahami Kaedah Hukum Islam dalam Pendekatan Perubatan Masa Kini", dalam Alwi Mohd Yunus (eds.), *Islam dan Perubatan.*, Kuala Lumpur: INMIND, h. 41-71; Mohd Daud Bakar (1996), "Pembunuhan Rahmat (Euthanasia) Daripada Perspektif Teori Perundangan Islam", *Jurnal Syariah*, Jil. 4, bil. 1, Julai 1996, h. 72-90.

³ Abdullah Alwi Haji Hassan (2001) *Permasalahan Intelektual dalam Pembinaan Hukum Islam Semasa di Malaysia*, dalam Abdul Karim Ali dan Raihanah Azhari (eds.), *Hukum Islam Semasa Bagi Masyarakat Malaysia yang Membangun*, h. 160-166. dan Zulkiple Abdul Ghani (2001), *Teknologi Maklumat : Hubungannya dengan Perkembangan Hukum Islam Semasa*, dalam Abdul Karim Ali dan Raihanah Azhari (eds.), *Hukum Islam Semasa Bagi Masyarakat Malaysia yang Membangun*, Kuala Lumpur, h. 145-152.

⁴ Abdullah Alwi Haji Hassan (1997), *Penyelidikan Sebagai Asas Kemantapan Pengajian Syariah*, dalam *Dinamisme Pengajian Syariah*, Kuala Lumpur: APIUM, h. 15-19.

kekeluargaan dan jenayah yang berlaku di dalam masyarakat seperti **Protect Against Disease : A Shariah Perspective on AIDS**.¹

- (6) Kajian mengenai etika Islam dalam menangani isu-isu sains, khususnya membabitkan isu ekosistem², ICT³, kepenggunaan⁴ dan teknologi pemakanan.⁵

Tidak ketinggalan juga satu kajian ijazah kedoktoran yang amat penting dalam merungkai permasalahan kaitan teknologi moden terhadap hukum hakam ialah kajian oleh Hisyam b. Abd Malik yang bertajuk *Athar al-Taqniah al-Hadīthah fi al-Khilāf al-Fiqhi*. Sekalipun kajian ini benar-benar menyentuh perubahan hukum disebabkan perkembangan teknologi, namun sayangnya perkara berkaitan teknologi komunikasi tidak dirangkumkan bersama.⁶

Selain daripada apa yang disebutkan di atas, terdapat juga sebuah tulisan oleh Prof.Madya Mohd Nasran yang menyentuh secara khusus berkaitan salah satu isu penggunaan SMS iaitu isu penceraian atau talak melalui SMS yang bertajuk *Penceraian Melalui SMS Dari Sudut Fiqh dan Undang-Undang Keluarga Islam* .⁷ Walaupun

¹ Muhammad Hashim Kamali (1995), “Protect Against Disease : A Shariah Perspective on AIDS”, dalam Law Journal, Jil. 1 dan 2, ; Azhar Abdul Aziz, (2002) “Peranan Sains Perubatan dalam Menentukan Hukum Keharusan Fasakh kerana Penyakit” (Tesis Sarjana Syariah, Jabatan Fiqh dan Usul, APIUM).

² Zaini Ujang (1989), Tinjauan Terhadap Pendidikan Bersepadu : Suatu Sorotan Dalam Pengajian Kejuruteraan Alam Sekitar, dalam Jurnal Pendidikan Islam, Jil. 2, bil. 1, h. 39-42.

³ Zulkiple Abd. Ghani (2000) “Imperatif Multimedia dalam Pembangunan Ummah ”, dalam Multimedia dan Islam, Kuala Lumpur: IKIM, h. 15-29.

⁴ Lokman Ab. Rahman (2001), Halal Products : Comsumerism, Technology and Procedures, Melaka. h. 39-47. Lihat juga Persatuan Pengguna Pulau Pinang (1999), Makanan Berbahaya; Panduan CAP Mengenai Bahaya Tersembunyi dalam Makanan, Sungai Pinang: Persatuan Pengguna Pulau Pinang.

⁵ Che Wan Jasimah Wan Mohamed Radzi (2000), Konsep Kesihatan Melalui Pemakanan : Pendekatan Islam dan Sains, Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors.

⁶ Hisyām b. ‘Abd Malik Āli Syaikh (2007), *Athar al-Taqniah al-Hadīthah fi al-Khilāf al-Fiqhi*. Riyāḍ: Maktabah al-Rusyd. (Tesis ini telah diterbitkan).

⁷ Mohd Nasran & Mohd Naim Mokhtar (2003), “*Penceraian Melalui SMS Dari Sudut Fiqh dan Undang-Undang Keluarga Islam*”, dalam Shofian Ahmad (*et.al.*) Prosiding Seminar Kebangsaan Fiqh Semasa 2003. Bangi: Jabatan Syariah Fakulti Pengajian Islam UKM & Kolej Islam Selangor Darul Ehsan (KISDAR).

dibahaskan secara lengkap, tulisan ini lebih menjurus kepada aspek perundangan berkaitan isu yang dibincangkan.

Berdasarkan pengamatan penulis terhadap kajian-kajian lepas, dapat difahami bahawa ianya hanya dapat memberi jawapan secara umum dan bersifat segera ketika timbul sesuatu isu, namun perbincangan secara mendasar terhadap sub masalah yang timbul mungkin terlepas pandang. Begitu juga sebagaimana yang berlaku dalam metodologi pengajian Imam Abu Hanifah yang banyak melibatkan *Fiqh Iftirāḍī* (Fiqh Andaian) yang jarang sekali disentuh dalam mana-mana kajian. Justeru, kajian ini cuba untuk membina kolerasi antara ruang-ruang yang masih wujud dalam kajian yang lalu dengan kajian semasa secara lebih terperinci melibatkan penggunaan SMS dalam kehidupan seharian sekaligus dapat memenuhi keperluan jawapan kepada permasalahan yang dikaji.

1.10 METODOLOGI KAJIAN

Metodologi merupakan elemen terpenting dalam penyelidikan kajian ilmiah . Berpandukan metode yang digunakan, objektif kajian mampu digarap dengan lebih jelas. Penggunaan metode yang tepat dan sesuai amat penting dalam penyelidikan untuk menghasilkan penelitian yang berkualiti samada dalam bentuk fakta-fakta terbaru ataupun kaedah-kaedah saintifik. Kajian ini adalah berbentuk kajian perpustakaan. Oleh yang demikian, penulis telah menggunakan beberapa metode yang berkaitan dengan kajian yang dilakukan iaitu;

(a) Metode Pengumpulan Data

Dalam proses pengumpulan data, penulis menggunakan metode dokumentasi. Metode dokumentasi ini bererti satu cara pengambilan data dengan cara meneliti dokumen-dokumen yang ada hubungan dengan masalah yang dikaji. Metode ini akan dapat digunakan dengan merujuk data-data dari sumber primer tanpa mengeneikan data-data yang berbentuk sekunder.

- i. Sumber primer.
- ii. Sumber sekunder
 - Koleksi kertaskerja persidangan dan seminar
 - Seminar yang dibukukan
 - Penulisan ilmiah, buku, disertasi, tesis, laporan dan sebagainya.

i. Kajian Perpustakaan

Data-data ini diperolehi dengan merujuk di beberapa buah perpustakaan antaranya :

- a. Perpustakaan Utama Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- b. Perpustakaan Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.
- c. Perpustakaan Kolej Islam Pahang Sultan Ahmad Shah, Kuantan.
- d. Perpustakaan Tun Seri Lanang, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- e. Perpustakaan Awam Pusat Islam, Kuala Lumpur.
- f. Perpustakaan peribadi penulis.

ii. Metode Temubual

Meskipun kajian ini berbentuk kajian perpustakaan, namun untuk mengukuhkan lagi pengumpulan data, penulis telah menjalankan sesi temubual dengan beberapa

individu yang berkaitan berhubung penggunaan SMS dalam kehidupan seharian. Mereka ini antaranya ialah En. Nazli Amirri b. Ngah, Penolong Setiausaha Bahagian Kutipan Zakat MAIDAM bagi isu zakat melalui SMS, Cik Adlena Oi, Pengurus Alt Media Sdn.Bhd. bagi isu derma melalui SMS dan Yang Arif Tuan Muhammad Azhari b. Abd Rahman, Ketua Pendaftar Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Pahang bagi isu cerai menggunakan SMS.

(b) Metode Analisis Data

Setelah memperolehi data-data yang mencukupi dengan mengaplikasikan metode pengumpulan data, proses penganalisan data dan penelitian kajian dilakukan dengan melihat beberapa hubungkait antara data dan fakta yang berlaku, punca berlaku sesuatu perkara, kesan yang wujud dan sebagainya. Hasil daripada analisa tersebut, kesimpulan dan saranan akan dikemukakan sebagai hasil penyelidikan. Dalam proses ini, penulis menggunakan pendekatan berikut ;

i. Pendekatan Induktif

Menerusi pendekatan ini, penulis cuba menarik kesimpulan dari data-data yang dianalisa yang bersifat khusus untuk memberikan kesimpulan dan kenyataan yang bersifat umum. Pendekatan ini digunakan secara meluas ketika menghuraikan latarbelakang dan pengertian tajuk dalam bab 1, ketika menghuraikan pengertian dan konsep teknologi dan persoalan mengenai teknologi SMS dalam bab 3 dan juga ketika menghuraikan hukum menggunakan teknologi dengan membuat penganalisan data yang menunjukkan keharusan pemanfaatan teknologi dalam bab 2.

ii. Pendekatan Deduktif

Iaitu pengolahan data berdasarkan pola berfikir yang mencari pembuktian terhadap perkara yang bersifat khusus menerusi dalil-dalil yang berbentuk umum. Penulis menggunakan pendekatan ini untuk membuat kesimpulan yang berbentuk khusus daripada data-data yang bersifat umum sebagai bukti isu yang telah diperbincangkan. Pendekatan ini banyak digunakan ketika menganalisa hukum yang berkaitan dengan SMS dengan mengemukakan dalil-dalil daripada al-Quran, al-Hadith, kaedah-kaedah Fiqh yang berkaitan untuk mendapatkan kesimpulan dan rumusan yang menjadi hasil kajian di dalam bab 4 dan 5.

iii. Pendekatan Perbandingan (Komparatif)

Metode ini adalah satu cara membuat kesimpulan melalui perbandingan terhadap data, fakta dan pendapat yang diperolehi semasa melakukan kajian dan penelitian daripada dua sumber yang berbeza dengan penumpuan (fokus) terhadap tema tumpuan¹. Penulis membuat perbandingan terhadap pendapat para fukaha, ulama silam dan kontemporari untuk membuat kesimpulan perbahasan. Penulis juga membandingkan situasi keadaan objek kajian terdahulu dan masakini untuk melihat perubahan-perubahan yang memberi kesan dalam penilaian yang telah dilakukan.

¹ Gerald S.Ferman & Jade Levin (1975), *Social Sciences Research*. Amerika Syarikat: John Wisely & Sons, h.79.

BAB 2 :
TEORI-TEORI SYARAK YANG BERKAITAN DENGAN
PERMASALAHAN SEMASA.

2.1 TEORI NUSUS SYARAK

Suatu perkara yang penting dalam perbahasan hukum hakam syarak ialah berkenaan dengan nas. Menurut ilmu Usul Fiqh, setiap hukum yang dikeluarkan adalah berdasarkan kepada sumbernya sama ada yang disepakati mahupun yang tidak disepakati.¹ Sumber yang disepakati ialah al-Quran, al-Sunnah, *al-Ijmā'* dan *al-Qiyās*. Manakala sumber yang tidak disepakati ialah *al-Istiṣhāb*, *Syar'u Man Qablanā*, *Qawl al-Ṣahābī*, *al-Istiḥsān*, *al-Maṣlahah al-Mursalāh*, *al-'Urf* dan *al-Istiqrā'*.²

Sumber yang disepakati ialah sumber yang tidak dipertikai kesahihannya atau kredibiliti kandungannya. Sumber ini dianggap sebagai sumber primier yang paling autentik kerana ianya datang daripada punca utama (first hand) sumber itu diperolehi. Ini boleh dilihat secara jelas dalam praktik para sahabat r.a yang merujuk kepada nusus al-Quran dan sunnah Nabi Muhammad S.A.W ketika mereka melakukan *istinbāt* hukum.³

Walau bagaimanapun, sumber ini adalah terhad untuk meliputi dan mencakupi setiap kes dalam kehidupan manusia. Teks al-Quran atau hadis jika dikira, adalah sangat

¹ Lihat Wahbah al-Zuhaylī (1998), *Uṣūl al-Fiqh al-Islāmī*. j. 1, c. 2. Beirut: Dār al-Fikr, h. 417.

² 'Abd al-Karīm al-Namlah (2001), *al-Jāmi' li Masā'il Uṣūl al-Fiqh wa Taṭbiqihā 'ala al-Mazhab al-Rājiḥ*. Maktabah al-Rusyd: Riyāḍ, h. 8.

³ Sebagai contoh, ketika Rasulullah S.A.W. mengutuskan Mu'āz bin Jabal r.a. ke Yaman sebagai pendakwah dan juga sebagai utusannya. Baginda bertanyakan kepadanya mengenai metode yang akan digunakan dalam memberi jawapan hukum. Ternyata jawapan Mu'āz bin Jabal secara tidak langsung memberikan satu kaedah dalam mengeluarkan hukum iaitu merujuk kepada al-Quran dan al-Sunnah dan diikuti dengan sumber lain berdasarkan usaha ijtihad. Ini sebagaimana yang diterangkan dalam al-Quran sendiri, surah al-Nisā' ayat 59. Rujuk 'Abd al-Karīm Zaydān (1998), *al-Madkhal li Dirāsāt al-Syarī'at al-Islāmiyyah*. c. 16. Beirut: Mu'assasah al-Risālah, h. 97.

terhad berbanding perubahan masa, budaya, dan sistem sosial umat di seluruh dunia sejak dahulu hingga kini. Atas sebab inilah Allah S.W.T. tidak menurunkan al-Quran dalam bentuk kes-kes terperinci, tetapi memberi panduan serta prinsip umum yang boleh dipakai pada setiap masa. Prinsip-prinsip umum ini tidak akan berubah, tetapi pada masa yang sama memberikan fleksibiliti kepada umat Islam untuk menganalisis dan melaksanakan sesuatu hukum, sesuai dengan ciri-ciri khusus kehidupan mereka.¹

Dalam dunia moden hari ini, dengan adanya perkembangan sains, bio-genetik, teknologi telekomunikasi, perniagaan, perbankan, sistem kewangan dan lain-lain, sudah tentu proses ijtihad amat diperlukan untuk menyesuaikan pelaksanaan hukum fiqh dengan realiti semasa. Para sarjana Islam telah menetapkan beberapa kaedah supaya ijtihad yang dilakukan oleh seseorang sarjana itu tidak lari daripada prinsip-prinsip asas syariah yang dinamakan sebagai kaedah Usul Fiqh. Berasaskan teori-teori dalam disiplin ilmu Usul Fiqh inilah para sarjana melakukan ijtihad sama ada berasaskan empat sumber utama yakni al-Quran, al-Sunnah, *al-Ijmā'* atau *al-Qiyās*. Selain daripada sumber utama ini, para ulama juga telah mengemukakan pelbagai doktrin dan kaedah iaitu *al-Istihsān*, *al-Istiṣhāb*, *al-Maṣāliḥ al-Mursalah*, *Sadd al-Dharā'i'* dan *al-'Urf* untuk memastikan syariah Islam berjalan di atas semangat "*Maqāṣid al-Syari'ah*"nya yang sebenar. Sumber-sumber sekunder inilah yang memberi ruang yang luas kepada para mujtahid untuk melakukan ijtihad.

Dalam urusan perniagaan atau kewangan, *Fiqh al-Mu'āmalah* memainkan peranan yang besar dalam menentukan hukum-hukum yang sesuai bagi memastikan tercapainya kehendak-kehendak syariah (*Maqāṣid al-Syari'ah*) dan objektifnya dengan

¹ Mustafā Aḥmad al-Zarqā (2004), *al-Madkhal al-Fiqhi al-'Ām*. j. 1, c. 4. Damsyik: Dār al-Qalam, h.73-75.

tepat. Perubahan bentuk urus niaga dan perniagaan pada masa kini memerlukan sumbangan yang tidak sedikit daripada ijtihad para ulama. Ijtihad para ulama silam yang berasaskan kemaslahatan masyarakat dalam realiti semasa mereka perlu dikaji semuanya berasaskan sumber-sumber syariah sama ada merujuk kepada sumber utama mahupun sumber sekunder. Begitu juga halnya dalam perkara-perkara lain yang merangkumi persoalan yang berkaitan dengan hal ibadah, munakahat dan sebagainya yang sudah tentu menggunakan metode yang serupa seperti yang telah disebutkan sebelum ini.

2.1.1 NUSUS SYARAK DAN HUBUNGANNYA DENGAN MASALAH SEMASA

Pada asasnya, setiap hukum itu adalah bersandarkan kepada ketentuan nusus yang sedia ada. Namun bersesuaian dengan sifat *al-Fiqh al-Islāmī* yang sentiasa mengalami perubahan demi perubahan bersesuaian dengan perkembangan zaman, maka tidak dapat tidak hukum yang dikeluarkan itu juga akan turut berbeza.

Seperkara yang menarik untuk dilihat ialah kebanyakan nas syarak adalah bersifat umum dan hukumnya tidak hanya mencakupi sebab turunnya sesuatu ayat atau sebab datangnya sesuatu hadis. Ianya boleh merujuk kepada mana-mana permasalahan yang timbul tanpa dibataskan oleh tembok masa, zaman dan keadaan.

Ulama terdahulu (*al-Mutaqaddimīn*) bersepakat bahawasanya nusus syarak merupakan sumber utama bagi setiap permasalahan yang timbul. Nusus ini akan melalui proses yang terdapat dalam perbahasan Usul Fiqh bagi tujuan pengeluaran hukum. Mungkin terdapat sedikit perbezaan dalam kalangan mereka berkaitan sumber-sumber

syarak seperti *al-Qiyās*, hukum akal, *al-Istihsān*, *al-Maṣlahah*, pemakaian bahasa dan lain-lain. Namun ianya tidak menolak bahawa nusus syarak akan dirujuki terlebih dahulu dalam mendepani sesuatu permasalahan semasa.¹

Contoh yang dapat dilihat bagaimana interaksi nusus syarak ini dengan permasalahan baru ialah sebagaimana yang yang dijelaskan dalam firman Allah :

﴿...وَنَزَّلْنَا عَلَيْكَ الْكِتَابَ بَيِّنَاتٍ لِّكُلِّ شَيْءٍ وَهُدًى وَرَحْمَةً

وَبُشْرَىٰ لِّلْمُسْلِمِينَ ﴿٨٩﴾

Maksudnya: Dan kami turunkan kepada kamu (Muhammad) al-Kitāb sebagai penjelasan kepada setiap perkara dan untuk menjadi petunjuk dan rahmat serta khabar gembira buat orang Islam.

Surah *al-Naḥl* (16): 89.

Allah menjelaskan Dia sesekali tidak akan membiarkan sesuatu perkara itu dalam kesamaran, sebaliknya akan menjelaskannya kepada manusia sama ada dalam bentuk nas (ayat al-Quran) ataupun dilalah ayat tersebut.² Menguatkan lagi maksud perkara ini, Imam al-Syāfi'ī menyatakan bahawa tidaklah manusia menghadapi sesuatu permasalahan terutamanya yang bersifat semasa melainkan mereka mendapatinya dijelaskan di dalam al-Quran dan al-Sunnah.³ Pendapat ini juga disokong oleh Imam Abu Bakar al-Jaṣṣ yang menyebut bahawa tiada suatu perkara yang besar mahupun yang rumit, melainkan diterangkan hukumnya oleh Allah sama ada dalam bentuk nas atau dalil.⁴

¹ Sa'īd b. Muḥammad Buharāwah (1999) *al-Bu'du al-Zamānī wa al-Makānī wa Atharuhumā fi al-Ta'āmul ma'a al-Naṣṣi al-Syar'ī*. Dār al-Fajr: Kuala Lumpur., h.57-58.

² Musfir b. 'Alī b. Muḥammad al-Qaḥṭānī (2003) *Manhaj Istinbāt Ahkām al-Nawāzil al-Fiqhiyyah al-Mu'āṣarah : Dirāsatan Ta'ṣiliyyatan Taḥbīqiyyatan*. Beirut: Dār Ibn Hazmin, h.43.

³ al-Syāfi'ī (t.t.), *op.cit.*, h. 20.

⁴ Abu Bakar Ahmad al-Razi al-Jaṣṣ (1415) *Ahkām al-Qurān*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, j.1, h.246.

Sebagai lanjutan, perkaitan nusus syarak dengan perkara yang bersifat moden sebagaimana yang disebut oleh Imam al-Māwardī adalah terbahagi kepada lapan jenis :¹

- Pertama : Hukum yang dikeluarkan daripada makna sesuatu nas seperti *illah* riba daripada gandum merupakan bentuk *qiyās* yang sah dan terpakai di sisi mereka yang berpegang dengan *qiyās* ini.
- Kedua : Hukum yang dikeluarkan daripada separuh nas seperti pemilikan harta oleh hamba. Adakah ianya memiliki secara sempurna berasaskan *qiyas* bahawa dia seorang yang mukallaf atau dia hanya memiliki separuh sahaja kerana dia seperti haiwan yang tak boleh memiliki.
- Ketiga : Hukum yang dikeluarkan berdasarkan kepada umum sesuatu nas seperti bapa dan suami adalah termasuk dalam golongan yang memiliki ikatan nikah walhal yang dimaksudkan dalam ayat adalah salah seorang sahaja.
- Keempat : Hukum yang dikeluarkan berasaskan nas yang *mujmal* (umum) seperti penentuan kadar *mut'ah* berdasarkan keadaan suami.
- Kelima : Hukum yang dikeluarkan berdasarkan keadaan nas seperti arahan puasa bagi orang yang melakukan haji *Tamattu'* .
- Keenam : Hukum yang dikeluarkan daripada (*dalāil*) petunjuk nas seperti penentuan nafkah bagi orang yang senang sebanyak 2 *mudd* (cupak) dan bagi orang yang susah sebanyak 1 *mudd*.
- Ketujuh : Hukum yang dikeluarkan daripada tanda yang ada pada sesuatu nas seperti penentuan arah kiblat bagi mereka yang tidak mengetahuinya.
- Kelapan : Hukum yang dikeluarkan tanpa adanya nas dan juga asal seperti penggunaan *istihsān* dan penentuan kadar hukuman takzir.

¹ Musfir b.'Ali al-Qaḥṭāni (2003), *op.cit.*, h. 395.

Kesemua lapan perkara ini amat diperlukan oleh ulama dalam penentuan hukum yang bersifat semasa dengan cara merujuk sesuatu keadaan yang hendak dihukumkan dengan nas yang sedia ada ataupun *dilālah* nas tersebut. Hal ini kerana, dalam menentukan sesuatu hukum yang tidak disentuh oleh nas, cakupan nas adalah bersifat umum sahaja dan tidak mendasar sebaliknya hanyalah panduan semata-mata.¹

2.2 TEORI *MAQĀSID AL-SYARI'AH*

Maqāsid al-Syari'ah merupakan salah satu ilmu yang paling unggul dan tiada tolok bandingnya dalam konteks penetapan sesuatu hukum.² Adalah menjadi suatu perkara yang penting sesuatu hukum itu dilihat dari sudut objektif pensyariatannya. Maksud daripada *Maqāsid al-Syari'ah* ialah kandungan dan hikmah yang diperjelaskan oleh syarak dalam setiap keadaan pensyariatannya. Ianya merangkumi setiap bentuk syariat dan objektifnya secara umum serta isi kandungannya yang tidak terlepas daripada pemerhatian syarak. Termasuk dalam perkara ini juga, beberapa hikmah yang tidak diketahui pada semua bahagian hukum akan tetapi diperjelaskan dari beberapa aspek yang lain.³

Selain itu, *Maqāsid al-Syari'ah* juga bermaksud, objektif yang diletakkan oleh syarak bagi mencapai masalah buat umat. Oleh yang demikian, segala rahsia dan tujuan yang diletakkan oleh syarak untuk mencapai kemaslahatan dan menjaga kepentingan

¹ Musfir b.'Ali al-Qaḥṭāni (2003), *op.cit.*, h. 397.

² Rosli Mokhtar & Mohd Fikri Che Hussain (2007) *Maqāsid al-Syarī'ah: Hikmah di Sebalik Pensyariatan*. Shah Alam: Karya Bestari Sdn.Bhd., h.25

³ Ibn 'Asyūr, Muḥammad Ṭāhir ibn 'Asyur (2001) *Maqāsid al-Syarī'ah al-Islāmiyyah*. c. 2. Jordan: Dār al-Nafā'is, h. 251.

syariat amat penting untuk diketahui oleh mujtahid dalam mengistinbatkan hukum dan memahami nusus.

Penentuan hukum yang bersifat semasa dan moden mestilah dikaitkan dengan *Maqāṣid al-Syari'ah*. Begitu juga ketika menggabungkan dalil-dalil yang kelihatan bercanggah. Semestinya seorang yang ingin mengeluarkan hukum perlulah terlebih dahulu merujuk kepada *Maqāṣid al-Syari'ah* agar tidak tersasar dalam menentukan hukum sejajar dengan kehendak dan objektif syariat. Setiap aspek penggunaan metodologi penentuan hukum sama ada melalui *al-Qiyās*, *al-Istiṣlāḥ*, *al-Istiḥsān* atau *al-'Urf* yang muktabar, mestilah mengambil kira aspek *Maqāṣid al-Syari'ah* ini.

2.2.1 KEHUJAHAN *MAQĀṢID AL-SYARI'AH* DALAM FIQH ISLAM

Pengiktirafan terhadap penetapan *maṣlaḥah* ketika mendepani isu-isu yang menuntut jawapan hukum merupakan maksud dan tujuan syarak itu sendiri. *Maṣlaḥah* ialah mendatangkan manfaat dan menolak mudarat dalam kehidupan manusia. Kebanyakan hukum yang dikeluarkan adalah berasaskan penggunaan dan pengiktirafan terhadap kehujahan *al-Maṣlaḥah al-Mursalah* yang tiada nas sarif dalam menentukannya secara sendirian atau dengan jenisnya. Jumhur ulama mengiktiraf bentuk hujah menggunakan pendekatan *al-Maṣlaḥah al-Mursalah* ini. Sebab itu Imam al-Āmidī r.h. menegaskan bahawa jika ditolak pengiktirafan terhadap hujah *al-Maṣāliḥ al-Mursalah* ini, ianya akan membawa kepada tiadanya jawapan hukum syarak terhadap banyak permasalahan yang berlaku kerana tiadanya nas atau ijmak atau qiyas untuk

dirujuki dalam proses menentukan hukum.¹ *Wāqi'* dan persekitaran dunia semasa hari ini pula menyaksikan bahawa banyaknya penggunaan terhadap bentuk *al-Maṣlaḥah al-Mursalah* ini terutamanya dalam bab akad terhadap harta, urusan nikah kahwin dan sebagainya.²

Seterusnya pengiktirafan terhadap kaedah *raf'u al-Ḥaraj* (menolak kepayahan) juga diambil kira dalam proses menentukan hukum. Apa yang dimaksudkan dengan kepayahan di sini ialah, setiap perkara yang membawa kepada *mashaqqah* (kesusahan) yang berlebihan terhadap badan, jiwa atau harta sama ada pada ketika itu atau pada masa akan datang. Maksud daripada perkara ini ialah memudahkan mukallaf dengan menolak kepayahan daripada mereka ketika berinteraksi dengan ketentuan syarak. Firman Allah S.W.T. yang bermaksud ;

“Allah tidak mahu menjadikan kamu menanggung sesuatu kesusahan (kepayahan), tetapi ia berkehendak membersihkan (mensucikan) kamu dan hendak menyempurnakan nikmatNya kepada kamu, supaya kamu bersyukur.”

Surah *al-Māidah* (5): 6.

Serta hadis Nabi S.A.W. yang bermaksud, “ Sesungguhnya agama ini adalah mudah ”,³ merupakan bukti bahawa bentuk penghujahan sebegini diterima dalam pembentukan sesuatu hukum oleh syarak. Oleh yang demikian, seseorang mujtahid perlulah mengambil berat akan perkara ini ketika mengeluarkan hukum. Lebih-lebih lagi dalam permasalahan yang bersifat semasa.⁴

¹ ‘Ali al-Āmidī, (1406) *al-Iḥkām fi Uṣūl al-Aḥkām*. Dr.Sayyid al-Hujaylī (ed.) j.4, c. 2. Beirut: Dār al-Kitāb al-‘Arabī., h.32.

² al-Qaḥṭānī (2003) *op.cit.*, h. 330.

³ Muḥammad b. Ismā’īl Abu Abd ‘Allāh al-Bukhārī (1994), *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, “*Kitāb al-Imān*”, no. hadīth 38. j.1. Kaherah: Dār al-Fikr, h. 69.

⁴ al-Qaḥṭānī (2003) *op.cit.*, h. 331-332.

Dan yang terakhirnya, dalam menentukan kejujahan *Maqāṣid al-Syari'ah* ini, perkara yang amat penting yang perlu dilihat ialah melihat kepada kesudahan sesuatu hukum yang ingin ditentukan. Adakah ianya benar-benar menepati *Maqāṣid al-Syari'ah* itu sendiri atau sebaliknya. Kaedah dalam menentukan hal ini telah dipraktikkan oleh syarak seperti yang dijelaskan oleh Allah dalam ayat yang bermaksud ;

“ Dan janganlah kamu makan (atau mengambil) harta (orang-orang lain) di antara kamu dengan jalan yang salah, dan jangan pula kamu menghulurkan harta kamu (memberi rasuah) kepada hakim-hakim kerana hendak memakan (atau mengambil) sebahagian dari harta manusia dengan (berbuat) dosa, padahal kamu mengetahui (salahnya)”

Surah *al-Baqarah* (2): 188.

Serta hadis Nabi S.A.W. ketika bermesyuarat dengan sahabat baginda mengenai persoalan adakah perlu dihukum bunuh mereka yang jelas kemunafikannya, baginda bersabda yang bermaksud, “ Aku khawatir manusia akan mengatakan bahawa Muhammad telah membunuh sahabatnya ”,¹ dan juga sabda baginda yang bermaksud, “ Sekiranya kaummu tidak sahaja baru masuk Islam, nescaya aku akan membina Ka'bah mengikut binaan Nabi Ibrahim ”.² Imam al-Syātibī r.h. ketika mengulas hal ini menyebut bahawa melihat kepada bentuk kesudahan sesuatu perkara itu adalah diiktiraf dan itulah tujuan syarak. Ini kerana seseorang mujtahid itu tidak sesekali akan mengeluarkan hukum melainkan setelah melihat kepada kesudahan sesuatu perkara dalam mencapai objektif syarak. Jika tidak, sudah tentu berlakunya kesilapan ketika menentukan objektif dan maksud syarak dalam menentukan hukum.³

¹ Muḥammad b. Ismā'īl Abu 'Abd Allāh al-Bukhārī (1994), *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, “*Kitāb al-Manāqib*”, no. hadith 3257. j.11. Kaherah: Dār al-Fikr, h. 343.

² Muḥammad b. Ismā'īl Abu 'Abd Allāh al-Bukhārī (1994), *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, “*Kitāb al-'Ilm*”, no. hadith 126. j.1. Kaherah: Dār al-Fikr, h. 150.

³ al-Syātibī (1983), *op.cit.*, h.178.

2.2.2 HUBUNGAN *MAQĀSID AL-SYARI'AH* DALAM MENDEPANI PERMASALAHAN SEMASA

Telah dijelaskan sebelum ini bahawa hukum hakam syarak sentiasa berkait rapat dan mempunyai pertalian dengan tingkah laku serta urusan muamalat manusia sama ada baik ataupun buruk. Oleh kerana sifat kehidupan manusia yang sentiasa berkembang sejajar dengan perkembangan masa dan tempat, sudah tentu permasalahan yang melibatkan hukum juga turut sama terkait dalam proses ini. Sebagaimana yang diketahui, hukum hakam syariah terbahagi kepada dua bahagian. Bahagian pertama ialah perkara-perkara yang berkaitan dengan permasalahan *ta'abbudiyah* (ibadah yang termasuk di dalamnya bentuk umum dan khusus). Manakala bahagian yang kedua pula ialah perkara-perkara yang berkaitan dengan masalah manusia sama ada yang berbentuk duniawi mahupun ukhrawi.¹

Menyentuh mengenai bahagian kedua hukum iaitu perkara-perkara yang berkaitan dengan masalah manusia, seperti yang pernah disebut oleh Imam 'Izz b. 'Abd al-Salām r.h.:²

“Bebanan taklif semuanya berkait dengan masalah manusia sama ada yang berbentuk duniawi mahupun ukhrawi dan Allah Maha Kaya daripada memerlukan kepada hambaNya, ketaatan hambaNya tidak memberi manfaat kepadaNya dan keingkaran hambaNya tidak pula memberi mudarat kepadaNya.”

¹ Sahā Salīm Mikdāsh (2007), *Taghayyur al-Aḥkām: Dirāsatan Taḥbīqīyyatan Li Qa'idat (La Yunkar Taghayyur al-Aḥkām bi Taghayyur al-Qarāin wa al-Azmān) fi al-Fiqhi al-Islāmī*. Beirut: Dār al-Basyāir al-Islāmiyyah, h. 255.

² 'Izz b. 'Abd al-Salam (t.t.) *Qawā'id al-Aḥkām fi Muṣṭalah al-Anām*. j. 2. Beirut: Dār al-Ma'rifah, h. 70.

Perkara sama turut diulas oleh Imam Ibn al-Qayyim dengan kata-katanya :¹

“Syariat ini, binaan dan asasnya ialah hikmah-hikmah dan masalah manusia dalam kehidupan dan pengakhiran hidup. Ianya adalah keadilan sepenuhnya, rahmat sepenuhnya, maslahat sepenuhnya dan hikmah sepenuhnya, maka setiap masalah yang tersasar daripada keadilan kepada kezaliman, daripada rahmat kepada sebaliknya, daripada masalah kepada mafsadah (kerusakan), daripada hikmah kepada sia-sia, maka ketahuilah ianya bukan syariat sekalipun diberi nafas baru. Syariat itu ialah keadilan Allah di antara hambaNya...”

Bersandarkan apa yang disebut, para fuqaha dan *Uṣūliyyūn* telah melebar luaskan penggunaan *al-Maṣlaḥah al-Mursalah* dan mengaitkannya dengan prinsip yang terdapat dalam *maqāṣid al-Syari‘ah* yang secara konsekuensinya telah menyebabkan perubahan, kepelbagaian dan pembaharuan dari sudut hukum seiring dengan keperluan yang mendesak di setiap zaman dan tempat. Ini bertujuan tidak lain hanyalah demi memastikan setiap masalah manusia dapat dicapai dan setiap yang mudarat dapat dihindari. Disamping itu juga, ianya akan menolak kesusahan (*raf‘u al-Ḥaraj*) daripada manusia dan tidak menyempitkan masalah-masalah yang berkaitan dengan hukum hakam syarak yang dibina berasaskan masalah manusia dan kelapangannya.²

Tidak dapat dinafikan bahawa dunia penggunaan SMS amat berkait dengan kemaslahatan yang juga sesuai dengan konsep *raf‘u al-Ḥaraj* ini. Penggunaan kemudahan ini berlaku dalam pelbagai cabang kehidupan yang melibatkan soal hukum. Dalam memahami persoalan hukum penggunaan SMS yang melibatkan perincian dan penentuan sesuatu hukum tertentu, sudah pasti ulama akan merujuk kepada masalah

¹ Ibn al-Qayyim al-Jawziyyah (1973) *I‘lām al-Muwaqqi‘in ‘an Rabb al-‘Ālamīn*. Ṭāha ‘Abdul Raūf Sa‘ad (ed.), j. 3, Beirut: Dār al-Jīl, h. 3.

² Sahā Salīm Mikdāsh (2007), *op.cit.*, h. 257.

yang boleh diiktiraf untuk membuktikan bahawa wujudnya hubungkait antara penggunaan teknologi dengan hukum syarak.

2.3 TEORI *QAWĀ'ID AL-FIQHIYYAH*

Satu perkara yang perlu diketahui terlebih dahulu ialah, perbahasan mengenai *al-Qawā'id al-Fiqhiyyah* bukanlah termasuk di dalam perbahasan usul fiqh. Sebaliknya, ianya termasuk dalam perbahasan mengenai fiqh. Namun, ini tidak menjadikan *al-Qawā'id al-Fiqhiyyah* tidak penting, malah ianya menjadi medan bagi ulama untuk membina upaya fiqh mereka dalam menjawab persoalan-persoalan hukum.

al-Qawā'id al-Fiqhiyyah merupakan hasil perkembangan sejarah fiqh sepanjang zaman. Ianya bukan semata-mata pemikiran ulama atau percubaan daripada mereka untuk mereka-reka sesuatu yang boleh dijadikan asas dalam proses pengeluaran hukum. Sebaliknya ianya adalah hasil penelitian para ulama yang mengiktiraf usaha meletakkan kaedah-kaedah ini sebagai asas dalam menghubungkan hukum yang asal dengan hukum yang cabang sifatnya. Ini jelas dilihat melalui sejarah perkembangan hukum fiqh itu sendiri.¹

Dengan menggunakan kaedah-kaedah fiqh, sesuatu hukum akan mudah diketahui hanya dengan memadankan kaedah yang telah tersedia dengan permasalahan yang dihadapi. Kaedah fiqh juga dapat menyeragamkan bentuk permasalahan yang banyak di bawah satu bumbung kaedah yang memayunginya. Ini secara tidak langsung akan

¹ 'Ali Ahmad al-Nadawī (1998), *al-Qawā'id al-Fiqhiyyah: Maḥmūhā, Nasy'atuhā, Taṭāwwurhā, Dirāsāt Mu'allafātihā, Adillatuhā, Muḥimmatuhā, Taṭbīqātuhā*. c. 4. Damsyik: Dār al-Qalam, h. 271.

menjadikan fiqh itu menjadi mudah dan senang.¹ Jika tidak, hukum-hukum perkara cabang akan berselerak dan tidak tersusun sekaligus akan menyukarkan faqih memberikan jawapan hukum kepada permasalahan yang dihadapinya.

2.3.1 KEDUDUKAN *QAWĀ'ID AL-FIQHIYYAH* DALAM CAPAIAN HUKUM

Keadaan dan kedudukan *Qawā'id al-Fiqhiyyah* sebagai kaedah yang menyeluruh dalam capaian hukum amat terserlah sebagai suatu yang boleh mempengaruhi hukum fiqh dan mempunyai kesan yang amat ketara dalam mengeluarkan hukum. Dengan penggunaan kaedah-kaedah ini, ianya mencerminkan asas yang perlu ada dalam sesuatu hukum. Malah dalam kedudukannya yang tersendiri, ianya meletakkan kaedah yang diguna pakai terhadap cabang masalah yang hendak ditentukan hukumnya. Caranya ialah mengaitkan keseluruhan cabang dengan *manāṭnya* yang tersendiri.² Dalam erti kata yang lain, kaitan sesuatu masalah itu diikat dengan hukum dengan pengikat yang didasarkan dalam *Qawā'id al-Fiqhiyyah*. Tanpa pengikat ini, hukum hakam akan terbiar berselerak dan dalam sesetengah keadaan, kemungkinan hukum itu berlawanan dengan hukum asal yang sepatutnya mengikat antara kedua-duanya.

Sebagaimana yang ditegaskan oleh al-Qarāfī, Syariat Muhammadiyyah ini mengandungi perkara pokok dan juga perkara cabang. Perkara pokok ini terbahagi kepada dua bahagian. Bahagian yang pertama adalah *Uṣūl al-Fiqh* dan yang keduanya pula ialah *al-Qawā'id al-Fiqhiyyah*. Bahagian *al-Qawā'id* ini amat banyak melibatkan

¹ *Ibid.* h. 327

² Sahā Salīm Mikdāsh (2007), *op.cit.*, h. 27.

hukum hakam perkara cabang yang tidak disentuh dalam perbincangan Usul Fiqh. Dengan menguasainya, kedudukan seorang faqih itu akan lebih tinggi kerana sesiapa yang mengambil hukum cabang dan ranting tanpa mengikatnya dengan kaedah-kaedah yang menyeluruh akan melakukan kesalahan.¹

Al-Sadlān menerangkan bahawa *al-Qawā'id al-Fiqhiyyah* ini merupakan ungkapan fiqh yang tertumpu pada penerangan terhadap kefahaman mengenai hukum-hukum cabang dan cara menangani permasalahan hukum serta pengeluaran solusi syarak terhadap masalah semasa seperti yang telah ditentukan dalam perbahasan *al-fiqh al-Islāmī*.² Persoalan ini merangkumi perkara-perkara fiqh berikut iaitu ibadat, muamalat, hukum hakam kekeluargaan, *siyāsah syar'iyah*, *'uqūbāt* (keseksaan), akhlak dan adab-adab serta hubungan luar yang antaranya ialah hubungan antarabangsa, diplomatik dan sebagainya.

2.3.2 KEHUJAHAN *QAWĀ'ID AL-FIQHIYYAH*

Setelah melihat sejauhmana kedudukan *al-Qawā'id al-Fiqhiyyah* dalam capaian hukum, timbul persoalan mengenai sejauhmana pula *al-Qawā'id al-Fiqhiyyah* ini diterima sebagai satu hujah atau dalil dalam proses pengeluaran hukum. Bagi menjawab persoalan ini, para ulama telah menyatakan bahawa *al-Qawā'id al-Fiqhiyyah* dianggap sebagai satu dalil jika ianya bersandarkan kepada al-Quran dan al-Sunnah. Malah

¹ Aḥmad ibn Idrīs al-Qarāfī (t.t.), *al-Furūq*. j. 1. Beirūt: 'Ālam al-Kutub, h. 6.

² Šāliḥ b. Ghānim al-Sadlān (1999), *al-Qawā'id al-Fiqhiyyah al-Kubrā wa Mā Tafarra'a 'Anhā*. c. 2. Riyāḍ: Dār Balansiyyah, h. 32.

kehujahannya dianggap amat kuat sehingga mampu mengubah keputusan seorang kadi yang berlawanan dengannya (kaedah fiqh).¹

Perkara ini jelas berdasarkan beberapa kaedah seperti “*al-Umūr bi Maqāṣidihā*”, “*al-‘Ādah Muḥakkamah*” dan lain-lainnya adalah diambil melalui nas hadith secara literalnya. Oleh kerana sifatnya bersumberkan dalil-dalil yang diperakui syarak, maka tiada halangan untuk tidak menggunakannya dan mengiktirafnya sebagai satu bentuk dalil ketika mengistinbat hukum, mengeluarkan fatwa dan memutuskan penghakiman dijalankan.²

Contoh penggunaan *al-Qawā‘id al-Fiqhiyyah* dalam pengeluaran hukum dapat dilihat seperti yang disebut oleh Imam al-Nawāwī r.h. mengenai pendapat Imam Ahmad r.h. berkenaan hukum cabang iaitu persoalan wuduk disebabkan memakan daging unta. Termasuk dalam kategori ini jika meminum susunya. Sedangkan mazhab al-Syāfi‘ī dan lain-lain berpandangan tidak perlu berwuduk dengan sebab meminum susu unta. Ulama Hanabilah menjustifikasikan pendapat mereka berdasarkan keterangan hadith tidak perlu berwuduk dengan sebab meminum susu kambing tetapi perlu berwuduk dengan sebab meminum susu unta. Imam al-Nawāwī menjawab bahawa hadith ini terdapat kelemahan pada sanadnya justeru tidak boleh dijadikan hujah sedangkan hujah pendapatnya pula ialah susu tersebut secara asalnya adalah suci dan tiada petunjuk menyatakan ianya boleh membatalkan wuduk. Ini bertepatan dengan kaedah “*al-Aṣlu Baqa’ Ma Kāna ‘ala Ma Kāna*”. Jelas bahawa Imam al-Nawāwī telah mendahulukan kaedah ini mengatasi hadith yang daif.³

¹ *ibid.*, h. 35.

² Ṣāliḥ b. Ghānim al-Sadlān (1999), *ibid.*

³ *ibid.*, h. 36-37.

Sesetengah fuqaha tidak membenarkan *al-Qawā'id al-Fiqhiyyah* dijadikan dalil secara tersendiri sebaliknya menjadikannya sebagai pengukuh dalil sahaja. Justeru tidak sah berdalilkan *al-Qawā'id al-Fiqhiyyah* semata-mata sebaliknya perlu mengambil dalil lain terlebih dahulu untuk dijadikan sandaran hukum. Ini kerana *al-Qawā'id al-Fiqhiyyah* bukanlah kaedah-kaedah yang menyeluruh dalam erti kata yang sebenar, sebaliknya hanyalah kaedah-kaedah yang majoriti sahaja. Lebih-lebih lagi, terdapatnya pengecualian-pengecualian dalam setiap kaedah yang tidak menjadikannya hujah kukuh secara bersendirian.

Walau apapun, *al-Qawā'id al-Fiqhiyyah* tidak boleh dikesampingkan dalam konteks pengistinbatan hukum.¹ Ini seperti yang pernah disebut oleh Imam al-Qarāfi² :

فإن القواعد ليست مستوعبة في أصول الفقه بل للشريعة قواعد كثيرة
جدا عند أئمة الفتوى والقضاء لا توجد في كتب أصول الفقه أصلاً.
Maksudnya: Kaedah-kaedah fiqh tidak terhad pada Uṣūl Fiqh semata-mata, malah di dalam syariat terdapatnya kaedah yang banyak di sisi ulama dan kadi yang mengeluarkan fatwa dan hukum, yang mana kaedah-kaedah ini langsung tidak terdapat di dalam kitab-kitab Uṣūl Fiqh.

¹ Ṣāliḥ b. Ghānim al-Sadlān (1999), *ibid.* h. 38.

² al-Qarāfi (t.t.), *op.cit.*, j. 2., h. 11.

2.4 BEBERAPA *QAWĀ'ID AL-FIQHIYYAH* YANG TERLIBAT DALAM MASALAH KAJIAN

2.4.1 *AL-‘ĀDAH AL-MUḤAKKAMAH*

Adat didefinisikan sebagai amalan-amalan yang dilakukan secara berulang-ulang, yang diterima secara alamiah dan sebatinya di dalam jiwa atau alam fikiran masyarakat.¹

Seperti yang diketahui, adat merupakan antara faktor penting yang mempengaruhi sesuatu hukum. Walaupun ianya bukan dianggap sebagai dalil khas bagi hukum Islam oleh ulama *Uṣūl*, namun adat tetap memiliki pengaruh dalam formulasi hukum Islam dengan berbagai cara dan bentuk hukum.² Antara yang terpentingnya ialah;

- Banyaknya *naṣ* terutamanya hadis yang menggunakan adat kebiasaan sebagai asas sesuatu hukum.
- Kebanyakan sunnah *taqririyyah* (ketetapan Nabi) yang diambil dari adat istiadat Arab Jahiliyyah yang dianggap baik.
- Penerimaan kepada amal ahli Madinah oleh sesetengah fukaha seperti Imam Malik r.h. yang dianggap sebagai sumber hukum Islam dalam hal-hal yang tidak ada ketetapan *naṣ* padanya.
- Desakan keperluan disebabkan wujudnya kebiasaan baru hasil perkembangan zaman atau perluasan daerah takluk Islam adalah diterima

¹ Ibn Nujaym (1980) *al-Asybah wa al-Nazāir ‘ala Mazhab Abi Ḥanīfah ibn al-Nu‘mān*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, h. 93.

² Ṣubhi Rajab Maḥmaṣṣāni (2009), *Falsafah Perundangan Islam*. Mufliha Wijayati (terj.) Kuala Lumpur: Pustaka al-Hidayah, h. 227.

dan dimasukkan dalam hukum Islam bersesuaian dengan mekanisme sumber-sumber hukum yang dilaksanakan oleh para mujtahid seperti *istihsān* dan *istiṣhāb*.

Berdasarkan kepada perkara yang disebutkan, jelas bahawa adat memiliki kesan hukum yang mengikat. Malah terdapatnya kaedah umum *Uṣūl al-Fiqh* yang mengatakan “*Adat Kebiasaan Boleh Menjadi Dasar Penetapan Hukum*” (العادة محكمة).¹ al-Qāḍī Husayn al-Māwardī telah menggambarkan adat kebiasaan sebagai salah satu dari empat prinsip dalam ilmu fiqh. Konsep inilah secara lanjutnya diterima oleh *Majallah al-Ahkām al-‘Adliyyah* dalam fasal 36 yang berbunyi ;

“Adat kebiasaan boleh dijadikan sebagai dasar penetapan hukum (otoritatif). Kerana itupun apapun yang disebut adat, sama ada yang bersifat umum mahupun khusus, boleh dijadikan sebagai dasar hukum untuk menetapkan ketentuan hukum syar’iat.”

Penerimaan hukum adat sebagai landasan penetapan hukum dalam perkara-perkara syariah telah dijustifikasikan dengan kesepakatan para ulama hukum Islam padanya. Lebih-lebih lagi pada perkara yang berkaitan dengan sistem muamalat Islam.² Ianya disokong oleh kekuatan dalil serta athar, amalan khulafa’ *al-Rāshidīn* terutamanya Sayyidina ‘Umar r.a. dan juga pandangan-pandangan fukaha.³

¹ *ibid.* h. 228.

² Sahā Salīm Mikdāsy (2007), *op.cit.*, h. 113.

³ Subhi Rajab Maḥmaṣṣāni (2009), *op.cit.*, h. 229.

Justeru, perubahan yang berkaitan dengan aplikasi teknologi SMS dalam persoalan hukum seperti perbankan berasaskan SMS (SMS Banking) dan sebagainya sangat berkait rapat dengan teori *al-Adah Muhakkamah* kerana penggunaan itu telah disepakati dan diterima oleh orang ramai.

2.4.2 LA YUNKAR TAGHAYYUR AL-AḤKĀM BI TAGHAYYUR AL-AZMĀN

Kaedah ini merupakan kaedah yang amat penting ketika membicarakan mengenai perubahan hukum hakam syarak. Ini kerana ianya adalah asas kepada perbincangan teori perubahan hukum yang didasari oleh perubahan zaman, tempat, adat kebiasaan dan sebagainya. Masakan tidak, kesesuaian syarak sebagai agama yang sesuai bagi setiap masa dan ketika tidak akan terserlah jika hukum hakamnya tidak boleh menetapi kehendak pada setiap masa dan ketika. Justeru, hukum hakam yang terbina dalam kerangka *fiqh Islāmī* mestilah bersesuaian dan meraikan segala bentuk masalah kehidupan demi kelangsungan agama Allah itu sendiri.

Di antara sebab perubahan hukum hakam berasaskan ijtihad ialah berubahnya keadaan, persekitaran dan perantaraan (*al-Wasā'il*) kepada keadaan yang lebih moden dan maju. Inilah pendapat yang diutarakan oleh Imam Ibn al-Qayyim, 'Izz bin 'Abdul Salām, al-Qarāfī dan lain-lain.¹ Berbeza dengan hukum-hukum yang disandarkan kepada nusus syarak yang tidak berubah dengan sebab berubahnya keadaan dan tempat, maka hukum-hukum yang berada di dalam konteks adat dan budaya pula akan menerima perubahan hukum, sesuai dengan kehendak semasa pada ketika itu. Ini kerana hukum

¹ Ibn al-Qayyim (1418H), *op.cit.*, j.3, h. 3. Lihat juga 'Ali Ḥaidar (t.t.), *Durar al-Ḥukkām Syarḥ Majallat al-Aḥkām*. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, kaedah no 39, h. 43.

yang disandarkan kepada nusus syarak adalah lebih kuat berbanding dengan hukum yang disandarkan kepada adat dan budaya semata-mata. Contohnya muamalat berdasarkan perkara yang batil dalam sesuatu uruf, ianya tidak akan disahkan oleh syarak dan hukumnya adalah haram.¹ Oleh yang demikian, perubahan yang diterima hanyalah yang berkaitan dengan adat dan budaya sahaja dan bukannya selain daripada faktor ini.

2.4.3 *AL-KITĀB KA AL-KHIṬĀB*

Kaedah ini merupakan asas dalam menjustifikasikan bentuk akad muamalat melalui kaedah moden. Ini kerana, akad yang berlangsung menerusi komunikasi moden ini adalah dianggap setaraf dengan tulisan yang menggambarkan kehendak mereka yang sedang mengurus niaga dan sebagainya.

Apa yang boleh difahami melalui kaedah ini ialah sebarang bentuk penulisan yang jelas dan bertulis daripada pihak yang ghaib adalah seperti keadaannya ketika hadir. Oleh yang demikian, ianya diterima untuk disahkan sebarang bentuk akad yang lahir daripada penulisan tersebut kerana ianya jelas menggambarkan kehendak pihak yang ingin berurusan.² Dalam erti kata yang lain, jika kedua belah pihak dibenarkan untuk berurusan melalui percakapan, mereka juga dibenarkan untuk berbuat demikian melalui penulisan dan hukumnya adalah sama.³

¹ ‘Ali Ḥaidar (t.t.), *ibid.*, h. 43.

² Mustafā Aḥmad al-Zarqā (1989), *Syarḥ al-Qawā'id al-Fiqhiyyah*, j. 1, c. 2. Damsyik: Dar al-Qalam h. 204.

³ Lihat perbincangan lanjut dalam ‘Ali Ḥaidar (t.t.), *op.cit.*, h. 61.

Antara isu penggunaan teknologi SMS yang berkaitan dengan penggunaan kaedah ini ialah berkaitan penerimaan akad nikah oleh wali, cerai atau talak dan sebagainya.

2.4.4 AL-WASĀIL LAHĀ ḤUKMU AL-GHĀYĀT

Wasilah ialah suatu perantaraan kepada sesuatu yang lain. Secara umumnya setiap perkara yang boleh membawa kepada kebaikan atau keburukan adalah dinamakan sebagai wasilah.

Kaedah ini juga penting ketika memberikan jawapan hukum dalam persoalan-persoalan syarak terutamanya dalam urusan muamalat. Adalah menjadi satu ketetapan bahawa hukum ke atas sesuatu perantara (*al-Wasāil*) tidak boleh sama sekali terpisah daripada maksud dan tujuan sesuatu perkara tersebut. Sebagai contoh, jika sesuatu maksud dan tujuan sesuatu perkara itu sememangnya dituntut oleh syarak, maka setiap perantara kepada tujuan tersebut akan dibenarkan seperti membantu orang yang dizalimi. Oleh itu setiap perkara yang boleh membawa kepada terpenuhnya maksud dan tujuannya adalah dibenarkan oleh syarak.¹

Sebaliknya jika perkara perantaraan tersebut tergolong dalam perkara yang ditegah syarak, maka hukumnya adalah mengikut tegahan tersebut. Tinggal lagi jika sesuatu perkara tersebut tidak didapati suruhan atau larangan, maka dalam hal ini, hukumnya adalah berdasarkan tujuannya sama ada baik atau buruk. Yang baik akan

¹ http://www.islamway.com/?iw_s=Fatawa&iw_a=view&fatwa_id=15541, 17 Okt 2008.

dihukumkan sebagai baik dan sebaliknya yang buruk akan dihukum buruk mengikut kesesuaian tujuan dan maksud sesuatu perkara perantaraan tersebut.¹

Isu undian rancangan realiti hiburan sebagai contoh adalah dinilai berasaskan SMS dianggap sebagai *wasīlah* atau perantara kepada matlamat yang dianggap *fāsid*. Justeru penilaiannya adalah dengan melihat objektif akhir yang terkandung sama ada baik atau buruk.

¹ http://www.islamway.com/?iw_s=Fatawa&iw_a=view&fatwa_id=15541. *ibid.*

BAB TIGA :
PENGGUNAAN TEKNOLOGI SMS DALAM MASYARAKAT.

3.1 PENDAHULUAN

Perkembangan kehidupan moden manusia di atas muka bumi ini telah mengalami proses yang cukup kompleks merentasi sejarah ketamadunan manusia itu sendiri. Bermula dengan kewujudan Adam *a.s* sebagai manusia pertama yang diajar kepadanya akan nama-nama perkara di dunia ini secara keseluruhannya.¹

Hal ini secara relatifnya membuktikan adanya ilmu pengetahuan dan juga aplikasi ilmu tersebut yang digelar sebagai teknologi. Melalui teknologi, manusia berupaya membina ketamadunan mereka seperti yang berlaku di Tanah Arab, China, Barat dan sebagainya. Ini dapat dilihat dengan lebih jelas apabila kita meneliti perubahan tamadun di Eropah sebagai satu contoh.

Revolusi saintifik yang mula bertapak pada akhir abad ke-16, yang digelar zaman Pembaharuan (*Renaissance*) terus dimantapkan lagi pada abad ke-17, yang digelar zaman Kebangkitan (*Enlightment*), telah menyebabkan masyarakat di Eropah mula berfikir, bertindak dan melihat diri dan persekitaran mereka dalam pandangan yang sungguh berbeza dari zaman sebelumnya.

Perubahan radikal yang berlaku ini telah mengubah bentuk, budaya dan taraf hidup masyarakat.² Seterusnya, dengan perkembangan sains dan teknologi, kita dapat lihat bagaimana perubahan itu benar-benar berlaku sebagaimana yang disebut melalui

¹ Lihat al-Quran, Surah *al-Baqarah* (2): 31.

² Hairudin Harun (2004), *op.cit.*, hal. 12.

metode Sacouman yang menerangkan keadaan masyarakat akibat daripada peralihan zaman ke satu zaman yang lain.¹

Bertitik tolak daripada perkembangan pesat teknologi terutamanya dalam bidang komunikasi, manusia telah membentuk istilah masyarakat bermaklumat. Hasil daripada pembentukan ini telah mewujudkan pandangan yang positif dan negatif terhadap kehadiran teknologi maklumat dan komunikasi. Bagi yang menerima dan menyokong, mereka akan melihatnya secara positif dan sebaliknya pula bagi yang tidak selesa dengan kehadirannya.

Walau apa pun pandangan masyarakat secara umumnya mengenai teknologi maklumat, teori-teori pembentukan masyarakat bermaklumat ini penting sebagai panduan demi menempuh dan mendepani alaf baru terutamanya dalam hal yang berkaitan dengan hukum hakam.²

3.2 DEFINISI, SEJARAH DAN KONSEP TEKNOLOGI KOMUNIKASI MUDAH ALIH MODEN

3.2.1 DEFINISI TEKNOLOGI

Teknologi boleh diistilahkan sebagai terjemahan pengetahuan saintifik ke dalam

¹ Sacouman, (in press). *Social Theory for a Change: Vital Issues in the Classics*. Dalam hal ini, Sacouman telah membangunkan satu metod untuk menerangkan secara mudah serta membuat perbandingan diantara teori-teori sosial, yang mana metod ini berfungsi dengan mengkaji nilai pendirian sesuatu teori melalui tiga persoalan berikut : (1) Apakah pandangan umum mengenai teori terhadap potensi manusia, positif atau negatif?; (2) Apakah pandangan umum mengenai teori terhadap organisasi sosial masyarakat, positif atau negatif?; dan (3) Apakah pandangan umum mengenai teori terhadap kemungkinan berlakunya perubahan sosial yang radikal?; positif atau negatif? Lihat perbincangan lanjut dalam Norhayati Abd Mukti (2000), "*Revolusi Teknologi Maklumat*". PEMIKIR, Jan-Mac 2000, Kuala Lumpur: Utusan Melayu (Malaysia) Sdn Bhd dengan kerjasama ISIS dan Jurnal Foreign Affair, h. 2.

² *Ibid.* h. 13.

aplikasi harian yang praktikal serta membawa manfaat kepada manusia.¹ Kita sering menggunakan frasa “sains dan teknologi” secara bersama dan mendahulukan sains daripada teknologi. Malah hasil penciptaan teknologi kadang-kala diklasifikasikan sebagai sains gunaan² atau daripada penggunaan pengetahuan yang bersifat umum kepada sains perusahaan.³

Bagi Gendron, teknologi lebih spesifik maksudnya ialah setiap ilmu pengetahuan yang dipraktikkan secara sistematik dan berasaskan eksperimen atau teori saintifik, seterusnya dimanifestasikan dan diadaptasikan sebagai ilmu dan budaya kerja bagi sesebuah organisasi untuk menghasilkan sesuatu keluaran berbentuk barangan atau perkhidmatan⁴.

Dapat disimpulkan di sini, teknologi merupakan aplikasi pengetahuan saintifik ke dalam kegiatan harian yang praktikal dan memberi manfaat kepada manusia sejagat. Malah boleh dikatakan bahawa teknologi berfungsi dan berperanan utama dalam memudahkan kerja yang dilakukan oleh manusia⁵.

Pengertian teknologi mula mengalami reformasi dan revolusi dalam aplikasi penggunaannya yang lebih cenderung kepada sains gunaan. Dalam abad ke- 21, teknologi mengalami perubahan secara keseluruhannya sebagai satu bidang yang berasaskan pengetahuan sains. Ini disebabkan perkembangan teknologi hampir sepenuhnya bergantung kepada perkembangan pengetahuan dan penyelidikan sains.⁶

¹ Galbraith, J. K. (1978), *The New Industrial State*. England: Pelican, h. 31.

² Sulaiman Noordin (1992), *Sains, Falsafah Dan Islam*. Bangi: UKM, h. 86.

³ H. W. Fowler dan P. G. Fowler (eds.)(1964), *The Concise Oxford Dictionary*. Oxford: Clarendon Press, h. 1330.

⁴ Bernard Gendron (1977) *Technology And The Human Condition*. New York: St. Martin Press, h. 8.

⁵ Schumacher, E. F. (1974), *op.cit.*, h. 144.

⁶ Siow Heng Loke, (2002), *Dasar-dasar Penting Bagi Pembangunan Pendidikan Sains Ke Arah Pembinaan Negara Maju*, dlm. Sufean Hussin (eds.), *Dasar Pendidikan Progresif Perspektif Makro Dan Mikro*. Kuala Lumpur: Utusan Publications, hlm. 66.

3.2.2 SEJARAH TEKNOLOGI

Dalam konteks sosiologi, teknologi melambangkan tahap ilmu sains yang ada pada sesebuah generasi yang mewakili zamannya. Sejak dari zaman purba hingga ke zaman moden, setiap generasi memiliki teknologinya yang tersendiri. Pencapaian teknologi dari satu generasi ke generasi lain berbeza seiring dengan penemuan terbaru dan juga peningkatan ilmu sains yang telah dicapai.¹

Secara umumnya, sejarah perkembangan teknologi dibahagikan kepada tiga zaman atau fasa iaitu zaman pra-evolusi teknologi, zaman revolusi teknologi pertama dan zaman revolusi teknologi kedua.²

Bermula dengan idea memecahkan buah atau benda yang keras menggunakan bongkah batu kepada bentuk batu yang lebih kecil dan tajam yang digunakan untuk menghiris atau memotong daging, tumbuhan dan sebagainya. Percikan api daripada ketukan dua batu berubah ideanya menjadi bahan bakar memasak. Demikianlah secara ringkas bentuk teknologi zaman pertama.

Seterusnya pada zaman revolusi teknologi pertama, beberapa bentuk tenaga diubah kepada bentuk yang lain hasil kreativiti dan kecerdikan manusia. Terhasilah pula satu sistem atau sekumpulan perkakas yang boleh dijadikan satu gabungan yang mampu bertindak sebagai peralatan atau komponen yang lebih bermanfaat seperti mesin, jentera dan sebagainya. Penciptaan telefon sebagai contoh menjadikan komunikasi lebih berkesan dapat dilakukan.

Penciptaan dan penemuan berterusan menjadi semakin canggih, dan

¹ Hairudin Harun (2004), *op.cit.*, h. 12.

² Ahmad Baharuddin Abdullah (2004), *Memperkenalkan Bidang Kejuruteraan : Persepsi dan Sumbangan Islam*. Bentong: PTS Publications & Distributors Sdn.Bhd, h. 73.

perhubungan dengan manusia pula semakin berkurangan. Seterusnya aplikasi yang lebih sempurna, mesin-mesin atau sistem-sistem ini bergabung bagi menghasilkan sistem yang lebih kompleks seperti yang disaksikan pada abad ini.¹ Komputer, kejuruteraan robotik, alatan penerokaan ruang angkasa dan sebagainya adalah diantara beberapa contoh kepada perkembangan zaman revolusi teknologi kedua ini.

3.2.3 KONSEP TEKNOLOGI KOMUNIKASI MUDAH ALIH MODEN

Perkembangan teknologi sentiasa berubah dari satu tempoh ke tempoh lain dan mengalami revolusi besar khususnya ketika permulaan kurun ke-20. Salah satu bidang utama yang mendapat perhatian utama ialah telekomunikasi. Ia menjadi wadah paling berkesan dalam menyebarkan serta berkongsi maklumat menurut konteks media massa. Apabila gagasan ICT (Information Communication Technology) atau Teknologi Komunikasi Maklumat diperkenalkan, infrastruktur yang dimonopoli oleh satu pihak kini dimanfaatkan sebagai satu wadah bercirikan masyarakat global.²

Infrastruktur ICT moden menggabungkan beberapa kemudahan, antaranya ialah sistem komunikasi seperti telefon mudah alih, komputer, TV satelit dengan kemudahan internet, satelit dan aplikasi wayarless (tanpa sambungan wayar) berasaskan teknologi digital. Gelombang sebenar telekomunikasi ini bermula apabila pertubuhan World Wide Web atau teknologi domain www diasaskan pada tahun 1989. Dengan adanya pertubuhan ini, sistem komunikasi semasa berubah menjadi sebuah perkampungan global yang menghubungkan komuniti di segenap pelusuk dunia dan mencetuskan era

¹ Ahmad Baharuddin Abdullah (2004), *ibid*, h. 77.

² Lim Kim Hui dan Har Wai Mun (2007), *Globalisasi, Media dan Budaya : Antara Hegemoni Barat dengan Kebangkitan Asia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 388.

komuniti bermaklumat menerusi internet.¹

Menurut Lim Kim Hui dan Har Wai Mun, zaman internet memperlihatkan penglibatan medium internet dalam pelbagai aspek kehidupan manusia global. Perkembangan pengaplikasian teknologi internet pada abad ke-20 menjangkau kehairahan terhadap e-niaga, kemudahan jalur lebar, khidmat pesanan ringkas (SMS), perkhidmatan pesanan multimedia (MMS), protokol aplikasi wayarless (WAP) dan teknologi telefon protokol internet (IPT).²

Bidang telekomunikasi turut menerima perubahan adaptif daripada revolusi teknologi semasa. Kini, dalam arus kemodenan serba canggih, kemuncaknya menjadi lebih signifikan menerusi perisian dan peralatan bersifat mudah alih (mobile). Proses ini terlebih dahulu disumbangkan melalui penciptaan telefon pada tahun 1876 oleh Alexander Graham Bell.³ Secara khususnya pula ialah proses transmisi gelombang suara menerusi kabel. Bidang ini seterusnya semakin berkembang apabila sistem digital mula diperkenalkan dan diikuti kemunculan teknologi jarak jauh seperti perkhidmatan tanpa wayar, WiFi, perisian dan *hardware* mudah alih yang tergolong dalam konsep *mobility* yang membentuk perubahan sosio-budaya serta corak urusan kehidupan manusia moden.⁴

Gelombang digital ini membawa sumbangan besar ke atas bidang telekomunikasi terutamanya dalam menyediakan kemudahan bagi teknologi telefon bimbit yang muncul

¹ Lim Kim Hui dan Har Wai Mun (2007), *ibid.* h. 390.

² *Ibid.* Bandingkan juga apa yang disebut oleh Muhd Rosydi dan Marjan dalam *Using Information And Communication Technology (Ict) To Disseminate The Understanding Of Islamic Jurisprudence (Fiqh) And Juridical Opinion (Fatwa): A View Of A Technologist*. Rujuk http://kict.iiu.edu.my/rosydi/article_jea/techno_daei.pdf. 14 April 2008.

³ http://en.wikipedia.org/wiki/Alexander_Graham_Bell dan <http://www.cclab.com/billhist.htm> 12 Disember 2008.

⁴ Jenkins, Elwyn (1999), *The Third revolution of the digital age*, <http://radio.weblogs.com/0111745/stories/2002/08/12/theThirdRevolutionOfTheDigitalAge.html> 12 Disember 2008.

dengan pelbagai inovasi baru. Peralihan generasi era analog kepada digital dalam dunia mudah alih diwakili oleh jenis dan kumpulan generasinya masing-masing.¹ Dari situ, era baru sistem telekomunikasi bermula ke tahap baru dalam sejarah sekaligus merencanakan perkembangan inovasi dari segi peralatan telekomunikasi dan infrastrukturnya.²

Selanjutnya, inovasi teknologi telefon mudah alih disinergikan pula dengan teknologi komputer dan internet. Skop ICT semakin membesar menerusi gabungan ketiga-tiga elemen ini. Kini, dunia bergerak ke arah *mobility* dimana hampir semua peralatan dibina dengan falsafah mudah alih seperti komputer riba, telefon, alat bantu peribadi (*Personal Device Assistant*) dan sebagainya.

3.3 DEFINISI SMS, SEJARAH DAN PENGGUNAANNYA

SMS merupakan perkhidmatan yang membolehkan penghantaran atau penerimaan mesej alfanumerik dari telefon bimbit, alamat e-mel atau menerusi laluan mesej SMS awam atau swasta pada internet.³ Sistem SMS (Short Messaging System) atau Sistem Pesanan Ringkas adalah manifestasi rangkaian teknologi telekomunikasi generasi ke-2 (2G) berasaskan standard GSM (Global System for Mobile Communication). Teknologi 2G merujuk kepada teknologi digital yang diperkenalkan dengan sistem 2G ini pada dekad 1990-an. Ia memanfaatkan konsep *cellular* dalam jaringan GSM ini.⁴

¹ Lihat perkembangan generasi 1G, 2G, 3G dan sekarang 4G dengan lebih lanjut dalam Gwenaël Le Bodic (2005), *Mobile Messaging Technologies and Services : SMS, EMS and MMS*. New York: John Wiley & Sons Inc, h. 20 dan seterusnya.

² *Ibid*, h. 2.

³ Lim Kim Hui, Har Wai Mun (2007), *op.cit.*, h. 431. Lihat juga Ardit Llazani (2003), “An SMS Client for Mobile Banking”, (Disertasi M.Sc, Fakulti Sains Komputer & Teknologi Maklumat, Universiti Malaya), h. 16.

⁴ Gwenaël Le Bodic (2005), *op.cit.*, h. 3.

Mesej pendek yang pertama sekali dihantar pada bulan Disember 1992 menerusi pertukaran saluran dalam rangkaian GSM Eropah. Percubaan dilakukan dengan menghantar mesej pendek dari komputer peribadi ke telefon rangkaian Vodafone di United Kingdom. Sejak kejayaan percubaan ini, fenomena SMS melanda seluruh dunia hingga memacu pertumbuhan inovasi kepada bentuk EMS, MMS dan sebagainya.¹ Mesej pendek ini boleh disampaikan dalam huruf Latin dan bukan Latin seperti tulisan Arab atau Cina. Kemudahan ini membolehkan wujudnya talian menghubungkan jaringan berlainan semasa penghantaran mesej berlaku.

Kategori bentuk asal penggunaan SMS dalam telekomunikasi berbentuk *peer to peer messaging* atau pertukaran mesej antara individu ke individu lain. Pertukaran teks mesej antara individu ke individu lain, sembang (*chat*) serta perkhidmatan tatacara elektronik merupakan revolusi SMS dalam kehidupan. Kemudahan yang dibangunkan untuk pengguna ini seterusnya diluaskan dengan perkhidmatan maklumat, mesej bersuara, pemberitahuan faks, peringatan emel internet, khidmat muat turun, aplikasi bual (*chat applications*) dan khidmat mesej pintar (*smart messaging*).

Kategori kedua pula, penggunaannya dalam konteks korporat. Kemudahan yang disediakan ialah Pengesanan Kedudukan Kenderaan (*Vehicle Positioning*) yang lebih dikenali sebagai GPS (*Global Positioning System*). Sistem ini terdapat dalam telefon mudah alih yang menganalisa isyarat yang dipancarkan daripada beberapa buah satelit berupaya menghantar data mengikut koordinat geografi menerusi SMS. Teknologi ini banyak digunakan dalam bidang kepolisan khususnya untuk mengesan kecurian kenderaan.² Fungsi SMS mempengaruhi hampir segenap bidang kehidupan sehingga

¹ *Ibid.*

² Gwenael Le Bodic (2005), *op.cit.*, h. 50 .

urusniaga yang merangkumi khidmat SMS seperti perbankan, sistem *m-learning* (pendidikan *mobile*), hiburan, pengurusan *mobile-office* dan dunia internet.

3.4 PERKEMBANGAN DAN KESAN TEKNOLOGI SMS DALAM MASYARAKAT

Komunikasi merupakan salah satu elemen yang melibatkan perubahan nilai dalam sesuatu masyarakat. Faktor pengubah luaran boleh jadi mempengaruhi nilai terhadap budaya tertentu.

Sistem kepercayaan, bahasa dan struktur kehidupan bermasyarakat bertindakbalas terhadap elemen pengubah ini. Menurut Mokhtar Muhamad, perubahan budaya dalam sebuah masyarakat adalah suatu proses yang melibatkan beberapa variabel yang mempengaruhi proses perubahan budaya, antaranya pola pemikiran, sikap, bahasa dan gagasan masa sama ada melibatkan penggunaan teknologi atau tidak.¹

Perubahan mendadak terutamanya membabitkan masyarakat moden dapat dirasai apabila infrastruktur teknologi tinggi mengambil alih norma-norma asal daripada aliran tradisi. Pergantungan terhadap infrastruktur tersebut menjadikan persepsi masyarakat terhadap teknologi berubah. Aliran globalisasi yang melanda menerima respon pelbagai, sama ada positif mahupun negatif.

Produk-produk ICT seperti internet, sembang komunikasi maya, sistem pengurusan elektronik dan teknologi mudah alih yang semakin melebar adalah produk globalisasi. Kecanggihan inovasi teknologi semasa memberi kesan terhadap perilaku,

¹ Muhammad Mokhtar (2004), *Komunikasi dan Perubahan*. Shah Alam: UPENA Universiti Teknologi Mara, h. 43.

corak sosial dan budaya masyarakat setempat. Skop penggunaan SMS contohnya, mencetuskan lembaran baru dengan idea konsep memudahkan dalam pelbagai bidang. Salah satu kesan positif penggunaan teknologi SMS ke atas masyarakat ialah bagaimana ia digunakan untuk membantu golongan pekak. Mengambil contoh satu kajian yang dibuat di Australia membuktikan SMS memudahkan perhubungan antara golongan pekak dan lebih disukai oleh mereka berbanding menggunakan bahasa isyarat dengan kaedah bersemuka.¹

3.5 APLIKASI TEKNOLOGI SMS DALAM MASYARAKAT

3.5.1 APLIKASI ASAS SMS

Pembinaan teknologi perisian SMS menyediakan kemudahan menghantar pesanan ringkas dalam kalangan pengguna. Perisian ini selalunya memadai untuk menerima aplikasi-aplikasi tertentu meneruskannya.² Aplikasi-aplikasi ini menjadikan penggunaan SMS bukan sekadar bertujuan untuk berkomunikasi semata-mata. Sebaliknya SMS juga digunakan dalam bentuk perantaraan yang lain seperti :

1. Mesej umum meliputi :
 - ◆ Pemberitahuan penerimaan email dan faks
 - ◆ Penghantaran email dan faks
 - ◆ Penyusunan mesej
 - ◆ Sistem kelui (*paging system*)

¹ <http://socrates.berkeley.edu/~nalini/mobile.html> 20 Okt 2008.

² Lihat perbincangan lanjut dalam Ardit Llazani (2003), *op.cit.*, h. 56.

2. Perkhidmatan informasi umum meliputi :
 - ◆ Makluman pergerakan saham dan nilai matawang
 - ◆ Jadual penerbangan, keretapi dan hiburan
 - ◆ Berita, makluman kajicuaca, sukan dan berita mutakhir
 - ◆ Jenaka
 - ◆ Pengiklanan
 - ◆ Servis maklumat peribadi
3. Perbankan mudah alih yang meliputi :
 - ◆ Pembayaran bil, menyemak baki akaun dan lain-lain
 - ◆ Pengawasan jarak jauh
 - ◆ Perdagangan mudah alih
 - ◆ Pengesahan transaksi kad debit/kredit.
 - ◆ Mesin pembekal dan lain-lain.

3.5.2 PERKHIDMATAN SMS DI MALAYSIA

Aplikasi SMS yang terdapat di Malaysia antara lainnya merangkumi :

- ❖ Perhubungan individu ke individu lain.
- ❖ Muat turun logo, nada dering, lagu, penghantaran gambar, ikon kumpulan (*push & pull*).
- ❖ Mendapatkan maklumat restoran, hotel, panggung wayang, acara-acara, sukan dan sebagainya.
- ❖ Maklumat saman

- ❖ Pertukaran matawang
- ❖ Perkhidmatan operator (tambah nilai kredit, semakan baki kredit dan sebagainya).
- ❖ Mendapatkan notis daripada pembekal (pemberitahuan gangguan liputan dan lain-lain).
- ❖ Hiburan, lawak jenaka, pertandingan, permainan

Perkhidmatan yang ditawarkan ini semakin bertambah saban masa. Ini dipengaruhi oleh faktor peningkatan pada kadar penggunaan pelanggan dan kadar penembusan terhadap aplikasi yang ditawarkan.¹ Selain itu, pengaruh aplikasi WAP juga tidak boleh dikesampingkan. Perkembangan pesat teknologi merancakkan lagi penggunaan SMS ini. Peralihan daripada sistem berasaskan 3G kepada 4G yang memberikan lebih kemudahan kepada teknologi komunikasi ini memberi peluang kepada masyarakat untuk lebih memanfaatkan penggunaan dan aplikasinya yang pelbagai.²

¹ Ardit Llazani (2003), *ibid.*, h. 22-23.

² *ibid.*

BAB 4 :
PENGGUNAAN TEKNOLOGI SMS DAN IMPLIKASINYA TERHADAP
PERUBAHAN HUKUM SEMASA.

4.1 PERSPEKTIF ISLAM TERHADAP PENGGUNAAN TEKNOLOGI SEMASA

Islam merupakan agama yang sentiasa memberi ruang kepada segala bentuk perubahan yang berlaku dengan cara perlenturan hukum hakam yang bersifat anjal dan fleksibel. Berasaskan ruang inilah maka kita dapati bahawa perkembangan pesat kehidupan manusia yang didasari kepada perkembangan sains dan teknologi sebenarnya turut diraikan oleh agama. Islam tidak pernah menolak sebarang kemunduran malah sentiasa menggalakkan umat mencari kecemerlangan hidup melalui ilmu dan pengetahuan. Bukti yang menyokong kenyataan ini adalah berdasarkan sejarah Islam yang panjang bermula semenjak zaman Rasulullah S.A.W. lagi sehinggalah hari ini.

Penerimaan terhadap teknologi pertanian, ketenteraan, pembinaan adalah antara bukti yang nyata dan jelas berkenaan hal ini. Malah jika diteliti al-Quran sendiri, kita akan dapati bahawa anjuran kepada penggunaan teknologi sebagai satu medium yang berinteraksi dengan kehidupan turut tercatat. Secara umumnya adalah seperti anjuran untuk umat Islam bergiat menggunakan segala ciptaan Allah S.W.T. untuk kegunaan mereka di dalam kehidupan seharian sebagaimana firman Allah S.W.T. :

﴿ أَلَمْ تَرَوْا أَنَّ اللَّهَ سَخَّرَ لَكُمْ مَّا فِي السَّمَوَاتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ وَأَسْبَغَ عَلَيْكُمْ نِعْمَهُ ظَهْرَهُ وَبَاطِنَهُ وَمِنَ النَّاسِ مَن يُجَادِلُ فِي اللَّهِ بِغَيْرِ عِلْمٍ وَلَا هُدًى وَلَا كِتَابٍ مُّنِيرٍ ﴿٢٠﴾ ﴾

Maksudnya: Tidakkah kamu memperhatikan bahawa Allah telah memudahkan untuk kegunaan kamu apa yang ada di langit dan yang ada di bumi, dan telah melimpahkan kepada kamu nikmat-nikmatNya yang zahir dan yang batin? Dalam pada itu, ada di antara manusia yang membantah mengenai (sifat-sifat) Allah dengan tidak berdasarkan sebarang pengetahuan atau petunjuk; dan tidak juga berdasarkan mana-mana Kitab Allah yang menerangi kebenaran.

Surah Luqmān (31): 20.

Antara yang khususnya seperti yang diungkapkan dalam surah *al-Anfāl* mengenai keperluan menyediakan kelengkapan ketenteraan jika diserang musuh. Firman Allah S.W.T. ;

﴿ وَأَعِدُّوا لَهُمْ مَّا اسْتَطَعْتُمْ مِّن قُوَّةٍ وَمِن رِّبَاطِ الْخَيْلِ تُرْهَبُونَ بِهِ ۚ عَدُوَّ اللَّهِ وَعَدُوَّكُمْ ... ﴾

“Maksudnya: Dan sediakanlah untuk menentang mereka (musuh yang menceroboh) segala jenis kekuatan yang dapat kamu sediakan dan dari pasukan-pasukan berkuda yang lengkap sedia, untuk menggerunkan dengan persediaan itu musuh Allah dan musuh kamu...”

Surah *al-Anfāl* (8): 60.

Berdasarkan ayat ini amat jelas saranan dan anjuran penyediaan dan penggunaan peralatan ketenteraan yang sudah pastinya bersifat moden dan semasa bersesuaian dengan perkembangan setiap zaman dan tempat.¹ Selain itu, di dalam praktik Nabi S.A.W. sendiri, kita dapati baginda S.A.W. turut sama menggunakan idea berasaskan

¹ ‘Abd al-Rahmān b. Nāsir al-Sa’diy (2000), *Taysir al-Karīm al-Rahmān fi Tafsir al-Qur’ān*. Beirut: Muassasah al-Risālah, h. 324-325.

sains dan teknologi antaranya pendebungaan buah tamar,¹ teknologi pembinaan parit ketika perang *Khandaq* ² dan seumpamanya. Ini hanyalah beberapa contoh bahawa Islam sebenarnya meraikan perkara-perkara moden demi kesejahteraan hidup umatnya dalam ruang lingkup syariah dan hukum Islam itu sendiri.

4.2 KESAN PENGGUNAAN TEKNOLOGI KOMUNIKASI MENERUSI SMS TERHADAP PERUBAHAN HUKUM SEMASA

Perubahan pesat industri telekomunikasi atau lebih khusus lagi dalam perhubungan melalui telefon bimbit yang termasuk di dalamnya perkhidmatan SMS , MMS, GPRS dan sebagainya telah membuktikan bahawa ianya telah mencetuskan budaya baru dalam kehidupan masyarakat. Walau bagaimanapun, perubahan ini datang serentak bersama segala bentuk kebaikan dan keburukan yang terdapat melalui medium ini.

Menyentuh mengenai elemen baik dan buruk, suatu gambaran yang terpapar ialah nilai syarak kepadanya. Ini kerana syarak dalam menentukan hukum hakam, akan mengambil kira perkara baik dan buruk. Ini jelas melalui kaedah *Jalb al-Maṣāliḥ wa Daf'u al-Maḍār* iaitu mendatangkan kebaikan dan menolak keburukan.

Pun begitu, dengan mengambil kira syariat yang meraikan faktor uruf dan budaya dalam memberikan jawapan hukum, terutamanya yang bersifat kontemporari, maka sudah tentu budaya SMS ini turut sama perlu dilihat dalam perkara-perkara yang

¹ Ibn Mājah (t.t.), *op.cit.*, j. 2, h. 825.

² Ibn Qayyim al-Jawziyyah (1985) *Zād al-Ma'ād fi Hadyi Khayr al-'Ibād*. j.3. Beirut: Muassasah al-Risālah , h. 240.

menyentuh keperluan hukum hakam syariat. Ini bermaksud bahawa melalui medium SMS ini ada beberapa perkara yang berkaitan dengan perbuatan mukallaf yang akan dibincangkan. Antaranya penggunaan SMS dalam isu ibadah, munakahat dan muamalat.

Isu pembayaran zakat, menderma, akad nikah, penceraian, jual beli, undian rancangan realiti dan perbankan melalui medium SMS adalah antara persoalan yang melibatkan penggunaan teknologi komunikasi ini yang sudah tentu akan dinilai oleh syarak ketika memberikan jawapan hukum. Termasuk dalam kategori fiqh semasa, kesemua bentuk perbuatan ini akan dijustifikasikan melalui kaedah-kaedah yang terdapat dalam perbahasan Usul Fiqh.

Khilaf dalam fiqh yang dibina hasil daripada perbahasan fukaha adalah bertujuan untuk menjelaskan hukum yang paling sesuai bagi situasi yang tidak terdapat *nuṣūṣ* syarak padanya. Dalam konteks perubahan hukum disebabkan penggunaan teknologi komunikasi menerusi SMS ini, ianya tidak terdapat dalam hukum yang terdahulu, namun melalui perbahasan ulama, hukum kepada permasalahan ini dapat dihuraikan. Dengan metodologi qiyas contohnya, hukum menceraikan seseorang isteri melalui SMS diumpamakan dengan penceraian melalui *kitābah* (penulisan).

Kesannya seperti yang dimaklumi adalah jelas bahawa budaya ini perlu diambil kira dalam asas pembinaan hukum sekalipun ianya tidak termasuk dalam kategori dalil syarak yang dibincangkan oleh ulama Usul Fiqh ketika memberi jawapan hukum.

4.2.1 ADAT MANUSIA DAN KEPENGGUNAAN SMS

Masyarakat adalah satu kelompok manusia yang mempunyai gaya hidup, norma, nilai, budaya dan sistem komunikasi serta struktur tertentu.¹ Setiap anggotanya mempunyai peranan serta fungsi masing-masing demi meneruskan kewujudan kelompok masyarakat tersebut. Ciri-ciri ini berbeza daripada satu kelompok masyarakat dengan kelompok masyarakat yang lain seperti apa yang ada pada masyarakat pertanian, masyarakat perindustrian dan masyarakat bermaklumat. Setiap kelompok masyarakat ini mempunyai gaya hidupnya yang tersendiri melalui interaksi mereka dengan persekitaran hidup. Sebagai contoh, interaksi mereka dengan teknologi maklumat. Perkaitan di antara ICT (*Information and Communication Technology*) ini dengan masyarakat telah diterangkan oleh Rogers yang telah membuat perbandingan diantara masyarakat pertanian, masyarakat perindustrian, dengan masyarakat bermaklumat.²

Hasilnya dapatlah dirumuskan bahawa masyarakat petani banyak menggunakan media cetak, manakala masyarakat perindustrian pula terdedah kepada media elektronik seperti radio dan televisyen. Kedua-dua kelompok ini menggunakan media massa sehalu. Bagi masyarakat bermaklumat pula, mereka banyak menggunakan media interaktif yang bentuknya memisahkan khalayak kepada kelompok yang lebih kecil. Perkaitan ICT dengan masyarakat ini memang penting kerana tanpa masyarakat, ICT tidak akan mempunyai khalayak. Memang diakui bahawa ICT dapat mempengaruhi

¹ Musa Abu Hassan (2002), *Peranan dan Penggunaan ICT di Kalangan Masyarakat*. Serdang: Universiti Putra Malaysia. h. 8.

² Rogers E. M, (1991), *Teknologi Komunikasi: Media Baru dalam Masyarakat*. Zulkarnain Mohd. Mess (terj.), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. h. 12.

masyarakat. Media komunikasi pula menjadi agen sosialisasi kerana mempunyai pengaruh yang amat kuat.

Ketika diperkenalkan kepada masyarakat dunia sekitar tahun 90-an, teknologi SMS tidak lebih daripada satu bentuk perkhidmatan untuk memikat pengguna telefon bergerak. Kini penggunaan Khidmat Pesanan Ringkas (SMS) atau mesej teks telah menular dengan meluas sehingga ada yang menggelarkannya raja dalam dunia telefon bergerak.¹

Di Malaysia, industri telekomunikasi yang termasuk di dalamnya perkhidmatan SMS adalah dikawal oleh Suruhanjaya Komunikasi & Multimedia Malaysia (SKMM @MCMC). Hasil kepesatan perkembangan teknologi ini menjadikan hampir tiada manusia lagi yang tidak menggunakannya. Sebagai contoh, di Malaysia, kadar penembusan telefon bagi setiap penduduknya berada pada tahap yang agak tinggi. Ini bermakna, secara tidak langsung kepenggunaan SMS turut meningkat.

Jadual 4.1: Kadar Penembusan Telefon Selular Per 100 Penduduk Mengikut Negeri

Negeri	2006	2007
Johor	70.0	71.4
Kedah	60.2	58.8
Kelantan	51.5	46.1
Melaka	87.6	85.5
Negeri Sembilan	75.6	73.0
Pahang	56.6	59.0
Pulau Pinang	72.6	73.1
Perak	57.1	57.5
Perlis	70.6	58.2
Selangor (Termasuk W.P.Putrajaya)	76.3	76.1
Terengganu	62.4	59.2
Sabah (Termasuk W.P. Labuan)	36.5	39.6

¹ Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (2007) *Industry Report 2007 : Trends and Markets in Malaysian Mobile Service*. Cyberjaya: SKMM, h. 10.

Jadual 4.1: Sambungan

Sarawak	51.5	43.3
W.P. Kuala Lumpur	93.1	91.4
MALAYSIA	72.3	85.1

Sumber: Statistical Brief Number Six: Hand Phone User Survey 2007, SKMM.

Jadual di atas menunjukkan terdapat 85.1% atau 23.3 juta pengguna telefon bimbit daripada jumlah keseluruhan penduduk di Malaysia. Jumlah ini telah meningkat daripada tahun sebelumnya iaitu pada 2006 sebanyak 12.8%.

Suatu perkara yang menarik ialah disebalik kepelbagaian teknologi telekomunikasi yang boleh digunakan menerusi telefon bimbit, rata-rata rakyat negara ini lebih memilih untuk menggunakan sistem SMS. Senario ini menjadikan telefon bimbit seolah-olah suatu keperluan asas dalam kalangan rakyat Malaysia.

Jadual 4.2: Jumlah Penghantaran Perkhidmatan Pesanan Pendek (SMS)

Tahun	Jumlah (juta)	Per Langganan
2006	33,350.6	1,713
2007	56,888.5	2,590

Sumber: Buletin Q3 2008 Komunikasi & Multimedia: Fakta & Angka Terpilih, SKMM.

Jadual di atas pula menunjukkan jumlah SMS yang dihantar oleh penduduk Malaysia sepanjang tahun 2006 sebanyak 33 billion dan diikuti pada 2007 sebanyak 56 billion. Jumlah SMS ini menunjukkan peningkatan yang agak ketara iaitu pertambahan 23 billion dengan seorang pengguna dianggarkan menghantar sebanyak 1713 SMS pada 2006 dan meningkat kepada 2590 pada tahun 2007. Pertambahan ini dijangka akan terus meningkat selari dengan peningkatan tahap sosio-ekonomi masyarakat dan trend pengguna yang terus meningkat dari masa ke semasa.

4.2.2 KECENDERUNGAN PENGGUNAAN SMS DALAM PERSOALAN HUKUM

Secara sedar atau tidak, penggunaan SMS sememangnya berkait rapat dengan pembentukan pelbagai hukum hakam syarak. Meningkatnya penggunaan SMS dikalangan pengguna secara tidak langsung menjadikan isu yang berkaitan dengan hukum hakam turut sama mengisi ruang yang wujud di celah penggunaan medium ini.

Sebagai contoh, dalam urusan ibadat *al-māliyyah* seperti zakat. Didapati wujudnya kecenderungan orang ramai untuk menggunakan perkhidmatan yang boleh membawa kepada kemudahan dalam urusan seharian mereka. Antara kemudahan yang ditawarkan ialah perkhidmatan pembayaran zakat melalui SMS. Dengan kemajuan teknologi, orang ramai mula beralih arah kepada penerimaan medium ini dalam urusan mereka. Hasilnya, kaedah pembayaran zakat yang secara tradisionalnya dahulu melalui pertemuan fizikal antara pembayar dan amil telah mula digantikan dengan satu kaedah baru iaitu pembayaran melalui SMS. Di Terengganu, apabila perkhidmatan pembayaran zakat mula diperkenalkan pada 2006, didapati bahawa adanya peningkatan terhadap mereka yang membayar zakat fitrah menggunakan medium ini.¹

Selain pembayaran zakat, peningkatan juga turut dilihat pada penggunaan SMS untuk menderma wang. Contohnya, peningkatan derma melalui SMS dalam rancangan “Bersamamu TV3” dilihat amat ketara setelah perkhidmatan ini ditawarkan.²

¹ Nazli Amirri b. Ngah, Penolong Setiausaha Bahagian Kutipan Zakat MAIDAM. Temu bual melalui perbualan telefon di pejabatnya pada 8 Mei 2008.

² Adlena Oi, Pengurus Alt Media Sdn.Bhd. (syarikat yang bertanggungjawab membekalkan aplikasi SMS bagi program Bersamamu TV3). Temu bual melalui perbualan telefon di pejabatnya pada 21 Julai 2008. Walaubagaimanapun, penulis tidak dibenarkan untuk memaparkan data berkenaan jumlah sebenar SMS yang dihantar kepada program ini.

Begitu juga penerimaan orang ramai terhadap kemudahan teknologi dan penggunaannya seperti SMS dalam isu yang berkaitan dengan penceraian. Didapati bahawa dengan meningkatnya kadar penceraian dikalangan masyarakat Islam, turut meningkat sama ialah penceraian melalui SMS. Hal ini terbukti jika merujuk kepada perangkaan kes penceraian melalui SMS di Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Pahang.

Jadual 4.3: Jadual Kes Penceraian Melalui SMS Mengikut Daerah di Pahang

Nama Mahkamah	Bilangan Kes	
	2008	2009
Mahkamah Rayuan Syariah	-	-
Mahkamah Tinggi Syariah Kuantan	-	-
Mahkamah Tinggi Syariah Bentong	-	-
Mahkamah Rendah Syariah Bentong	7	3
Mahkamah Rendah Syariah Cameron Highlands	0	0
Mahkamah Rendah Syariah Chenor	2	3
Mahkamah Rendah Syariah Jerantut	3	4
Mahkamah Rendah Syariah Kuantan	17	25
Mahkamah Rendah Syariah Lipis	-	-
Mahkamah Rendah Syariah Maran	4	5
Mahkamah Rendah Syariah Muadzam Shah	2	0
Mahkamah Rendah Syariah Pekan	6	5
Mahkamah Rendah Syariah Raub	1	2
Mahkamah Rendah Syariah Rompin	7	6
Mahkamah Rendah Syariah Temerloh	9	14
Jumlah Keseluruhan	48	59

Sumber: Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Pahang.

Meningkatnya jumlah penceraian melalui SMS di Pahang menunjukkan kesan tahap sosio ekonomi, perubahan sikap, serta faktor-faktor lain yang menyumbang kepada runtuhnya institusi perkahwinan secara tidak langsung turut mengheret isu perubahan budaya disebabkan perubahan dunia moden yang semakin mencabar.¹

¹ Ini diakui oleh Yang Arif Tuan Muhammad Azhari b. Abd Rahman, Ketua Pendaftar Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Pahang. Temu bual dengan beliau di kamarnya pada 14.7.2008.

Begitu juga halnya dalam urusan muamalat. Mengambil contoh nilai keuntungan hasil daripada aktiviti-aktiviti SMS ini sama ada dalam perniagaan dan sebagainya, jelas kepada kita bahawa kecenderungan terhadap penggunaan medium ini ditentukan oleh penerimaan yang meluas daripada pengguna yang sekaligus melibatkan persoalan hukum.

Persoalan penghantaran SMS sebagai satu bentuk undi dalam rancangan realiti seperti Akademi Fantasia, Mentor, Mencari Bintang LG dan banyak lagi, peraduan-peraduan SMS, perbankan SMS dan pelbagai bentuk penggunaannya di dalam bidang muamalat secara khususnya juga melibatkan persoalan hukum yang berkaitan.

4.3 PENGGUNAAN SMS DALAM MASALAH IBADAT

Penggunaan SMS dalam hal-hal ibadah pada pengamatan umum hanyalah menyentuh mengenai ibadah *al-māliyyah* sahaja. Adapun hal-hal ibadah *al-badaniyyah* pula, tidaklah termasuk dalam konteks penggunaan medium ini. Setelah diamati, ianya menyentuh soal zakat dan derma sahaja. Malah, setakat hari ini, aplikasi penggunaan SMS sebagai medium pembayaran zakat hanya terhad kepada zakat fitrah sahaja.¹ Manakala pembayaran bagi zakat harta pula, ianya tidak diamalkan di Terengganu. Di Selangor pula, walaupun sudah diperluaskan kemudahan pembayaran ini kepada zakat harta, namun dari segi amalannya pula, ianya belum diguna pakai lagi.²

¹ Ini berdasarkan penggunaannya di MAIDAM dan LZS. Nazli Amirri b. Ngah, Penolong Setiausaha Bahagian Kutipan Zakat MAIDAM. Temu bual melalui telefon pada 8 Mei 2008 dan Hashim Fikri b. Hj. Ahmad Shauki, Pegawai Khidmat Pelanggan LZS. Temubual di pejabatnya pada 5 Mei 2008.

² Hashim Fikri b. Hj. Ahmad Shauki, *ibid*.

Tidak banyaknya perkara dalam penggunaan SMS yang boleh dikaitkan dengan hal ibadah adalah disebabkan perkara ibadah bersifat *tawqīfiyyah*. Yakni tertakluk pada kebenaran daripada pihak yang mencipta syarak iaitu Allah dan RasulNya sahaja.¹ Atau dalam erti kata lain, hukum asal bagi sesuatu ibadah adalah dilarang sehingga ada dalil yang membenarkannya. Ini berbeza dengan bab muamalat yang diharuskan sehinggalah ada dalil yang melarangnya². Malah, dalam hal ibadat *al-Māliyyah* ini, yang menerima perubahan hanyalah bentuk dan kaedah pelaksanaannya sahaja dan bukannya ibadah itu sendiri.

Dapatlah disimpulkan bahawa penggunaan medium SMS dalam hal yang berkaitan ibadah hanyalah menyentuh persoalan cabang iaitu bagaimana sesuatu ibadah itu dilaksanakan. Seumpama menunaikan ibadah-ibadah lain seperti solat di atas kapal terbang, azan menggunakan mikrofon, mengimamkan solat dengan memakai alat pembesar suara dan sebagainya. Justeru, hukum yang dibina adalah berasaskan kaedah *maslahah* yang amat diraikan oleh syarak ketika memberikan jawapan hukum kepada sesuatu persoalan yang bersifat semasa.

4.3.1 HUKUM ZAKAT MENERUSI SMS

Pada asalnya kaedah pembayaran zakat hanyalah menggunakan kaedah lama iaitu pembayar akan menemui amil yang dilantik untuk membayar zakat. Inilah yang

¹ Walīd b. Rasyīd al-Su‘aidān (t.t), *Talqīh al-Afhām al-‘Aliyyah bi Syarh al-Qawā’id al-Fiqhiyyah*, j. 2. t.t.p. h. 5. Buku ini boleh diakses melalui perpustakaan maya *al-Maktabah al-Syāmilah*. <http://www.shamela.ws>.

² *Ibid.* j. 2, h. 6.


diamalkan semenjak dahulu sehingga sekarang. Namun dengan kemudahan dunia moden hari ini, bentuk pembayaran sebegini telah diluaskan kepada pembayaran melalui perkhidmatan online, SMS dan sebagainya. Disebut dalam kaedah fiqh bahawa sesuatu hukum itu tidak ditentukan melainkan untuk mendatangkan *maslahah* dan menolak *mafsadah*. Dengan meluaskan bentuk dan kaedah pembayaran zakat ini, secara tidak langsung akan memberi ruang yang luas kepada masyarakat di celah kehidupan moden untuk melaksanakan tuntutan wajib ke atas mereka. Pada masa yang sama dapat memastikan masyarakat tidak cuai dalam menunaikan tanggungjawab mereka dalam agama.

Isu yang mungkin timbul daripada bentuk pembayaran ini ialah sah atau tidak urusan melalui medium SMS ini jika ianya dilaksanakan. Persoalan akad seringkali timbul dalam membicarakan hal ini. Bagaimanakah sesuatu akad itu dapat disahkan sekiranya akad tersebut berlangsung melalui kaedah SMS? Selain itu, bolehkah urusan zakat ini diwakilkan kepada orang lain untuk dikeluarkan bagi pihak pembayar zakat?

4.3.1.1 TRANSAKSI BAYARAN ZAKAT DALAM AMALAN SETEMPAT

Telah dibincangkan sebelum ini bahawa bentuk pembayaran zakat fitrah secara klasiknya adalah dengan cara pertemuan fizikal pembayar zakat dengan amil yang bertanggungjawab mengutip zakat daripada pihak baitulmal.

Jadual 4.4: Gambarajah bentuk pembayaran zakat secara klasik




Rajah di atas menunjukkan bagaimana bentuk urusan pembayaran zakat secara klasik dilakukan. Bentuk ini memerlukan seorang pembayar berjumpa dengan amil yang akan menerima pembayaran zakatnya bagi pihak baitulmal. Biasanya, amil ini akan berada di lokasi yang telah ditentukan sama ada di pejabat pungutan zakat atau sebagainya.

Manakala transaksi bayaran zakat setelah perkembangan teknologi diambil kira adalah tidak lagi seperti yang digambarkan dalam rajah 4.4 di atas. Sebaliknya, pihak pembekal perkhidmatan (Mobile Money) akan bertindak sebagai wakil pembayar untuk melaksanakan kewajipan pembayaran bagi pihak pembayar. Pihak pembekal perkhidmatan akan menerima arahan daripada pembayar dan seterusnya akan melaksanakan arahan tersebut dengan menghubungi pihak bank yang akan menguruskan potongan wang melalui akaun pembayar kepada pihak baitulmal yang bertindak sebagai amil. Apabila transaksi ini selesai, pihak pembekal perkhidmatan akan memaklumkan kepada pembayar zakat bahawa urusan pembayaran zakatnya telah selesai dan berjaya¹.

¹ Hashim Fikri b. Hj. Ahmad Shauki, Pegawai Khidmat Pelanggan LZS. Temu bual di pejabatnya pada 5 Mei 2008.

Jadual 4.5: Gambarajah bentuk pembayaran zakat secara moden menggunakan SMS



Apa yang menjadi amalan di Lembaga Zakat Selangor (LZS) ialah pembayaran zakat melalui perbankan SMS, hanya disediakan oleh Bank Islam Berhad (BIMB) sahaja. Perkhidmatan ini boleh diakses melalui kemudahan BankIslam.SMS sekaligus menjadikannya satu alternatif perbankan yang lengkap dan komprehensif. Dengan BankIslam.SMS, pembayar boleh mengakses perkhidmatan pembayaran zakat yang disediakan menerusi mana-mana rangkaian perkhidmatan telefon bimbit. Cumanya sebelum boleh menggunakan perkhidmatan ini, pembayar disyaratkan untuk mempunyai akaun di Bank Islam dan mendaftarkan perkhidmatan perbankan SMS dengan pihak bank. Setelah itu, barulah pembayar dibenarkan melaksanakan pembayaran melalui kaedah yang dinyatakan.

4.3.1.3 ANALISIS PERUBAHAN HUKUM ZAKAT MENERUSI SMS

Dengan mengiktiraf bentuk moden dalam transaksi bayaran zakat ini, secara tidak langsung menjadikan hukum zakat menerusi SMS dihukumkan sebagai harus. Dalam kes pembayaran zakat menerusi SMS ini, suatu evolusi terhadap kaedah

pembayaran telah berkembang. Bermula dengan pertemuan fizikal antara pembayar dengan amil sehinggalah menjadi pertemuan secara maya sahaja (melalui mesej elektronik).

Imam al-Nawāwī r.h. telah menegaskan bahawa urusan mewakilkan zakat boleh dilakukan oleh pembayar sama ada mewakilkan pembayaran itu kepada pemerintah ataupun *sa'iy* (amil). Pembayar boleh memilih untuk memberikan sendiri wang zakat kepada asnaf. Kedua-dua cara ini dibolehkan tanpa ada khilaf. Dalil menunjukkan boleh mewakilkan pembayaran zakat ini kerana ia merupakan suatu ibadah seperti mewakilkan orang lain untuk melangsaikan hutang. Mewakilkan pembayaran zakat juga dibolehkan kerana berkehendak kepada wakalah disebabkan ketiadaan wang dan seumpamanya. *Aṣḥāb al-Syāfi'iyyah* mengatakan sama ada mewakilkan untuk pembayaran zakat dari harta orang yang mewakilkan atau dari harta wakil, kedua-dua cara ini dibolehkan tanpa ada khilaf.¹

Manakala persoalan akad pula, ianya tidak timbul sama sekali. Ini kerana pembayaran zakat tidak memerlukan kepada akad. Hakikatnya, zakat adalah ibadah wajib yang tidak mensyaratkan akad sebagai syarat sah. Ia bukanlah amalan wajib, seperti pernikahan yang memerlukan kepada ijab dan kabul. Maka, hukum akad dalam amalan zakat adalah sunat sahaja. Dalam hal ini, niat pembayaran sudahpun berlaku melalui cara perwakilan seperti yang disebut sebelum ini.²

Zakat seseorang sah di sisi syariat apabila berlaku dua perkara, iaitu niat berzakat dan pemindahan harta zakat. Maka, apabila berzakat menerusi medium seperti di atas,

¹ Yahyā ibn Syaraf, al-Nawāwī (t.t.), *al-Majmū' Syarḥ al-Muhazzab*. j.6, Jeddah: Maktabah al-Irsyād, h. 138.

² Lihat juga apa yang di sebut oleh al-Zarqā ketika membahaskan mengenai akad melalui tulisan yang antara lainnya menegaskan hukum keberlangsungan akad ini (elemen niat) di ambilkira setelah sampainya arahan kepada pihak yang menerima arahan dan menjadi wakil kepada pihak yang mewakilkan urusan tersebut. al-Zarqā (2004), *op.cit.*, j.1, h.412.

niat sudah berlaku dan pemindahan pegangan harta (wang) juga telah berlaku. Maka, sahlah zakat tersebut. Asas pertimbangan kepada permasalahan ini ialah ;

1. Ayat al-Quran: Antara yang menjadi sandaran utama mengenai kewajipan menunaikan zakat ialah:

﴿ خُذْ مِنْ أَمْوَالِهِمْ صَدَقَةً تُطَهِّرُهُمْ وَتُزَكِّيهِمْ بِهَا وَصَلِّ عَلَيْهِمْ إِنَّ صَلَاتَكَ سَكَنٌ لَهُمْ وَاللَّهُ سَمِيعٌ عَلِيمٌ ﴾ (١٠٣)

Maksudnya: Ambillah (sebahagian) daripada harta mereka menjadi sedekah (zakat) supaya dengannya engkau membersihkan mereka (daripada dosa) dan mensucikan mereka (daripada akhlak buruk); dan doakanlah untuk mereka kerana sesungguhnya doamu itu menjadi kententeraman bagi mereka. Dan (ingatlah) Allah Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui.

Surah at-Taubah (9): 103.

Wajh al-Dilalah : Ayat ini memerintahkan pihak berwajib untuk melaksanakan kutipan zakat daripada mukallaf yang telah memenuhi syarat wajib menunaikan zakat. Namun begitu, ayat ini tidak menerangkan dengan tepat apakah kaedah yang boleh digunakan untuk memungut zakat. Ayat ini masih *mujmal* dan terserah kepada pihak amil untuk menentukan kaedah pungutan zakat itu daripada mukallaf. Justeru, proses modenisasi dalam pembayaran adalah termasuk dalam kategori ini.

2. Kaedah Fiqh: Terdapat satu kaedah fiqh yang menyebut, sesuatu akad yang memerlukan sighth dapat digantikan dengan tulisan. Di dalam konteks zakat, ia tidak memerlukan akad bahkan memadai dengan niat. Adapun upacara yang berlaku di antara mukallaf dan juga amil atau asnaf, itu adalah lafaz kepada niat menunaikan zakat yang secara teorinya, sudah sah jika disertakan dengan niat sahaja tanpa memerlukan kepada suatu akad. Ini sesuai dengan maksud dari kaedah fiqh: *الكتاب كالخطاب* yang bermaksud

“Tulisan Adalah Sama Dengan Ucapan”. Jadi, lafaz niat menunaikan zakat itu dapat dijelaskan dengan menggunakan kaedah tulisan dalam SMS yang menuntut pihak yang diwakilkan iaitu bank untuk membayar bagi pihak pembayar zakat. Setelah selesainya pihak bank membayar kepada pihak amil, maka selesailah isu niat dalam pembayaran melalui SMS ini. Tambahan pula pembayaran secara SMS ini pula adalah menggunakan kaedah tulisan yang boleh menggantikan sesuatu ucapan dan diperakui oleh syarak.¹

Oleh itu, adalah jelas bahawa tiada halangan untuk menggunakan kaedah SMS dalam membuat bayaran zakat seperti yang telah ditetapkan.

4.3.2 HUKUM DERMA MELALUI SMS

Selain daripada transaksi pembayaran zakat melalui SMS, terdapat juga persoalan ibadah derma yang turut berevolusi selaras dengan perkembangan pesat teknologi komunikasi ini. Derma dalam situasi yang terdahulu, dikenali dengan hanya menghulurkan sejumlah wang atau derma yang ingin disampaikan kepada penerima secara terus tanpa adanya perantara. Jika adanya perantara sekalipun, ianya hanyalah wakil yang melibatkan orang atau individu juga. Namun selaras dengan kemajuan teknologi yang dicapai, bentuk sebegini boleh berubah dengan hanya menekan punat telefon bimbit sahaja.

¹ al-Zarqā (2004), *op.cit.*

Dalam perbahasan fiqh klasik, pemberian disebut sebagai *hibah*, hadiah ataupun sedekah. Menurut Imam al-Nawāwī r.h., terdapat empat rukun pemberian.¹ Rukun pertama dan kedua ialah dua orang yang berakad (pemberi dan penerima), rukun ketiga ialah sighthah iaitu lafaz ijab dan qabul dan rukun terakhir iaitu barang yang diberi. Isu yang mungkin timbul dalam konteks menderma melalui SMS ini ialah isu ijab dan qabul. Bagaimana seharusnya isu ijab dan qabul dapat diselesaikan dalam penggunaan SMS sebagai medium menderma?

Selain daripada itu, dalam aplikasi derma melalui SMS ini, adanya isu caj perkhidmatan daripada syarikat telekomunikasi yang mengendalikan atau membekalkan perkhidmatan derma melalui SMS tersebut. Ini bermakna, wang yang didermakan tidak seratus peratus sampai kepada yang menerima sebaliknya hanya sebahagian kecil sahaja yang diterima.² Contohnya, derma RM5 kepada Tabung Bantuan Bersamamu TV3 yang dikendalikan oleh Syarikat Media Prima Bhd., apa yang berlaku ialah, nilai RM5 yang didermakan tersebut tidak akan masuk sepenuhnya ke dalam tabung yang disediakan. Ini kerana nilai SMS tersebut telah ditolak dengan caj pembekalan perkhidmatan oleh syarikat Telco yang menguruskannya. Hasilnya, penderma seolah-olahnya ditipu dengan jumlah yang ingin didermakannya kepada penerima. Hal ini sudah tentu sedikit sebanyak mempengaruhi urusan amal ibadah derma yang ingin dilaksanakan.³

¹ al-Nawāwī (1992) *Raudah al-Ṭālibīn wa 'Umdat al-Muftīn*. Zuhāir Shāwīsh (ed.), j.2, c.3. Beirut: al-Maktab al-Islāmī, h. 270.

² Azli Paat, <http://arifict.dapat.com/2005/01/mengapa-pemungutan-derma-melalui-sms.html>, 8 Jun 2008.

³ Azli Paat, *ibid.* Dalam hal ini, penulis rencana iaitu En. Azli Paat telah memberikan solusi kepada masalah yang timbul disebabkan caj yang dikenakan oleh pembekal perkhidmatan SMS tersebut dengan cara menukarkan aplikasi derma kepada pemberitahuan derma. Dengan itu, penderma akan kembali semula kepada kaedah konvensional iaitu menderma secara terus kepada penerima tanpa memerlukan sebarang perantaraan.

Menyentuh rukun yang ketiga dalam pemberian iaitu sighth, ulama *al-Syāfi'iyah* telah berselisih pendapat kepada dua pandangan :¹

1. Pandangan pertama mensyaratkan agar dilafazkan ijab dan qabul oleh pemberi dan penerima seperti juga dalam jual beli dan wasiat. Ini adalah pendapat Abu Ḥāmid al-Ghazālī dan mereka yang menukilkan darinya.

2. Pandangan kedua pula tidak mensyaratkan ijab dan qabul dilafazkan. Cukup sekadar penerimaan dan pemilikan sahaja. Ini adalah pendapat yang sahih dalam mazhab seperti yang dipilih oleh Imam al-Nawāwī r.h. dan mereka yang terkemudian dalam mazhab. Mereka berhujah bahawa Nabi S.A.W. telah menerima pelbagai hadiah dan pemberian tanpa diucapkan lafaz ijab dan qabul. Selain itu, adat masyarakat setempat juga menerima pemberian sedemikian (tanpa ucapan ijab dan qabul) seperti yang diterima oleh bayi-bayi yang tidak bercakap.

Terdapat perbincangan dalam hujah yang digunakan oleh kedua pendapat ini, iaitu golongan pertama mengatakan bahawa perbuatan memberi hadiah kepada Nabi sebenarnya hukumnya adalah harus. Dijawab kemusykilan ini dengan kenyataan jikalau ianya adalah harus, nescaya Nabi tidak akan menguruskannya yakni memilikinya dan memberikannya (pindah milik) pula kepada orang lain. Selain daripada itu, diandaikan juga hujah golongan yang mengatakan wajib dilafazkan ijab dan qabul itu sebenarnya adalah bertujuan menggambarkan keredaan dua pihak yang berakad. Keredaan dua pihak yang berakad ini sebenarnya tidak semestinya dalam bentuk kata-kata sahaja. Boleh jadi ianya dalam bentuk kata-kata, dan boleh jadi juga dalam bentuk perbuatan.²

¹ al-Nawāwī (1992), *op.cit.*, j. 2, h. 270.

² al-Nawāwī (1992), *ibid.* j. 2, h. 270.

Oleh yang demikian, isu derma melalui SMS ini walaupun dari segi keabsahannya tidak diragukan dan diharuskan, namun dengan kekangan yang wujud seperti yang dijelaskan sebelum ini menyebabkan perlunya ada pengawasan dan pemantauan yang lebih teliti untuk diberikan jawapan hukum sesuai dengan kehendak semasa zaman ini.

4.4 PENGGUNAAN SMS DALAM MASALAH MUNAKAHAT

Penggunaan SMS tidak terhad kepada persoalan berkaitan dengan ibadah sahaja seperti yang dibincangkan dalam perbahasan mengenai hukum menunaikan ibadah zakat dan menderma wang melalui SMS. Ianya turut menyentuh perkara yang berkaitan dengan munakahat. Antara isu dalam konteks munakahat ini ialah persoalan akad nikah menggunakan SMS dan isu perceraian melalui SMS.

Isu hukum akad nikah melalui kaedah yang sedikit berbeza dengan kaedah yang sedia dimaklumi dan banyak diamalkan ialah akad menerusi peralatan komunikasi moden seperti internet, telefon dan sebagainya. Walaupun setakat ini, belum ada kes akad nikah melalui SMS yang didaftarkan di mana-mana pejabat agama Islam di Malaysia, namun isu ini iaitu akad melalui peralatan komunikasi moden bukanlah suatu perkara yang mustahil berlaku. Malah ianya turut dibincangkan oleh fukaha sama ada yang terdahulu mahupun yang terkemudian.¹

Manakala isu perceraian menerusi sistem pesanan ringkas (SMS) pula mula mengejutkan umat Islam di Malaysia apabila Mahkamah Syariah Gombak Timur,

¹ Wahbah al-Zuhaili (1997), *op.cit.*, j. 4, h. 2947.

Selangor pada tahun 2003 telah mengesahkan talak pasangan suami isteri, Shamsudin Latif dan Azida Fazlina Abdul Latif.¹ Talak SMS ini telah menjadi asas kepada perbincangan hukum kepada talak-talak yang berlaku selepasnya yang menggunakan medium yang sama.

4.4.1 HUKUM PERSETUJUAN WALI TERHADAP AKAD NIKAH MELALUI SMS

Sesuatu perkahwinan akan dianggap sah apabila ianya memenuhi rukun-rukun berkahwin iaitu lelaki yang bakal menjadi suami (*zawj*), perempuan yang bakal menjadi isteri (*zawjah*), wali yang adil, dua orang saksi yang adil dan yang terakhirnya ijab dan qabul (tawaran dan penerimaan).² Rukun yang terakhir iaitu ijab dan qabul inilah yang dikenali sebagai akad nikah.

Di dalam perbincangan mengenai akad, antara perkara penting yang disebutkan ialah *sighah* atau lafaz ijab dan qabul. Ijab ialah perbuatan khusus yang menunjukkan keredaan hasil daripada percakapan awal salah seorang daripada dua pihak yang berakad. Atau dalam erti kata lain, kenyataan awal dari pihak pertama. Manakala qabul pula ialah kenyataan kedua daripada pihak kedua sebagai jawapan kepada kenyataan

¹ Mohd Nasran Mohamad & Mohd Naim Mokhtar (2004), "Pembubaran Perkahwinan Melalui Medium Elektronik Menurut Fiqh dan Undang-undang Keluarga Islam", dalam *Jurnal Hukum*. Putrajaya: Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia, Jil. XVII Bhg. II, September 2004, h.128.

² Ahmad Ibrahim (1999) *Undang-Undang Keluarga Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Malayan Law Journal Sdn.Bhd., h. 25-26.

pertama tersebut.¹ Bentuk-bentuk *sigħah* ialah seperti melalui percakapan (lafaz), perbuatan, isyarat dan tulisan.²

Ulama telah menetapkan bahawa akad yang berlangsung melalui tulisan adalah sah dan terpakai tanpa melihat sama ada dua pihak yang berakad mampu bercakap atau sebaliknya, sama ada mereka hadir dalam satu majlis ataupun berasingan dan sama ada menggunakan bahasa apa sekalipun. Namun disyaratkan tulisan tersebut mestilah terang dan jelas.³

Disebalik apa yang dibincangkan, sebenarnya hukum ke atas tindakan penerimaan wali terhadap akad nikah ini sebenarnya bukan lagi menjadi satu isu. Ini kerana para ulama telah bersepakat mengatakan bahawa hukum akad nikah melalui *al-Kitābah* adalah tidak sah.⁴ Melainkan sekiranya pihak yang terlibat iaitu bakal suami atau wali tidak mampu berkata-kata seperti bisu atau terpotong lidah. Syarat sah sesuatu pernikahan itu mestilah menerusi kehadiran saksi dan saksi mendengar dengan jelas ungkapan kedua-dua pihak yang berakad. Jika tidak, akad tersebut dianggap tidak sah dan terbatal.⁵

Namun, ulama Syafi'iyah dan Hanabilah tidak membataskan dan menolak kesahan berakad menggunakan tulisan ataupun surat. Jika pihak-pihak yang bakal berakad berada jauh antara satu sama lain, maka dibolehkan berakad melalui cara ini iaitu *al-Kitābah*.⁶ Namun perlu diingatkan, *al-Kitābah* tersebut akan menjadi bukti kepada lafaz penerimaan dan ianya perlu dikekalkan dan disahkan untuk ianya

¹ Wahbah al-Zuhailī (1997), *op.cit.*, j. 4, h. 2931.

² *ibid.* h. 2933.

³ *ibid.* h. 2933-2941.

⁴ Wahbah al-Zuhailī (1997), *op.cit.*, h. 2940 dan 2942.

⁵ al-Zarqā (2004), *op.cit.*, j.1, h. 412-417.

⁶ Wahbah al-Zuhailī (1997), *op.cit.*, h. 2942.

disempurnakan. Jika tidak, maka akad yang berlaku tidak membawa apa-apa erti sama sekali.

Bentuk akad melalui kaedah moden ini hanyalah merupakan bentuk fiqh *iftirāḍī* yang diperluaskan konsepnya oleh Imam Abu Hanifah serta pendukung mazhab *ahl Ra'y*. Oleh itu, dapatlah disimpulkan bahawa akad perkahwinan melalui medium SMS ini tidak dapat dibenarkan melainkan tertakluk kepada syarat pernikahan melalui *al-Kitābah* sahaja seperti yang telah dijelaskan.¹

4.4.2 HUKUM CERAI / TALAK MELALUI SMS

Hukum cerai melalui SMS merupakan antara isu yang paling hangat sekali diperdebatkan dalam isu kepenggunaan SMS yang melibatkan hukum syarak ini. Ulama telah membahaskan persoalan cerai atau talaq melalui SMS ini dan mengaitkannya dengan persoalan cerai melalui tulisan atau lebih dikenali dalam fiqh klasik sebagai *al-Kitābah* dengan mengaplikasikan metodologi *al-qiyās*. Dalam kes *Azida Fazlina binti Abdul Latif lwn. Shamsudin bin Latif*, hakim telah membenarkan penceraian melalui SMS tersebut hanya berdasarkan kepada *iqrār* suami iaitu pengakuan yang dibuat secara bertulis atau lisan dengan isyarat, menyatakan bahawa dia mempunyai obligasi atau tanggungan terhadap seseorang lain berkenaan sesuatu hak.² *Iqrār* ini dibuat tanpa diperlukan dua orang saksi untuk mengesahkan penceraian tersebut.³

¹ Hisyām b. ‘Abd Malik (2007), *op.cit.*, h.457-460.

² Mohd Nasran Mohamad & Mohd Naim Mokhtar (2004), *op.cit.*, h.128.

³ Seksyen 17(1) Enakmen Keterangan Syariah Negeri Selangor 1996.

Secara ringkasnya, penceraian boleh dibahagikan kepada dua bentuk iaitu secara terang (*ṣarīḥah*) dan secara berlapik (*kināyah*). Penceraian secara *ṣarīḥah* ini menghendaki suami menceraikan isterinya dengan lafaz yang jelas difahami bahawa suami telah mentalakkan isterinya. Manakala lafaz *kināyah* pula ialah apa-apa tindakan suami sama ada berbentuk lafaz, perbuatan, dokumen dan sebagainya. Termasuk dalam kategori yang sama ialah kemudahan teknologi maklumat seperti e-mel dan Sistem Pesanan Ringkas (SMS) yang mungkin membawa maksud talak atau sebaliknya.¹

Jumhur fukaha berpandangan, talak melalui tulisan dianggap sah jika suami menulisnya dalam keadaannya mempunyai niat untuk bercerai.² Menurut mazhab Maliki Syafi'i dan Hanbali, talak melalui tulisan sekalipun dalam bentuk yang jelas dan dapat difahami maksudnya (*ṣarīḥah*) tetap tidak sah dan tidak mendatangkan kesan kecuali disertakan dengan niat. Contohnya, suami menulis, “*Aku ceraikan kamu*” sedangkan semasa dia menulisnya, dia hanyalah menguji dakwat pen atau mencatat perkara lain. Maka tidak jatuh talak melainkan suami memang berniat demikian. Selain itu, hendaklah dipastikan bahawa tulisan berkenaan ditulis sendiri oleh suami kepada isterinya. Jika tidak, kemungkinan akan wujud keraguan yang boleh menidakkan berlakunya penceraian.

Manakala mazhab Hanafi pula membahagikan talak melalui tulisan kepada dua bahagian iaitu yang jelas dan yang tidak jelas. Contoh tulisan yang jelas ialah tulisan di atas kertas, dinding dan tanah. Tulisan yang tidak jelas pula seperti tulisan di atas angin, air atau tulisan yang tidak boleh difahami dan dibaca. Berasaskan dua keadaan ini, mereka menghukumkan bahawa talak berdasarkan tulisan yang tidak jelas itu tidak akan

¹ Mohd Nasran Mohamad (2004), *op.cit.*, h.127.

² Wahbah al-Zuhailiy (1997), *op.cit.*, j. 9, h. 2903-2904.

menjatuhkan talak sekalipun disertakan dengan niat. Sebaliknya pula, tulisan yang jelas pula, sama ada tulisan tersebut ditujukan khusus kepada isteri atau tidak akan menjatuhkan talak sekalipun tanpa niat. Dalam keadaan ini, hukumnya adalah hukum *kināyah* sekalipun lafaznya adalah *ṣarīḥ*. Oleh itu talak tidak jatuh melainkan disertakan dengan niat oleh suami.¹

Menguatkan lagi kenyataan ini, Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Agama Islam Kali Ke-55 yang bersidang pada 27 Julai 2003 membuat penelitian mendalam dan memberi pandangan mengenai hukum perceraian melalui SMS dan mengambil ketetapan berikut² :

- Talak dalam bentuk tulisan yang jelas daripada suami yang ditujukan kepada isterinya secara khusus seperti melalui faks, SMS, emel dan sebagainya adalah talak berbentuk kinayah dan sah jika disertai dengan niat.
- Semua perceraian perlu dikemukakan ke mahkamah syariah untuk mensabitkan talak berkenaan.
- Talak yang dilakukan dengan menggunakan alat komunikasi moden adalah kaedah perceraian yang tidak menepati adab perceraian digariskan oleh syarak.

Dapatlah disimpulkan bahawa, talak melalui SMS adalah seperti talak melalui tulisan dan ianya akan menjatuhkan talak sekiranya memenuhi segala syarat-syarat perceraian melalui tulisan.

¹ Wahbah al-Zuhailī (1997), *ibid.*, j. 9, h. 2902.

² http://www.e-fatwa.gov.my/jakim/keputusan_view.asp?keyID=146, 2 Mei 2008.

4.5 PENGGUNAAN SMS DALAM MASALAH MUAMALAT

Bidang muamalat merupakan bidang yang paling utama dan penting ketika menyentuh persoalan hukum berkaitan penggunaan SMS ini. Ini kerana bidang inilah yang menerima perkembangan dan kepelbagaian bentuk hukum sesuai dengan sifat hukumnya yang harus seperti yang dibincangkan dalam perbincangan ilmu *al-Qawā'id al-Fiqhiyyah*.¹

Perniagaan adalah keperluan hidup masyarakat sejak dahulu. Kehendak dan keperluan ini tidak pernah berubah dalam sejarah kehidupan masyarakat. Perubahan yang berlaku hanyalah pada barangan serta metode transaksi ini dilaksanakan. Jika dahulu, tidak tergambar bahawa sesuatu urusan niaga boleh dilakukan dari jarak jauh. Kini ianya bukanlah suatu persoalan yang mustahil lagi. Malah, urusan niaga ini mula mendominasi bentuk-bentuk urusan muamalat seharian dalam kepesatan hidup manusia.

Bidang perbankan juga akur dengan revolusi teknologi masa kini. Penggunaan SMS meresapi bidang ini bagi membolehkan manusia melakukan akses lebih pantas dan mudah dengan hanya beberapa pergerakan di hujung jari. Secara umum, terdapat pelbagai perkhidmatan SMS yang ditawarkan seperti menyemak baki akaun, mengesan sejarah transaksi, memindahkan wang, bayaran bil dan lain-lain.²

Perbincangan berikut, akan cuba melihat sejauh mana penggunaan SMS dapat mempengaruhi bentuk hukum dalam masalah yang berkaitan.

¹ Walīd b. Rasyīd al-Su'aidān (t.t), *op.cit.*, j. 2, h. 6.

² http://www.bankislam.com.my/SMS_Banking.aspx. 21 Oktober 2008.

4.5.1 HUKUM AKAD JUAL BELI MELALUI SMS

Sekali lagi persoalan akad melalui SMS menimbulkan pelbagai persoalan hukum. Berbeza dengan urusan munakahat (dalam kes penerimaan akad nikah oleh wali yang tidak dibenarkan oleh jumhur ulama), persoalan akad melalui aplikasi SMS dalam perkara muamalat adalah dibenarkan. Dalam hal ini, ulama telah mengaplikasikan metodologi *al-qiyas* kepada akad yang dijalankan dengan menyamakan akad ini seperti akad orang yang menulis dengan tulisan (*al- 'Aqd bi al-Kitābah*).

Para ulama telah menyatakan bahawa hukum menggunakan alat tersebut adalah sama seperti menggunakan surat-menyurat. Ini kerana tulisan yang ditulis tidak berubah dan akan keluar sebagaimana kehendak asal penulis sama ada melalui komputer, SMS, telegraf dan sebagainya. Jelasnya, kesemua alat-alat tersebut mampu untuk menghantar segala kemahuan pengguna secara terus dan langsung. Para ulama menyebut bahawa keadaan itu tidak memberi kecacatan dalam jual beli, dan *diqiyaskan* hal tersebut dengan ungkapan seseorang yang menyuruh orang lain sebagai perantaraan menulis akad tersebut kemudian barulah dihantar kepada pihak yang lain.

Ulama telah berselisih pendapat dalam hukum akad melalui tulisan ini kepada 3 pendapat.¹

1. Pendapat yang pertama iaitu pendapat jumhur ulama Maliki, Syāfi'ī dan Hanbali. Mereka menyatakan bahawa harus berlaku akad melalui tulisan sama ada akad tersebut berlaku antara orang yang ada dalam majlis akad atau sebaliknya, boleh bercakap atau bisu. Mereka menegaskan lagi bahawa keadaan tersebut hanya sah dalam masalah akad jual beli dan tidak pada akad nikah. Mereka menghujahkan bahawa tulisan adalah di

¹ al-Nawāwī (t.t.), *op.cit.* j. 9, h. 177.

antara cara untuk menyatakan sesuatu kemahuan sama seperti percakapan. Selain itu, dinyatakan dalam nas yang sahih bahawa Rasulullah S.A.W. telah menggunakan surat untuk menyampaikan dakwah kepada para pembesar dan raja. Sekiranya tulisan (melalui perutusan) boleh digunakan dalam penyampaian dakwah sudah tentu ia juga boleh digunakan dalam perkara akad.

2. Pendapat yang kedua merupakan pendapat fukaha mazhab *Ibādī*, satu pendapat dalam mazhab Syafi'i dan juga Syiah Zaidiah. Golongan ini menyatakan bahawa tidak sah akad jual beli melalui tulisan kecuali bagi orang bisu sahaja. Hujah mereka bahawasanya *al-Kitābah* bukanlah merupakan cara untuk menyampaikan kehendak yang disepakati. Ini disebabkan melaluinya, seseorang mampu untuk meniru tulisan orang lain. Oleh itu, akad tidak boleh terjadi dengan kemungkinan yang pelbagai khususnya dalam pemindahan hak milik seseorang. Tambahan pula tidak ada nas yang menyatakan bahawa berlakunya akad dengan menggunakan tulisan pada masa Nabi S.A.W. kecuali bagi mereka yang tidak boleh bercakap maka dibenarkan untuk menulis dan menggunakan isyarat.

3. Pendapat yang ketiga merupakan pandangan fukaha mazhab Hanafi. Golongan ini menyatakan bahawa *al-Kitābah* adalah sama sebagaimana lafaz dan percakapan bagi mereka yang tidak ada dalam majlis akad. Termasuk dalam perkara ini juga ialah akad perkahwinan sebagaimana dalam kenyataan berikut :

إن عقد النكاح يتم بالكتابة أيضا إذا أحضر الطرف الثاني في العقد
الشهود وقرأ عليهم الكتابة ثم قال بعد ذلك قبلت أو زوجت أو
تزوجت , وإلى ذلك ذهب فقهاء الحنفية

Maksudnya : Akad nikah juga sempurna dengan cara tulisan (iaitu) apabila pihak kedua dalam akad mendatangkan saksi dan dibacakan kepada mereka tulisan

tersebut, kemudian dia berkata : aku terima, atau aku bernikah. Inilah pendapat fukaha al-Hanafiah.

Golongan ini berhujah sama seperti dalil yang telah dikemukakan oleh golongan kedua dengan menyatakan bahawa keperluan yang sebenar dalam masalah ini adalah kepada mereka yang tidak ada dalam majlis akad sahaja kerana orang yang telah hadir dalam majlis mampu untuk menyatakan dengan percakapan mereka.

Pendapat yang terpilih daripada ketiga-tiga pendapat tersebut ialah pendapat yang dikemukakan oleh jumhur fukaha iaitu harus menggunakan *al-Kitābah* dalam urusan niaga sama ada keduanya (penjual dan pembeli) hadir semasa akad ataupun tidak. Termasuk juga dalam kategori ini sekiranya salah seorang daripada mereka bisu pada waktu sampainya makluman melalui surat atau alat-alat tersebut kepada pembeli. Dengan demikian, maka jelaslah bahawa hukum menggunakan telekomunikasi moden dan secara khususnya melalui SMS dalam urusan perniagaan adalah dibenarkan.¹

4.5.2 HUKUM JUAL BELI MELALUI SMS

Sememangnya tiada nas yang jelas tentang hukum menjalankan urusan niaga seperti ini kerana ia tidak pernah wujud pada zaman Rasulullah dan para sahabat. Justeru, maqasid syariah haruslah dilihat bagi menentukan penentuan hukum yang tepat bagi mengelakkan kekeliruan di kalangan umat Islam terhadap metode urusan niaga secara SMS ini.

¹ Lihat juga perbincangan lanjut dalam Wahbah al-Zuhaili (1997), *op.cit.*, j. 4, h. 2941-2942.

Penentuan hukum jual beli ini menggunakan prinsip *al-Qiyās* berlandaskan hukum asal jual beli melalui prinsip-prinsip muamalah yang sedia ada. Ini adalah berdasarkan *maslahah* kepada umat Islam pada masa kini yang tidak boleh lari dari arus kemodenan.

Urusniaga melalui SMS ini meliputi beberapa proses yang berlaku antara dua pihak yang mengurus niaga yang antaranya ialah :

- Rundingan niaga. Maksudnya penawaran barang daripada penjual kepada pembeli.
- Persetujuan pembeli dan penjual untuk berjual beli. Di sini pembeli akan menghantar SMS kepada penjual menyatakan kehendaknya dan penjual menerima pesanan daripada pembeli.
- Pembayaran harga barang dibayar melalui kredit yang dimiliki oleh pembeli mengikut caj yang telah ditetapkan.
- Penyerahan dan penghantaran barangan. Setelah selesai pembayaran, pembeli akan menerima pengesahan bayaran berdasarkan subjek yang dibeli.

Dalam hal ini, akad yang berlaku antara penjual dan pembeli sekiranya memenuhi segala rukun dan syarat akad jual beli, maka jualan melalui SMS akan dianggap lulus syarak dan diharuskan. Sebaliknya, jika urusan tersebut tidak memenuhi rukun dan syarat jual beli, maka sudah tentu jualan melalui SMS akan dihukumkan haram dan tidak sah. Sesuatu akad termasuk jual beli mempunyai unsur-unsur tertentu

untuk membentuk dan menjadikannya sebagai satu akad yang sah. Unsur-unsur tersebut adalah seperti berikut :¹

1. Pihak yang berkontrak.
2. Sighah atau kerelaan pihak-pihak berkontrak bagi membentuk kontrak iaitu ungkapan penawaran dan penerimaan (ijab dan qabul).
3. Subjek kontrak.

Ringkasnya hukum jual beli melalui SMS ini dilihat menetapi rukun dan syarat jual beli dalam keadaan biasa. Namun, perlu diingat bahawa, sebarang bentuk urusan niaga sebegini sebenarnya tertakluk kepada yang melibatkan perkara yang halal dan bukannya perkara yang haram sesuai dengan firman Allah :

﴿... وَأَحَلَّ اللَّهُ الْبَيْعَ وَحَرَّمَ الرِّبَا...﴾

Maksudnya: ...Dan Allah telah menghalalkan berjual-beli (berniaga) dan mengharamkan riba...

Surah *al-Baqarah* (2): 275.

Justeru, penilaian kepada hukum jual beli melalui SMS ini bolehlah disimpulkan sebagai diharuskan selagi ianya tidak melanggar batas-batas syarak ketika bermuamalah.

¹ Mustafā al-Khin (1996), *op.cit.*, j.3, h. 7-16.

4.5.3 HUKUM UNDIAN RANCANGAN HIBURAN REALITI TV MENERUSI SMS

Diantara perkara yang juga mendapat perhatian dalam persoalan hukum muamalat menerusi kaedah SMS ini ialah hukum undian rancangan realiti tv. Di Malaysia, persoalan mengenai isu ini amat menarik setelah fenomena yang dicetuskan oleh rancangan realiti tv ini ternyata memikat jutaan pengguna melaburkan duit mereka. Mengambil contoh program realiti Akademi Fantasia, nilai SMS yang dijana melalui program ini amat besar sehinggakan ianya mampu dipertahankan selama beberapa musim sehingga sekarang.

Jadual 4.6: Jumlah SMS rancangan Akademi Fantasia mengikut musim

TAHUN	MUSIM	JUMLAH SMS
2003	AF1	4.5 juta
2004	AF2	15 juta
2005	AF3	10.7 juta
2006	AF4	7.4 juta
2007	AF5	6.6 juta
2008	AF6	3.8 juta

Sumber: MEASAT Broadcast Network Systems Sdn Bhd. <http://www.astro.com.my>.

Jumlah undian SMS ketika program ini dimulakan pada 2003 ialah 4.5 juta dan terus meningkat kepada tahun berikutnya sebelum mula menurun sehingga kepada 3.8 juta pada musim ke 6. Sekalipun mencatatkan penurunan pada musim-musim berikutnya, apabila dilihat secara umum, jumlah SMS tersebut tetap besar.

Untuk membincangkan hukum mengenai undian rancangan realiti ini, terlebih dahulu perlulah difahami akan proses pelaksanaannya dahulu. Seperti proses jual beli melalui SMS, undian kepada rancangan realiti ini melibatkan penawaran perkhidmatan oleh pihak yang berkenaan. Seterusnya pelanggan akan mengikuti langkah-langkah yang diberikan untuk mengundi. Apabila selesai, pelanggan akan menerima pemberitahuan bahawa transaksinya telah berjaya. Untuk transaksi tersebut, pelanggan akan dicaj berdasarkan caj yang telah ditetapkan oleh pembekal perkhidmatan dan juga berdasarkan jumlah undian yang dilakukan.

Melihat kepada bentuk transaksi yang dilakukan, sememangnya tiada masalah untuk umat Islam melakukan bentuk transaksi sedemikian. Lebih-lebih lagi ianya menepati rukun dan syarat jual beli biasa. Namun timbul persoalan lain iaitu isi kandungan rancangan realiti tersebut mengandungi unsur-unsur yang *syubhah taḥrīm*¹ atau haram iaitu percampuran yang agak bebas antara lelaki dan perempuan, nyanyian dan muzik yang keterlaluan, unsur-unsur fitnah wanita seperti tidak menutup aurat, suara yang menggoda dan lain-lain lagi.

Tabiat hukum ialah ianya akan sentiasa bersama dengan *'illahnya* sama ada wujud bersama-sama ataupun terpisah (*الحكم يدور مع علته وجودا وعدمًا*).² Dalam konteks ini, hukum undian ini adalah mengambil hukum *wasāil* (perantaraan). Teknologi hanyalah merupakan wasilah kepada sesuatu perkara yang ingin dicapai iaitu keuntungan bagi pihak yang menawarkan perkhidmatan dan kepuasan bagi pihak yang

¹ Lihat penjelasan maksud *syubhah taḥrīm* ini dalam Muṣṭafā al-Bughā & Muḥyi al-Dīn Mistaw (2007) *al-Wāfi fi Syarḥ al-Arbaʿīn al-Nawāwīyyah*. Ahmad Khairi al-Latifi (terj.) Kuala Lumpur: al-Hidayah Publisher, h. 50-51.

² Ṣāliḥ bin Muḥammad bin Ḥasan al-Asmarī (2000), *Majmūʿah al-Fawā'id al-Bahīyyah 'Ala Manzūmah al-Qawā'id al-Bahīyyah*, Beirūt: Dār al-Ṣumai'ī, h. 112.

melanggan. Sekiranya subjek yang menjadi asas kepada perkara yang ingin dicapai ini berkait dengan perkara syubhah atau haram, maka sudah tentu hukumnya adalah dilarang dan haram. Ini berdasarkan kaedah (الوسائل لها حكم الغايات)¹ yang bermaksud hukum ke atas setiap perantaraan adalah seperti hukum matlamat perantaraan tersebut. Jika matlamatnya baik, maka sudah tentu hukumnya juga baik. Sebaliknya, jika matlamatnya buruk, sudah tentu hukumnya mengikut matlamatnya iaitu buruk juga.

Apa yang dibincangkan di sini adalah bersesuaian dengan pembahagian yang dibuat oleh ulama Hanafiyah ketika membezakan pembahagian hukum akad yang tidak sah kepada fasid dan batil. Bagi mereka, akad batil ialah akad yang terjejas rukunnya dan tempatnya serta tidak ditentukan syarak akan asalnya seperti seorang yang tidak layak berurusniaga kerana gila dan tidak mumayyiz.² Hukum akad ini adalah terbatal dan tidak terikat sama sekali. Adapun akad yang fasid pula, ialah akad yang pada asalnya diiktiraf syarak tetapi bukan dalam bentuknya yang sedia ada. Contohnya jualan barang yang tidak diketahui jenisnya yang boleh membawa kepada pertelingkahan dan sebagainya.³ Manakala bagi jumhur fukaha pula, dalam perbincangan mengenai akad ini, pembahagiannya adalah dua sahaja iaitu akad yang sah dan akad yang tidak sah. Dalam erti kata lain, tiada beza diantara akad yang batil dan fasid sebagaimana yang difahami oleh ulama Hanafiyah.

¹ 'Abd Rahmān b. Muḥammad (1996) *al-Durar al-Saniyyah fi Ajwibati al-Najdiyyah*, j. 22, h.146. Buku ini boleh diakses melalui perpustakaan maya *al-Maktabah al-Syāmilah*. <http://www.shamela.ws>. Bandingkan juga apa yang disebut oleh Ibn Qayyim ketika menjelaskan persoalan *Hukmu al-Wasā'il al-Mu'addiyat ila al-Maqāsid* dalam *I'lāmnya*. Lihat Ibn al-Qayyim (1973), *op.cit.*, j. 3, h. 136.

² Wahbah al-Zuhailiy (1997), *op.cit.*, j. 4, h. 3089.

³ Wahbah al-Zuhailiy (1997), *op.cit.*, j. 4, h.3089-3090.

Oleh yang demikian, dapatlah disimpulkan bahawa hukum undian rancangan realiti tv ini adalah haram berdasarkan kepada perkara berikut ;

- Ianya termasuk dalam kategori perkara yang mengandungi unsur-unsur perjudian. Setiap perkara judi adalah haram dan urusan yang berkaitan dengannya juga adalah haram.
- Ianya termasuk dalam kategori membantu dalam perkara yang mungkar sebagaimana firman Allah :

﴿...وَتَعَاوَنُوا عَلَى الْبِرِّ وَالْتَّقْوَىٰ ۖ وَلَا تَعَاوَنُوا عَلَى الْإِثْمِ وَالْعُدْوَانِ...﴾

Maksudnya : ...Dan hendaklah kamu bertolong-tolongan untuk membuat kebajikan dan bertaqwa, dan janganlah kamu bertolong-tolongan pada melakukan dosa (maksiat) dan pencerobohan...

Surah *al-Māidah* (5): 2.

- Ianya termasuk dalam kategori pembaziran dan pekerjaan yang sia-sia dan kita di tegah daripada melakukan pembaziran serta perkara yang sia-sia seperti firman Allah :

﴿وَأَاتِ ذَا الْقُرْبَىٰ حَقَّهُ وَالْمِسْكِينَ وَابْنَ السَّبِيلِ وَلَا تُبَذِّرْ بَذِيرًا﴾

﴿٢٦﴾ إِنَّ الْمُبَذِّرِينَ كَانُوا إِخْوَانَ الشَّيْطَانِ ۖ وَكَانَ الشَّيْطَانُ لِرَبِّهِءَ

﴿كُفُورًا﴾ ﴿٢٧﴾

Maksudnya : Dan berikanlah kepada kerabatmu, dan orang miskin serta orang musafir akan haknya masing-masing; dan janganlah Engkau membelanjakan hartamu dengan boros dan melampau.

Sesungguhnya orang-orang yang boros itu adalah saudara-saudara syaitan, sedang syaitan itu pula adalah makhluk yang sangat kufur kepada Tuhannya.

Surah *al-Israa'* (17): 26-27.

4.5.4 HUKUM TRANSAKSI PERBANKAN MENERUSI SMS

Perbincangan yang terakhir ialah mengenai hukum transaksi perbankan menerusi SMS. Apabila perkhidmatan ini diperkenalkan di Bank Islam Malaysia, perangkaan terkini menunjukkan terdapatnya peningkatan jumlah pengguna yang menggunakan bentuk perkhidmatan ini. Dari tahun 2004 hingga ke 2007 seramai 165 559 orang telah mendaftar dan menggunakan kemudahan yang disediakan.¹ Begitu juga jumlah pengguna di bank-bank lain yang menawarkan perkhidmatan yang sama turut mencatatkan peningkatan yang ketara.

Peningkatan penggunaan perkhidmatan yang ditawarkan ini menunjukkan bahawa teknologi SMS ini telah mempermudah lagi urusan orang ramai sekaligus membentuk satu budaya yang tidak boleh disangkal lagi seperti yang dikatakan oleh Pengerusi Bank Simpanan Nasional (BSN), Datuk Seri Abdul Azim Mohd. Zabidi ketika pelancaran perkhidmatan perbankan SMS BSN menyebut;²

“Evolusi perkembangan teknologi dan medium komunikasi telah merubah cara penyampaian perkhidmatan sesuatu industri. Seperti institusi-institusi kewangan atau perbankan yang lain, BSN juga melihat perkembangan teknologi dan komunikasi ini sebagai satu platform untuk kami menawarkan perkhidmatan yang lebih efisien kepada pelanggan-pelanggan dan orang ramai...”

Seperti perkhidmatan dalam amalan pembayaran zakat melalui SMS, perbankan SMS ini merujuk kepada penyediaan perkhidmatan oleh pihak bank melalui pembekal yang dilantik. Setelah mendaftar, pelanggan akan memilih transaksi yang ingin

¹ Siti Mahani Sh. Ab. Ghani, Pegawai Perhubungan Awam di Jabatan Komunikasi Koprak BIMB. Temu bual melalui telefon di pejabatnya pada 12.4.2008.

² http://www.mobilityone.com.my/pages/press/kosmo_11Nov.pdf, 13 Disember 2008.

dijalankan dengan menghantar SMS dan pihak penyedia akan menghantar pengesahan kepada transaksi yang ingin dijalankan. Setelah pelanggan mengesahkan transaksi tersebut, barulah ianya dilaksanakan bagi pihak pelanggan mengikut pilihan masing-masing.

Seumpama bermuamalat dengan menggunakan *al-Kitābah* dalam urusan jual beli, proses perbankan menerusi SMS ini diharuskan berdasarkan metodologi *al-qiyās* yang dijalankan. Jika transaksi tersebut menetapi rukun dan syarat sesuatu akad itu untuk berkuat kuasa, maka tiada halangan untuk akad tersebut diabsahkan seperti bentuk-bentuk akad yang lain.

4.6 KESIMPULAN

Menerusi perbincangan yang dijalankan, dapatlah disimpulkan bahawa penggunaan teknologi SMS dalam kehidupan yang merangkumi aspek ibadat, munakahat dan muamalat benar-benar telah mempengaruhi bentuk hukum yang terbina. Penentuan terhadap hukum penggunaan SMS dalam kehidupan dibuat berdasarkan perkiraan metodologi yang dibahaskan oleh ulama. Justeru, seharusnya penggunaan sebarang bentuk teknologi di ambil kira ketika memberikan jawapan hukum yang dikehendaki.

BAB 5

PENUTUP, RUMUSAN, CADANGAN DAN KESIMPULAN

5.1 PENUTUP

Bab ini mengandung rumusan keseluruhan hasil kajian, saranan serta cadangan berdasarkan hasil kajian iaitu elemen perubahan hukum disebabkan penggunaan teknologi komunikasi moden (SMS).

5.2 RUMUSAN HASIL KAJIAN

Berdasarkan kepada hasil kajian, beberapa rumusan dapat diambil dan dibahagikan kepada dua bahagian seperti berikut ;

- (a) Kefahaman terhadap teknologi moden dan kaitannya dalam pembinaan hukum.
- (b) Penggunaan SMS dan masalah hukum.

5.2.1 KEFAHAMAN TERHADAP TEKNOLOGI MODEN DAN KAITANNYA DALAM PEMBINAAN HUKUM

Hasil kajian yang telah dijalankan mendapati bahawa teknologi bolehlah digambarkan sebagai setiap peralatan yang digunakan oleh manusia dalam penciptaan dan penemuan baru mereka dalam kehidupan. Tujuannya ialah untuk mempermudah urusan kehidupan seharian. Terdapatnya kesan hasil penggunaan teknologi moden ini ke

atas kehidupan manusia sekaligus membentuk satu budaya dalam masyarakat. Berasaskan kepada perkara ini, syarak telah memperakui kewujudan dan peranan teknologi moden yang dianggap sebagai elemen *maṣlahah* yang secara tidak langsung mempengaruhi bentuk hukum yang berkaitan dengan penggunaannya dalam kehidupan.¹

Syarak sebenarnya sudah meletakkan asas yang cukup kukuh ketika membicarakan sumber-sumber hukum menerusi perbincangan ulama sepanjang zaman. Setelah penelitian dilakukan, pada peringkat metodologi, teknologi tidaklah dianggap sebagai dalil syarak yang boleh menjadi pemboleh ubah terhadap hukum. Namun kewujudannya tidak boleh dikesampingkan begitu sahaja. Malah ianya perlu diambil kira ketika fukaha meneliti sesuatu perkara bagi tujuan pengeluaran hukum.

5.2.2 PENGGUNAAN SMS DAN MASALAH HUKUM

Persoalan hukum penggunaan SMS dalam kehidupan seharian bolehlah dibahagikan mengikut kategori tertentu seperti ibadat, munakahat dan muamalat.

Menyentuh perihal ibadat, didapati bahawa penggunaan teknologi SMS dalam beribadat perlulah diteliti dengan sebaiknya kerana tabiat ibadat adalah hak eksklusif Allah dan Rasul, tanpa boleh dicampur adukkan dengan pertambahan berasaskan akal fikiran semata-mata. Sebaliknya keperluan terhadap garis panduan khusus dirasakan perlu untuk memandu perkara ibadat ini agar tiada penyimpangan dalam pelaksanaannya oleh umat Islam. Garis panduan ini boleh dicerakin melalui kaedah-kaedah Usul Fiqh seperti yang dijelaskan oleh ulama sepanjang zaman. Melaksanakan ibadat zakat dan derma melalui SMS pada dasarnya memberikan alternatif sekaligus memudahkan urusan

¹ Hisyām b. ‘Abd Malik (2007), *op.cit.*, h. 825.

seharian umat Islam. Berasaskan penerimaan syarak terhadap elemen *maṣlahah* ini, bolehlah dirumuskan bahawa hukum penggunaannya adalah harus, namun persoalan caj perkhidmatan yang mengurangkan nilai bayaran perlulah diselesaikan terlebih dahulu dengan cara pemberitahuan kepada mereka yang terlibat. Ini penting untuk menjadikan bayaran tersebut bertepatan dengan nilai sebenar yang telah ditentukan dan diinginkan.

Manakala dalam hal muamalat, jika dahulunya manusia berhubung antara satu sama lain melalui pertemuan fizikal, namun kesan daripada perkembangan teknologi telah mengubah keadaan ini. Seterusnya akad-akad yang berlaku telah mengalami sedikit perubahan di dalam rukunnya iaitu bagi tujuan pembuktian *ijāb* dan *qabūl* dalam suatu majlis akad. Hasilnya, majlis akad berlangsung dengan lebih lama mencakupi tempoh perhubungan kedua belah pihak sehinggalah ianya selesai dan dimuktamadkan.¹ Selain itu, hukum penggunaan teknologi SMS dalam hal muamalat adalah berdasarkan matlamat dan tujuannya. Sekiranya penggunaan sesuatu teknologi bermatlamatkan kebaikan atau wujud galakan syarak terhadapnya, hukumnya adalah harus. Sebaliknya, jika matlamat akhir ialah keburukan atau adanya larangan syarak terhadapnya, maka ianya akan berubah menjadi haram dan dilarang sama sekali.

Dalam hal munakahat pula, penggunaan teknologi SMS juga harus diteliti dengan sebaiknya. Ini kerana perkara munakahat dianggap amat sensitif dan tidak boleh dianggap mudah kerana melibatkan penghalalan suatu perhubungan (menghalalkan faraj) dalam kes perkahwinan. Jika terdapat kesilapan dalam penentuan halal haram perkara ini, pasti akan menyebabkan kecelaruan pada nasab dan keturunan. Hal ini amat dihindari oleh syarak terutama dalam memelihara kesucian nasab dan keturunan.

¹ al-Zuhaylī (1997), *op.cit.*, j. 4, h. 464 dan seterusnya.

Hukum nikah melalui SMS ini adalah dilarang sesuai dengan pandangan jumhur fukaha yang menegah akad nikah dijalankan melalui tulisan (*al-Kitābah*) melainkan pada hal-hal yang tertentu sebagai pengecualian dalam syarak seperti bisu dan pekak. Manakala perceraian melalui SMS pula adalah diterima berasaskan penerimaan ulama terhadap kaedah perceraian melalui *al-Kitābah*. Namun, bagi memastikan perkara ini bertepatan dengan undang-undang yang sedia ada, maka perceraian ini perlulah dirujuk ke mahkamah syariah terlebih dahulu sebelum pengesahan terhadapnya dapat dibuat.

5.3 SARANAN DAN CADANGAN

Berdasarkan kepada penemuan kajian ini, maka dicadangkan beberapa saranan kepada pihak tertentu untuk melaksanakan keputusan, fatwa mahupun garis panduan atau mempertimbangkannya bertujuan memperkemaskan lagi perbahasan hukum berkaitan persoalan semasa di Malaysia.

5.3.1 SARANAN KEPADA PENKAJI AKAN DATANG

- (i) Kajian yang dilakukan ini terbatas kepada penggunaan SMS sahaja dan tidak digeneralisasikan kepada penggunaan aplikasi lain seperti MMS, internet dan sebagainya. Oleh itu adalah dicadangkan kajian yang serupa dilakukan pada aplikasi lain selain SMS untuk mengetahui perbezaan dan persamaan hasil kajian yang diperolehi.
- (ii) Kajian ini merupakan kajian secara umum sebagai asas untuk memahami persoalan hukum semasa dan metodologi hukum berkaitan penggunaan teknologi

moden yang melibatkan penggunaan SMS dalam permasalahan fiqh. Oleh itu, dicadangkan satu kajian lain yang lebih khusus untuk menghalusi metodologi hukum, kaedah atau garis panduan dan perincian permasalahan penggunaan SMS yang melibatkan hukum syarak. Kajian sebegini penting untuk melihat keupayaan syariat Islam memenuhi jawapan kepada masalah penggunaan teknologi semasa dan perubahan hukum yang berlaku.

- (iii) Berdasarkan kajian yang dilakukan menunjukkan bahawa persoalan ini melibatkan pengetahuan am yang agak mendasar. Justeru, pengkaji haruslah mempunyai pengalaman dan pendedahan terhadap perkembangan teknologi semasa agar kejumudan berhukum dapat diatasi sehingga mampu membina kredibiliti sebenar dalam memahami persoalan bersifat baru dan semasa.
- (iv) Memandangkan kajian ini merupakan kajian tinjauan melalui temu bual dan akses kepada data-data sedia ada di perpustakaan dan sebagainya, maka dicadangkan kajian yang berbentuk lain seperti kajian lapangan, kajian kes, kajian kolerasi dan sebagainya dapat dijalankan untuk penelitian selanjutnya. Dengan itu, aspek-aspek lain yang tidak disentuh dalam kajian ini dapat diperhalusi lagi maklumat mengenainya.

5.3.2 SARANAN KEPADA MASYARAKAT

- (i) Masyarakat perlu peka terhadap penggunaan teknologi dalam kehidupan mereka yang berkaitan dengan hukum hakam agama agar mereka tidak terjerumus dalam kesalahan beramal dan melakukan perkara yang dilarang oleh agama.

- (ii) Jangan menjadikan teknologi semata-mata sebagai jalan singkat untuk memenuhi sesuatu kehendak khasnya dalam persoalan ibadat, muamalat dan munakahat. Keaslian dalam melaksanakan ibadah sebaiknya dipelihara dan diwarisi setiap generasi.
- (iii) Jangan terlalu ghairah dengan hiburan yang mengakibatkan kita melakukan kesilapan rentetan dari tawaran dan pertandingan yang dianjurkan. Sekiranya perkara ini menjadi *trend* dalam norma hidup masyarakat, ia bakal membawa kepada permasalahan yang lebih besar sekaligus mengurangkan nilai akhlak, menyebarkan kemungkaran dan membantu ke arah dosa dan permusuhan.

5.3.3 SARANAN KEPADA PEMBEKAL PERKHIDMATAN

- (i) Pastikan kemudahan yang diberikan kepada para pelanggan terutama melibatkan aspek hukum diperhalusi terlebih dahulu dengan merujuk kepada pihak yang mempunyai kepakaran dan berautoriti. Jangan terlalu cepat menawarkan sesuatu semata-mata ingin memperolehi keuntungan dari perkhidmatan yang ditawarkan.
- (ii) Jika keperluan mendesak, hendaklah dilantik penasihat syariah bagi mengawasi produk-produk yang bakal dipasarkan. Ini akan lebih meyakinkan pengguna dan membantu mereka terutama jika persoalan tersebut melibatkan hukum syarak.
- (iii) Penerangan yang jelas dan terperinci terhadap terma dan syarat perkhidmatan mesti dilakukan. Contohnya dalam kes berkaitan derma, zakat, transaksi

perbankan dan sebagainya mestilah diberitahu secara rasmi dan jelas mengenai terma dan syaratnya.

- (iv) Setiap pembekal harus lebih sensitif dengan perkhidmatan yang mungkin bertentangan dengan hukum syarak.

5.3.4 SARANAN KEPADA PIHAK BERKUASA AGAMA

- (i) Pihak berkuasa agama perlu lebih proaktif dalam permasalahan masyarakat terutama melibatkan persoalan hukum semasa. Sikap tunggu dan lihat bukanlah satu tindakan yang relevan masa kini. Semua pihak harus mendahului permasalahan dengan mengkaji, memahami dan mengeluarkan hukum seberapa segera tatkala berlaku sesuatu isu atau permasalahan yang diutarakan.
- (ii) Para mufti dan ahli jawatankuasa fatwa perlu berganding bahu dengan kepakaran pihak luar terutama melibatkan aplikasi teknologi moden. Sikap pengasingan diri dari urusan pihak tertentu kadangkala menimbulkan permasalahan yang lebih besar. Justeru, diharapkan agar perbincangan, diskusi dan wacana ilmiah perlu diperhebatkan dengan penglibatan ramai (*ijtihad al-Jamā'i*).
- (iii) Garis panduan terutama melibatkan persoalan hukum semasa harus diperjelaskan secara lebih sistematik kepada masyarakat. Kegagalan menyampaikan maklumat hukum secara tepat boleh membawa kepada salah faham dan kekeliruan yang menyesakkan. Justeru, hebahan dan sistem penyampaian haruslah diperkemaskan agar penyampaian hukum kepada masyarakat dapat dilakukan dengan berkesan.
- (iv) Aspek undang-undang dan penguatkuasaannya harus diperkemaskan. Perlu ada peruntukan khas legislatif kepada permasalahan seperti hukum undian rancangan

realiti tv, derma menerusi SMS, zakat SMS dan seumpamanya. Ini bertujuan untuk memudahkan sebarang tindakan diambil sekiranya berlaku sesuatu kesalahan.

5.4 KESIMPULAN

Sebagai kesimpulan, usaha yang berterusan ke arah memahami metodologi hukum perlulah diperkemaskan dan dimantapkan demi memastikan persoalan semasa ditangani dengan sebaiknya. Usaha ini dapat dilakukan dengan kerjasama semua pihak terutamanya para ulama dan professional. Cara penentuan hukum dalam era moden hendaklah dilakukan dengan pendekatan yang lebih efektif berbanding apa yang dilakukan terdahulu. Ini kerana era moden mempunyai cirinya yang tersendiri. Justeru menggabungkan kefahaman yang tepat dan kemampuan berinteraksi yang betul akan memastikan hukum-hakam sentiasa malar segar dan membuktikan kesyumuluan syariah Islam yang sentiasa relevan sepanjang masa.

BIBLIOGRAFI

al-Qurān al-Karīm.

‘Abd al-Karīm al-Namlah (2001), *al-Jāmi‘ li Masāil Ūṣul al-Fiqh wa Taṭbiqaha ‘ala al-Mazhab al-Rājiḥ*. Maktabah al-Rusyd: Riyāḍ.

‘Abd al-Karīm Zaydān (1998), *al-Madkhal li Dirāsāt al-Syarī‘ah al-Islāmiyyah*. c. 16. Beirut: Mu’assasah al-Risālah.

‘Abd Raḥmān b. Muḥammad (1996) *al-Durar al-Saniyyah fi Ajwibat al-Najdiyyah*. (T.T.P).

‘Abdul Wahhāb Khallāf (1972), *Maṣādir al-Tasyrī‘i al-Islāmiy fima la Naṣṣa fīhi*. c.3. Kuwait: Dār al-Qalam.

‘Asqalānī, Ibn Ḥajar al- (1990M). *Gharrās al-Asās*. Kaheerah: Maktabah Wahbah.

‘Ali Ḥaidar (t.t.), *Durar al-Ḥukkām Syarḥ Majallat al-Aḥkām*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.

Abdul Karim Ali & Raihanah Azhari (eds.)(1999), *Hukum Islam Semasa Bagi Masyarakat Malaysia Yang Membangun*. Kuala Lumpur: APIUM.

Abdullah Alwi Haji Hassan (1997), “*Penyelidikan Sebagai Asas Kemantapan Pengajian Syariah*”, dalam Mahmood Zuhdi Hj. Ab. Majid (eds.), *Dinamisme Pengajian Syariah*. Kuala Lumpur: Berita Publishing.

Abdullah Alwi Haji Hassan (2001) *Permasalahan Intelektual dalam Pembinaan Hukum Islam Semasa di Malaysia*, dalam Abdul Karim Ali dan Raihanah Azhari (eds.), *Hukum Islam Semasa Bagi Masyarakat Malaysia yang Membangun*.

Ahmad Baharuddin Abdullah (2004), *Memperkenalkan Bidang Kejuruteraan : Persepsi dan Sumbangan Islam*. Bentong: PTS Publications & Distributors Sdn.Bhd.

Ahmad Ibrahim (1999), *Undang-Undang Keluarga Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Malayan Law Journal Sdn.Bhd.

Aḥmad Raisūnī, Muḥammad Jamāl Bārūt (2002), *al-Ijtihād : al-Naṣ, al-Wāqi’, al-Maṣlahah*. Damsyik: Dar al-Fikr.

Al-Munjid fl al-Lughati wa al-A’lām. Beirut: Dār al-Masyraq.

Āmidī, ‘Ali al- (1406) *al-Iḥkām fi Uṣūli al-Aḥkām*. Dr.Sayyid al-Hujaylī (ed.) c. 2. Beirut: Dār al-Kitāb al-‘Arabiy.

- Ardit Llazani (2003), “*An SMS Client for Mobile Banking*”, (Disertasi M.Sc, Fakulti Sains Komputer & Teknologi Maklumat, Uiversiti Malaya).
- Asmarī, Šālīḥ bin Muḥammad bin Ḥasan al- (2000), *Majmū‘ah al-Fawāid al-Bahiyyah ‘Ala Manzūmah al-Qawā‘id al-Bahiyyah*, Beirut: Dār al-Šumai‘ī.
- Ashqar, ‘Umar Sulaymān al- (2003) *Tāriḫ al-Fiqh al-Islāmy*. c. 3. Jordan: Dār al-Nafā’is.
- Azhar Abdul Aziz, (2002) *Peranan Sains Perubatan dalam Menentukan Hukum Keharusan Fasakh kerana Penyakit*. (Tesis Sarjana Syariah, Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Islam, Universiti Malaya).
- Azli Paat, <http://arifict.dapat.com/2005/01/mengapa-pemungutan-derma-melalui-sms.html>.
- Bank Islam Berhad, http://www.bankislam.com.my/SMS_Banking.aspx.
- Bernard Gendron (1977) *Technology And The Human Condition*. New York: St. Martin Press.
- Bughā, Muṣṭafā al- & Muḥyi al-Dīn Mistaw (2007) *al-Wafī fi Syarḥ al-Arba‘in al-Nawawiyyah*. Ahmad Khairi al-Latifī (terj.) Kuala Lumpur: al-Hidayah Publisher.
- Bukhārī, Muḥammad b. Ismā‘īl Abu ‘Abd ‘Allāh al- (1994), *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Kaherah: Dār al-Fikr.
- Che Wan Jasimah Wan Mohamed Radzi (2000), *Konsep Kesihatan Melalui Pemakanan : Pendekatan Islam dan Sains*, Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors.
- Danial Zainal Abidin (2005): “*Kecemerlangan Islam Melalui Teknologi*”. Majalah I, bil. 35 / Sept. 2005.
- Fāsī, Muḥammad ‘Allāl al-, (1966). *Maqāṣid al-Syarī‘ah al-Islāmiyyah wa Makramuha*. Rabāṭ: Maṭābi‘ al-Risālah.
- Galbraith, J. K. (1978), *The New Industrial State*. England: Pelican.
- Gerald S.Ferman & Jade Levin (1975), *Social Sciences Research*. Amerika Syarikat: John Wisely & Sons.
- Ghazālī, Abu Ḥāmid Muḥammad b. Muḥammad al- (1390H), *Syifā’ al-Ghalīl*. Baghdād: Maṭba‘ah al-Irsyād.

_____ (1322H), *al-Mustasfā min 'Ilm al-Uṣūl*. Muhammad Sulayman al-Ashqar (eds.) Beirut: Mu'assasah al-Risalah.

Gwenaël Le Bodic (2005), *Mobile Messaging Technologies and Services : SMS, EMS and MMS*. New York: John Wiley & Sons Inc.

H. W. Fowler dan P. G. Fowler (eds.) (1964), *The Concise Oxford Dictionary*. Oxford: Clarendon Press.

Hairudin Harun (2004) *Retorik Sains dan Teknologi di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Hishām b. 'Abd Malik Āli Shaikh (2007), *Athar al-Taqniah al-Hadīthah fi al-Khilāf al-Fiqhī*. Riyāḍ: Maktabah al-Rusyd.

[http:// encarta.msn.com](http://encarta.msn.com).

[http:// www.ahlalhdeeth.com/vb/showthread.php?t=7281 - 384k](http://www.ahlalhdeeth.com/vb/showthread.php?t=7281-384k).

http://en.wikipedia.org/wiki/Alexander_Graham_Bell

<http://ms.wikipedia.org/wiki/SMS>.

<http://socrates.berkeley.edu/~nalinik/mobile.html>.

<http://www.cclab.com/billhist.htm>

http://www.islamway.com/?iw_s=Fatawa&iw_a=view&fatwa_id=15541.

http://www.mobilityone.com.my/pages/press/kosmo_11Nov.pdf

Ibn 'Asyūr, Muḥammad Ṭāhir (2001). *Maqāsid al-Syarī'ah al-Islāmiyyah*. c. 2. Beirut: Dār al-Nafāis.

Ibn al-Qayyim al-Jawziyyah (1985) *Zād al-Ma'ād fi Hadyi Khayr al-'Ibād*. Beirut: Muassasah al-Risalah.

_____, Ṭāha 'Abdul Raūf Sa'ad (ed.) (1973) *I'lām al-Muwaqqi'in 'an Rabb al-'Ālamīn*. Beirut: Dār al-Jīl.

Ibn Khaldūn, 'Abd Raḥmān (2002), *Muqaddimah Ibn Khaldūn*. c.2, Beirut: Dār al-Arqam.

Ibn Mājah, Muḥammad ibn Yazīd Abu 'Abd Allāh al-Quzwīnī (t.t.) *Sunan Ibn Mājah*. Beirut: Dār al-Fikr.

Ibn Manzūr (1990), *Lisān al-'Arab*. j. 7. Beirut: Dār al-Ṣādir.

- Ibn Nujaym (1980) *al-Asybah wa al-Nazair 'ala Mazhab Abi Hanifah ibn al-Nu'man*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Ibn Rushd (t.t.) *Bidayah al-Mujtahid wa Nihayah al-Muqtasid*. Damsyik: Dar al-Fikr.
- 'Izz b. 'Abd al-Salam (t.t) *Qawā'id al-Ahkām fi Muṣṭalaḥ al-Anām*. Beirut: Dar al-Ma'arif.
- JAKIM, http://www.e-fatwa.gov.my/jakim/keputusan_view.asp?keyID=146.
- Jaṣāṣ, Abu Bakar Ahmad al-Razi al- (1415) *Ahkām al-Qur'an*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Jenkins, Elwyn (1999), *The Third revolution of the digital age*, <http://radio.weblogs.com/0111745/stories/2002/08/12/theThirdRevolutionOfTheDigitalAge.html>.
- Junior KBSM Dictionary (1991), *A New English-Malay Edition*. M. A. Seaton (ed), Federal Publication Chambers.
- Jurjāni, 'Alī bin Muḥammad al-Sayyid al-Syarīf al- (1978), *al-Ta'rifāt*. Beirut: Maktabah Lubnān.
- Khin, Muṣṭafā Sa'īd al- (2000), *Athar al-Ikhtilāf fi al-Qawā'id al-Uṣūliyyah fi Ikhtilāf al-Fuqahā*. c. 2. Beirut: Muassasah al-Risālah.
- Lim Kim Hui dan Har Wai Mun (2007), *Globalisasi, Media dan Budaya : Antara Hegemoni Barat dengan Kebangkitan Asia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Lokman Ab. Rahman (2001), *Halal Products : Consumerism, Technology and Procedures*. Melaka.
- Mahmood Zuhdi Abd Majid (1992) *Sejarah Pembinaan Hukum Islam*. Kuala Lumpur: Jabatan Penerbitan Universiti Malaya.
- Mahmud Yunus (2006) *Tafsir Mahmud Yunus*. Klang: Klang Book Centre.
- Mohd Daud Bakar (1996), "Pembunuhan Rahmat (Euthanasia) Daripada Perspektif Teori Perundangan Islam", *Jurnal Syariah*, Jil. 4, bil. 1. Kuala Lumpur: Fakulti Syariah APIUM.
- Mohd Daud Bakar dan Zainudin Jaffar (1997), "Memahami Kaedah Hukum Islam dalam Pendekatan Perubatan Masa Kini", dalam Alwi Mohd Yunus (eds.), *Islam dan Perubatan*, Kuala Lumpur: INMIND.

Mohd Nasran Mohamad & Mohd Naim Mokhtar (2003), “Penceraian Melalui SMS Menurut Fiqh dan Undang-undang Keluarga Islam”, dalam Shofian Ahmad (*et.al.*) Prosiding Seminar Kebangsaan Fiqh Semasa 2003. Bangi: Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam UKM & Kolej Islam Selangor Darul Ehsan (KISDAR).

(2004), “Pembubaran Perkahwinan Melalui Medium Elektronik Menurut Fiqh dan Undang-undang Keluarga Islam”, dalam *Jurnal Hukum*. Jil. XVII Bhg. II, Putrajaya: Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia.

Muhammad Firdaus (1999), “*Kesan Perubahan Sosial Terhadap Hukum Islam*” (Tesis P.hd, Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya).

Muhammad Hashim Kamali (1995), “*Protect Against Disease : A Shariah Perspective on AIDS*”, *Law Journal*, Jil. 1 dan 2.

Muhammad Mokhtar (2004), *Komunikasi dan Perubahan*. Shah Alam: UPENA Universiti Teknologi Mara.

Muhammad Rasyīd Riḍā (t.t.), *Tafsīr al-Qurān al-Karīm*. c. 6. Kaherah: Dār al-Qarīb al-‘Arabī.

Muhammad Rawwās Qal’ahji (1988), *Mu‘jam Lughat al-Fuqahā’*. c. 2. Beirut: Dār al-Nafā’is.

Muhd Rosydi dan Marjan http://kict.iiu.edu.my/rosydi/article_jea/techno_daei.pdf.

Musa Abu Hassan (2002), *Peranan dan Penggunaan ICT di Kalangan Masyarakat*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.

Muslim, Abu Husayn ibn Hajjāj, (2000) *Ṣaḥīḥ Muslim*. Beirut: Dār Iḥyā’ al-Turāth al-‘Arabī.

Nadawī, ‘Ali Aḥmad al- (1998), *al-Qawā‘id al-Fiqhiyyah: Maḥmūhā, Nasy’atuhā, Taṭāwwuruhā, Dirāsatu Mu‘allaḥātihā, Adillatuhā, Muḥimmatuhā, Taṭbīqātuhā*. c. 4. Damsyik: Dār al-Qalam.

Nawāwī, Yaḥyā ibn Syaraf al- (1992), *Rauḍah al-Ṭālibīn wa ‘Umdah al-Muftīn*. Zuhāir Shāwīsh (eds.) c.3. Beirut: al-Maktab al-Islāmī.

(t.t.), *al-Majmū‘ Syarḥ al-Muhazzab*. Jeddah: Maktabah al-Irsyād.

Noresah (ed) (2007) *Kamus Dewan*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa Dan Pustaka.

- Norhayati Abd Mukti (2000), “*Revolusi Teknologi Maklumat*”. PEMIKIR, Jan-Mac 2000, Kuala Lumpur: Utusan Melayu (Malaysia) Sdn Bhd dengan kerjasama ISIS dan Jurnal Foreign Affair.
- Paizah Hj Ismail (2004), “*Maqāṣid al-Syarī‘ah dalam Pengajian Usūl Fiqh*”, dalam Irwan Mohd Subri (et.al.) prosiding Seminar Kebangsaan Usul Fiqh 2004. Petaling Jaya: Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM)& Intel Multimedia and Publication.
- Persatuan Pengguna Pulau Pinang (1999), *Makanan Berbahaya; Panduan CAP Mengenai Bahaya Tersembunyi dalam Makanan*. Sungai Pinang: Persatuan Pengguna Pulau Pinang.
- Qaḥṭāni, Musfir b. ‘Ali b. Muḥammad al- (2003) *Manhaj Istimbāt Aḥkām al-Nawāzil al-Fiqhiyyah al-Mu‘āṣarah : Dirāsatan Ta’šiliyyatan Taṭbīqiyyatan*. Beirut: Dār Ibn Hazm.
- Qaraḍāwi, Yūsuf al- (1997) *al-Fatwā bayn al-Inḍibāt wa al-Tasayyub*. Kaherah: Dār al-Fikr.
- _____ (2002), *Ijtihad dalam Syariat Islam*. (terj.), Kuala Lumpur: Crescent News Sdn. Bhd.
- Qarāfī, Aḥmad ibn Idrīs al- (t.t.), *al-Furūq*. Beirut: ‘Ālam al-Kutub.
- _____ (1994), *al-Dhakhīrah*. T.T.P.: Dār al-Gharb al-Islāmy.
- _____ (2004), *al-Iḥkām fī Tamyīz bayn al-Fatāwā wa al-Aḥkām wa Taṣarrufāt al-Qāḍī wa al-Imām*. Kaherah: Matba‘ah al-Anwār.
- Qurṭubī, Abu ‘Abdillāh al- (1967) *al-Jāmi‘ li Aḥkām al-Qurān*. Kaherah: Dār al-Kātib al-‘Arabiy.
- Rahimin Affandi Abd Rahim (2003), “*Sains Dan Teknologi (S&T) Dan Pengajian Syariah Di Malaysia : Analisa Terhadap Pengalaman Apium*,” dalam prosiding Seminar Fiqh Semasa, Bangi: UKM.
- Raysūnī, Aḥmad al- (1995), *Naẓariyyāt al-Maqāṣid ‘inda al-Syāṭibi*. Riyāḍ: al-Dār al-‘Ālamīyyah li al-Kitāb al-Islāmī.
- Rāzī, Muḥammad b. Abu Bakr al- (1401) *Mukhtār al-Šiḥāḥ*. Beirut: Dār al-Kitāb al-‘Arabiy.
- Rogers E. M (1991), *Teknologi Komunikasi: Media Baru dalam Masyarakat*. Zulkarnain Mohd. Mess (terj.) Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Rosli Mokhtar & Mohd Fikri Che Hussain (2007) *Maqāṣid al-Syarī'ah Hikmah di Sebalik Pensyariatan*. Shah Alam: Karya Bestari Sdn.Bhd.
- Sa'diy, 'Abd al-Raḥmān b. Nāṣir al- (2000), *Taysīr al-Karīm al-Raḥmān fī Tafṣīr al-Qur'ān*. Beirut: Muassasah al-Risālah.
- Sa'id b. Muḥammad Buharāwah (1999) *al-Bu'd al-Zamānī wa al-Makānī wa Atharuhumā fī al-Ta'āmul ma'a al-Naṣṣi al-Syar'ī*. Dār al-Fajr: Kuala Lumpur.
- Sadlān, Ṣāliḥ b. Ghānim al- (1999), *al-Qawā'id al-Fiqhiyyah al-Kubrā wa Mā Tafarra'a 'Anhā*. c. 2. Riyāḍ: Dār Balansiyyah.
- Sahā Salīm Mikdāsy (2007), *Taghayyur al-Aḥkām: Dirāsatan Taṭbīqiyyatan Li Qā'idat (La Yunkar Taghayyur al-Aḥkām bi Taghayyur al-Qarāin wa al-Azmān) fī Fiqh al-Islāmī*. Beirut: Dār al-Basyāir al-Islāmiyyah.
- Suyūfī, Jalāl al-Dīn b. 'Abd Raḥmān al- (1990) *al-Ashbāh wa al-Nazāir*, Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Schumacher, E. F. (1974), *Small Is Beautiful*. London: Abacus.
- Seksyen 17(1) Enakmen Keterangan Syariah Negeri Selangor 1996.
- Siow Heng Loke (2002), *Dasar-dasar Penting Bagi Pembangunan Pendidikan Sains Ke Arah Pembinaan Negara Maju*, dlm. Sufean Hussin (eds.), *Dasar Pendidikan Progresif Perspektif Makro Dan Mikro*. Kuala Lumpur: Utusan Publications.
- Su'aidān, Walīd b. Rasyīd al- (t.t), *Talqīḥ al-Afhām al-'Aliyyah bi Syarḥ al-Qawā'id al-Fiqhiyyah*.(T.T.P).
- Ṣubḥi Rajab Maḥmaṣṣāni (2009), *Falsafah Perundangan Islam*. Mufliha Wijayati (terj.) Kuala Lumpur: Pustaka al-Hidayah.
- Sulaiman Noordin (1992), *Sains, Falsafah Dan Islam*. Bangi: UKM.
- Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (2007) *Industry Report 2007 : Trends and Markets in Malaysian Mobile Service*. Cyberjaya: SKMM.
- Sya'bān Muḥammad Ismā'il (1998) *al-Ijtihād al-Jamā'i wa Dawr al-Majāmi' al-Fiqhiyyah fī Taṭbīqih*. Beirut: Dār al Bashāir al Islāmiyyah.
- Shāfi'ī, Muḥammad ibn Idrīs al- (t.t.) *al Risālah*. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Shahrastānī, Muḥammad bin 'Abd al-Karīm al- (1990), *al-Milal wa al-Niḥal*. Beirut: Dār al-Ma'rifah.

- Syāṭibī, Abu Ishaq Ibrahim b. Musa al-Gharnatī al-Malikī al- (1983), *al-Muwāfaqāt fī Uṣūli al-Syarī'ah* Beirut: Dār al-Ma'rifah.
- Syirāzī, Ibrāhīm ibn 'Ali al- (1988M), *al Mu'ūnah fī al-Jadal*. 'Abd Majid Turki (ed.) Beirut: Dār al Gharb al-Islāmī.
- Tahānawī, Muḥammad 'Ali al- (1961), *Kasyāf Iṣṭilāḥāt al-Funūn*. Beirut: Dār al-Ṣādir.
- Tuan Syed Mahussain Syed Ahmad al-Idrus (2003), "Falsafah Sains dan Teknologi Islam". dalam Dr.Ramli Awang et al. (eds.), *Falsafah Sains dan Teknologi*. Bentong: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Urmuwī, Ṣafiyuddīn al- (1996), *Nihāyah al-Wuṣūl fī Dirāyah al-Uṣūl*. Makkah al-Mukarramah: al-Maktabah al-Tijāriyyah.
- Wan Ramli Wan Daud, <http://pkukmweb.ukm.my/~drkmy/sejarah/kf3223/tekadab1.ppt>.
- Webster's Encyclopedia Unabridged Dictionary of The English Language Gramercy Books (1989), New York.
- Yūbī, al- (1998), *Maqāṣid al-Syarī'ah al-Islāmiyyah*. Riyāḍ: Dār al-Hijrah.
- Zaini Ujang (1989), "Tinjauan Terhadap Pendidikan Bersepadu : Suatu Sorotan Dalam Pengajian Kejuruteraan Alam Sekitar", dalam Jurnal Pendidikan Islam, Jil. 2, bil. 1.
- Zarqā, Mustafā Aḥmad al- (1989), *Syarḥ al-Qawā'id al-Fiqhiyyah*. c. 2. Damsyik: Dār al-Qalam.
- _____ (2004), *al-Madkhal al-Fiqh al-'Ām*. c. 4. Damsyik: Dār al-Qalam.
- Zuhaylī, Waḥbah al- (1998). *Uṣūl al-Fiqh al-Islāmiy*. c. 2. Beirut: Dār al-Fikr.
- _____ (2000), *Tajdīd al-Fiqh al-Islāmiy*. Beirut: Dar al-Fikr al-Mu'āṣir.
- Zulkiple Abd. Ghani (2000), "Imperatif Multimedia dalam Pembangunan Ummah", dalam Multimedia dan Islam. Kuala Lumpur: IKIM.
- _____ (2001), "Teknologi Maklumat : Hubungannya dengan Perkembangan Hukum Islam Semasa", dalam Abdul Karim Ali dan Raihanah Azhari (eds.), *Hukum Islam Semasa Bagi Masyarakat Malaysia yang Membangun*, Kuala Lumpur : APIUM.

SENARAI TEMUBUAL

Temu bual rasmi dan tidak rasmi :

1. Temu bual dengan Nazli Amirri b. Ngah melalui perbualan telefon di pejabatnya pada 8 Mei 2008, pada pukul 9.20 am. Beliau merupakan Penolong Setiausaha Bahagian Kutipan Zakat MAIDAM.
2. Temu bual dengan Adlena Oi melalui perbualan telefon di pejabatnya pada 21 Julai 2008, pada pukul 11.30 pagi. Beliau ialah Pengurus Alt Media Sdn.Bhd, anak syarikat TV3 Sdn. Bhd. dan juga syarikat yang bertanggungjawab membekalkan aplikasi SMS bagi program Bersamamu TV3.
3. Temu bual dengan Yang Arif Tuan Muhammad Azhari b. Abd Rahman di kamarnya pada 14.7.2008 pada pukul 9.30 am. Beliau ialah Ketua Pendaftar Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Pahang.
4. Temu bual dengan Hashim Fikri b. Hj. Ahmad Shauki di pejabatnya pada 5 Mei 2008, pada pukul 11.00 am. Beliau ialah Pegawai Khidmat Pelanggan LZS ketika sesi temu bual diadakan dan sekarang telah bertukar ke Unit Dakwah.
5. Temu bual dengan Siti Mahani Sh. Ab. Ghani melalui telefon di pejabatnya pada 12.4.2008, pukul 9.45 am. Selain itu, temu bual juga adalah melalui e-mail. Beliau adalah Pegawai Perhubungan Awam di Ibu Pejabat, Jabatan Komunikasi Koprak BIMB.